

Jilid I
Bil. 98



Hari Jumaat
23hb November, 1979

PENYATA RASMI PARLIMEN
PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT
HOUSE OF REPRESENTATIVES

PARLIMEN KELIMA
Fifth Parliament

PENGGAL PERTAMA
First Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 10519]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan, 1980—

Jawatankuasa (Hari Kedelapan):

Jadual—

Maksud B. 25 [Ruangan 10546]

Maksud B. 26 dan B. 27 [Ruangan 10551]

Maksud B. 28 [Ruangan 10589]

USUL:

Anggaran Pembangunan, 1980—

Jawatankuasa (Hari Kedelapan):

Maksud P. 25 [Ruangan 10546]

Maksud P. 26 dan P. 27 [Ruangan 10551]

Maksud P. 28 [Ruangan 10589]

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KELIMA*Penyata Rasmi Parlimen***PENGGAL YANG PERTAMA****AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT**

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO' (DR) SYED NASIR BIN ISMAIL, P.M.N., S.P.M.J., S.S.I.J., D.P.M.P., P.I.S., B.S.I.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Wilayah Persekutuan, DATO HUSSEIN ONN, D.K. (Johor) (Sri Gading).

„ **Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO' SERI DR MAHATHIR BIN MOHAMAD, S.S.D.K., S.P.M.S., S.S.A.P. (Kubang Pasu).**

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, DATO LEE SAN CHOON, S.P.M.J., S.S.I.J., K.M.N. (Segamat).

„ **Menteri Undang-undang, DATO' SERI HAJI HAMZAH BIN HAJI ABU SAMAH, S.S.A.P., S.I.M.P., S.M.K., S.P.D.K. (Temerloh).**

„ **Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TAN SRI ONG KEE HUI, P.M.N., P.N.B.S., P.G.D.K. (Bandar Kuching).**

„ **Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN SHAFIE, P.M.N., S.S.A.P., S.I.M.P., S.P.D.K. (Lipis).**

„ **Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TAN SRI DATO HAJI ABDUL KADIR BIN YUSOF, P.M.N., S.P.M.J., S.P.D.K., S.S.I.J. (Tenggaroh).**

„ **Menteri Kebajikan Am, DATIN PADUKA HAJAH AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI, D.P.M.S., J.M.N. (Kuala Langat).**

„ **Menteri Pertahanan, DATUK AMAR HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Samarahan).**

„ **Menteri Luar Negeri, Y.M. TENGKU DATO' AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, S.P.M.P., P.M.K. (Kota Bharu).**

„ **Menteri Pelajaran, DATO' MUSA BIN HITAM, S.P.M.J., S.S.I.J. (Labis).**

„ **Menteri Kewangan, Y.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K. (Ulu Kelantan).**

„ **Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATUK ABDUL SAMAD BIN IDRIS, J.M.N., P.J.K. (Jelevu).**

„ **Menteri Kesihatan, TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M., J.M.N. (Batu Berendam).**

„ **Menteri Pertanian, DATO' SHARIFF AHMAD, D.S.A.P., D.I.M.P., J.M.N. (Jerantut).**

„ **Menteri Penerangan, DATO MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.S.I.J., D.P.M.J., K.M.N. (Pulau).**

„ **Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATO' RICHARD HO UNG HUN, D.P.M.P. (Lumut).**

„ **Menteri Perusahaan Utama, DATO PAUL LEONG KHEE SEONG, D.P.C.M. (Taiping).**

„ **Menteri Perusahaan Awam, DATO' ABDUL MANAN BIN OTHMAN, D.P.M.T., P.P.T. (Kuala Trengganu).**

Yang Berhormat Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN LEO MOGGIE ANAK IROK (Kanowit).

- „ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO DR NEO YEE PAN, D.P.M.J. (Muar).
- „ Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DATO S. SAMY VELLU, D.P.M.S., A.M.N., S.M.S., P.C.M. (Sungai Siput).
- „ Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, DATO MANSOR BIN OTHMAN, K.M.N., P.J.K. (Kuala Pilah).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' SRI HAJI KAMARUDDIN BIN MOHD. ISA, S.P.M.P., K.M.N., J.P. (Larut).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, DATO' CHAN SIANG SUN, D.I.M.P., J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).
- „ Timbalan Menteri Luar Negeri, DATO' MOKHTAR BIN HAJI HASHIM, D.S.L.D. (Tampin).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD, J.B.S. (Santubong).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' HAJI RAMLI BIN OMAR, D.P.M.P., K.M.N., P.M.P. (Bagan Serai).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, TUAN MOHD. ALI BIN M. SHARIFF (Kuantan).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATIN PADUKA RAFIDAH AZIZ, D.P.M.S., A.M.N. (Selayang).
- „ Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATUK K. PATHMANABAN, D.S.N.S., K.M.N. (Telok Kemang).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO LEW SIP HON, D.P.M.S., J.M.N., K.M.N. (Shah Alam).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, DR LING LIONG SIK (Mata Kuching).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, DATUK HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N., S.M.T., P.B. (Besut).
- „ Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TAN SRI DATO' SYED AHMAD SHAHABUDDIN AL-HAJ, P.S.M., S.P.M.K., S.S.D.K., P.N.B.S., P.G.D.K., J.M.N., J.P. (Padang Terap).
- „ Timbalan Menteri Undang-undang, DATO' ABDULLAH BIN ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N. (Ulu Nerus).
- „ Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TUAN SANUSI BIN JUNID (Jerlun-Langkawi).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, TUAN MAK HON KAM, J.M.N., A.M.P. (Tanjong Malim).
- „ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' MOHAMED NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK, O.K.I.S., D.S.A.P. (Pekan).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DR NIK HUSSEIN BIN ABDUL RAHMAN, K.M.N. (Kuala Krai).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, TUAN CLARENCE E. MANSUL (Penampang).
- „ Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN CHIN HON NGIAN (Renggam).

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, TUAN JAWAN ANAK EMPALING, K.M.N. (Rajang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertahanan, DATO ABDUL JALAL BIN HAJI ABU BAKAR, D.P.M.J., S.M.J. A.M.N. (Batu Pahat).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, DATO' HAJI EMBONG BIN YAHYA, D.P.M.J., A.M.N., P.I.S. (Ledang).
- „ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD (Johor Bahru).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Wilayah Persekutuan, TUAN ABDULLAH BIN HAJI AHMAD, K.M.N. (Kepala Batas).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, TUAN ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, S.M.T., S.M.S., P.I.S. (Kuala Selangor).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Awam, TUAN IDRIS BIN ABDUL RAUF, A.M.P., A.M.N. (Parit Buntar).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Utama, TUAN ABDUL RAHIM BIN DATUK THAMBY CHIK, P.J.K. (Alor Gajah).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, TUAN WILLIAM LYE CHEE HIEN (Gaya).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri, TUAN MOHD. KASSIM *alias* YAHYA BIN AHMAD (Machang).
- „ TUAN ABBAH BIN MENGIMBAL *alias* GEORGE ABBAH (Bandau).
- „ TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).
- „ TUAN ABDUL GHANI BIN MISBAH, P.P.N., B.S.K. (Kinabatangan).
- „ TUAN ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR (Kulim-Bandar Bahru).
- „ TUAN ABDUL RAHMAN BIN DAUD (Pasir Mas).
- „ DATUK PATINGGI TAN SRI (DR) HAJI ABDUL-RAHMAN BIN YA'KUB, D.P., P.M.N., S.P.M.J., S.I.M.P., S.P.M.K., S.P.D.K., P.N.B.S. (Paloh).
- „ TUAN ABDUL SHUKUR BIN HAJI SIRAJ (Tanjung Karang).
- „ DATUK HAJI ABU BAKAR BIN UMAR, D.S.K.D., S.D.K. (Kota Setar).
- „ TUAN ALIAS BIN MD. ALI, P.J.K. (Ulu Trengganu).
- „ TUAN A.K. ALIUDDIN BIN PENGIRAN HAJI MOHD. TAHIR (Kimanis).
- „ TUAN HAJI AMPONG BIN PUYON, A.S.D.K., A.D.K., J.P.U., J.P. (Labuk Sugut).
- „ DATUK HAJI ASHKAR HASBOLLAH, P.G.D.K. (Marudu).
- „ TUAN AU HOW CHEONG (Telok Anson).
- „ TUAN AWANG BIN JABAR, P.J.K. (Dungun).
- „ TUAN AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM, A.M.P. (Batang Padang).
- „ TUAN BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).
- „ TUAN CHAN TECK CHAN (Kota Melaka).
- „ TUAN CHAN KOK KIT *alias* CHAN KIT (Sungai Besi).
- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- „ DATO MICHAEL CHEN WING SUM, D.P.M.S. (Ulu Selangor).
- „ TUAN CHIAN HENG KAI (Batu Gajah).

Yang Berhormat TUAN CHIENG TIONG KAI (Sarikei).

- „ PUAN CHOW POH KHENG, S.M.S. (Ulu Langat).
- „ TUAN RICHARD DAMPING ANAK LAKI (Serian).
- „ TUAN PETER PAUL DASON (Bukit Bendera).
- „ TUAN V. DAVID (Damansara).
- „ DATUK EDWIN ANAK TANGKUN, P.N.B.S., P.B.S., A.B.S. (Batang Lupar).
- „ DATUK STEPHEN ROBERT EVANS, P.G.D.K., J.P. (Keningau).
- „ TUAN FUNG KET WING (Sandakan).
- „ DATUK HARRIS BIN MOHD. SALLEH, S.P.D.K. (Ulu Padas).
- „ TUAN HASHIM BIN ENDUT (Ulu Muda).
- „ TUAN HASHIM BIN GHAZALI, A.M.N. (Matang).
- „ TUAN HAJI HASSAN ADLI BIN HAJI ARSHAD, J.S.M. (Bagan Datok).
- „ DR HEE TIEN LAI, A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Ayer Hitam).
- „ TUAN HIEW NYUK YING (Tawau).
- „ TUAN HISHAMUDDIN BIN HAJI YAHAYA (Maran).
- „ TUAN HUSSEIN BIN MAHMOOD (Tanah Merah).
- „ TUAN IBRAHIM BIN MUHAMMAD, P.B., P.P.M., P.P.N. (Rantau Panjang).
- „ TUAN HAJI IKHWAN BIN NASIR (Pontian).
- „ TUAN ISMAIL BIN ARSHAD, A.M.K. (Jerai).
- „ TUAN ISMAIL *alias* MANSOR BIN SAID, A.M.N. (Kemaman).
- „ TUAN JAMALUDDIN BIN HAJI SUHAIMI, A.M.N., P.J.K. (Sabak Bernam).
- „ TUAN KAMALUDDIN BIN MAAMOR (Hilir Perak).
- „ TUAN KARPAL SINGH (Jelutong).
- „ TUAN MARK KODING (Kinabalu).
- „ DATUK LEE BOON PENG, D.S.N.S., A.M.N., P.J.K., J.P. (Mantin).
- „ TUAN LEE KAW (Kluang).
- „ TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).
- „ TUAN LIBEN ANAK KATO (Betong).
- „ TUAN LIM CHO HOCK (Ipoh).
- „ TUAN LIM KIAM HOON *alias* LIM AH YING, A.M.K. (Padang Serai).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Petaling).
- „ TUAN LEONARD LINGGI ANAK JUGAH, J.B.S. (Kapit).
- „ TUAN MOHAMAD TAJOL ROSLI BIN MOHAMED GHAZALI (Gerik).
- „ TUAN HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, K.M.N., A.M.N., P.B. (Nilam Puri).
- „ TUAN MOHAMED KHIR JOHARI (Kuala Muda).
- „ TAN SRI DATUK HAJI MOHAMED SAID BIN KERUAK, P.M.N., S.P.D.K. (Kota Belud).
- „ TUAN HAJI MOHAMMAD TAUFECK BIN O.K.K. HAJI ASNEH, D.S.K., B.K., P.P.M. (Hilir Padas).
- „ TUAN MOHD. BAKRI BIN ABDUL RAIS, A.M.P. (Parit).
- „ TUAN HAJI MOHD. IDRIS BIN HAJI IBRAHIM, J.S.M. (Setapak).

Yang Berhormat TUAN MOHD. NAKHAIE BIN HAJI AHMAD (Baling).

- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH (Bachok).
- „ TUAN MUHYIDDIN BIN HAJI MOHAMED YASSIN, P.I.S. (Pagoh).
- „ TUAN JONATHAN NARWIN ANAK JINGGONG (Lubok Antu).
- „ TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P. (Pengkalan Chepa).
- „ DATUK NIK HASSAN BIN ABDUL RAHMAN, S.P.M.T., P.N.B.D., P.S.D., K.M.N. (Kuala Nerus).
- „ DATUK JAMES PETER ONGKILI, D.I.M.P. (Tuaran).
- „ TUAN OO GIN SUN, A.M.K., S.D.K. (Alor Setar).
- „ TUAN PATRICK ANEK UREN (Mas Gading).
- „ TUAN P. PATTO (Menglembu).
- „ TUAN RACHA UMONG, P.B.S. (Bukit Mas).
- „ DATUK HAJI SAKARAN BIN DANDAI, S.P.D.K., J.P. (Silam).
- „ DATUK SENU BIN ABDUL RAHMAN (Kuala Kedah).
- „ TUAN SEOW HUN KHIM (Bukit Mertajam).
- „ TUAN SHAARI BIN JUSOH, J.M.N., A.M.P., P.P.N., P.P.M. (Kangar).
- „ TUAN SHAMSURI BIN MD. SALLEH, A.M.N., P.K.T., J.P. (Balik Pulau).
- „ PUAN SHARIFFAH DORAH BINTI MOHAMMED (Semerah).
- „ TUAN SIBAT MIYUT ANAK TAGONG (Ulu Rajang).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN HAJI SUHAIMI BIN DATO' HAJI KAMARUDDIN, A.M.N., S.M.S. (Sepang).
- „ TUAN SYED HASSAN BIN SYED MOHAMED, A.M.P., P.J.K. (Arau).
- „ TUAN RAYMOND SZETU MEI THONG (Lambir).
- „ DR TAN KOON SWAN, A.M.P., J.P. (Raub).
- „ DR TAN TIONG HONG (Kepong).
- „ TENGKU NOOR ASIAH BINTI TENGKU AHMAD, A.M.N., P.B. (Tumpat).
- „ TUAN TING CHEK MING (Bruas).
- „ TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- „ TUAN UMAR BIN HAJI ISMAIL, A.M.N., P.P.T. (Padang Rengas).
- „ WAN MOHD. NAJIB BIN WAN MOHAMED (Pasir Puteh).
- „ WAN ZAINAB BINTI M.A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungai Petani).
- „ TUAN WONG HOONG KEAT (Tanjong).
- „ DR WONG SOON KAI, P.B.S. (Sibu).
- „ TUAN YANG CHOONG FU (Kinta).
- „ PUAN YONG FATIMAH BINTI MOHD. RAZALI, A.M.N., P.J.K. (Kuala Kangsar).
- „ DATUK STEPHEN YONG KUET TZE, P.N.B.S. (Padawan).
- „ TUAN YUSOF BIN MALIM KUNING *alias* ABDUL RAHMAN BIN MOHD. JANI, P.I.S., B.S.I. (Panti).
- „ TUAN HAJI ZABIDI BIN HAJI ALI, P.J.K. (Permatang Pauh).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Timbalan Setiausaha: Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting: Yahya Manap.

Penolong Penyunting: P. B. Menon.

Penolong Penyunting: Haji Osman bin Sidik.

Pemberita-pemberita:

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suher bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Puan Ng Chong Kin

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Kalsom binti Ghazali.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Musa bin Alang Ahmad.

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

Jumaat, 23hb November, 1979

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan*
Mesyuarat)

PENGUMUMAN YANG
DI-PERTUALAWATAN PERWAKILAN PARLIMEN
DARI MAJLIS TERTINGGI SOVIET
UNION KE PARLIMEN

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya suka memaklumkan bahawa Dewan ini merakamkan penghargaan di atas kunjungan dan lawatan daripada Perwakilan Parlimen dari Majlis Tertinggi Soviet Union yang diketuai oleh Tuan Yang Terutama, Encik Barauskas iaitu Timbalan Pengerusi the Presidium of the Supreme Soviet dan juga Pengerusi the Presidium of the Supreme Soviet of the Lithuanian Soviet Socialist Republic yang mengandungi 7 orang dan sekarang ada bersama-sama di dalam Dewan ini memerhatikan perjalanan Dewan pada mulanya. Tuan Yang Terutama dan Ahli-ahli Yang Berhormat itu akan melawat Malaysia selama 7 hari dan selain daripada di Kuala Lumpur juga di Kota Bharu, Kelantan; Pulau Pinang dan Kuching, Sarawak. *(Tepuk)*

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI
PERTANYAAN-PERTANYAAN

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Ting Chek Ming.

Tuan Lee Kaw: Tuan Yang di-Pertua, soalan yang pertama.

Tuan Yang di-Pertua: Soalan ini sekarang ialah atas nama Ahli Yang Berhormat dari Kluang.

PENDAFTARAN PENGUNDI
TAHUNAN

1. Tuan Lee Kaw (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Perdana Menteri menyatakan sama ada Kementerian telah mendaftarkan pengundi dalam "electoral rolls" bila mereka mencapai umur yang cukup tanpa perlaksanaan satu kempen pendaftaran pengundi tahunan dan jika tidak beri sebab-sebabnya dan juga jumlah wang tahunan yang akan digunakan untuk pendaftaran pengundi.

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri (Tuan Shahrir bin Abdul Samad): Tuan Yang di-Pertua, Suruhanjaya Pilihanraya tidak mendaftarkan pemilih bila mereka mencapai umur yang cukup sebagai pemilih melainkan mereka itu mendaftar menerusi sistem pendaftaran pemilih seperti yang diamalkan di negara kita sekarang ini.

Kerajaan tidak bercadang untuk mengadakan peruntukan supaya pendaftaran dijalankan secara otomatik oleh kerana mendaftarkan diri sebagai pemilih ialah suatu hak setiap seorang warganegara Malaysia yang mencapai kelayakan. Di dalam soal hak, tidak ada sesiapa pun yang boleh menafikan hak seseorang itu ataupun memaksanya untuk menggunakan hak itu. Suatu sistem pendaftaran secara otomatik tidak akan menjamin kebebasan seseorang itu bagi memilih sama ada ia ingin menggunakan atau tidak haknya itu. Tambahan pula, pendaftaran secara otomatik akan lebih membanyakkan urusan pendaftaran kerana ianya perlu diadakan sepanjang tahun atau sepanjang masa. Perbelanjaan akan menjadi berlipat kali ganda sekiranya pendaftaran hendak dilakukan secara otomatik dan kerja-kerja itu dilaksanakan sepanjang masa.

Perbelanjaan yang digunakan untuk pendaftaran pemilih bagi 5 tahun yang lepas adalah seperti berikut:

1975	...	...	\$ 988,340
1976	...	...	977,593

1977	...	...	\$1,219,741
1978	...	...	1,242,766
1979	...	...	1,000,000 (anggaran)

Tuan Lee Kaw: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Adakah Setiausaha Parlimen yang berkenaan sedar baru-baru ini masa dijalankan pendaftaran pengundi-pengundi baru sangat tidak memuaskan oleh kerana beberapa tempat pegawai yang bertanggungjawab tidak hadir di Pusat-pusat Pendaftaran. Adakah sistem baru boleh dicadangkan?

Tuan Shahrir bin Abdul Samad: Tuan Yang di-Pertua, aduan-aduan seperti ini banyak juga ditimbulkan secara umum sahaja dan pada masa kita membahaskan soal-soal yang bersangkutan-paut dengan Suruhanjaya Pilihanraya, saya telah menyatakan sekiranya ada perkara-perkara yang tertentu yang tepat, bolehlah diadakan terus kepada pihak Suruhanjaya Pilihanraya untuk diambil tindakan. Soalan sistem baru tidak timbul.

Tuan P. Patto: Tuan Speaker, tadi Yang Berhormat Setiausaha Parlimen ada berkata bahawa seseorang itu tidak boleh didaftar secara otomatis oleh kerana itu ialah hak seseorang dan sama ada mereka mahu menggunakan atau tidak, itu terpulang kepada orang itu. Saya ingin mendapat tahu sama ada hak mengundi yang lebih mustahak daripada seseorang itu layak mengundi dan sekiranya layak mengundi—mustahak, maka mengapakah pihak Kerajaan tidak mahu mendapatkan maklumat-maklumat daripada Jabatan Pendaftaran yang mempunyai segala maklumat yang menunjukkan sesiapa yang sudah berusia 21 tahun yang berwarganegara Malaysia dan juga mereka senang boleh mendapat tahu daripada Jabatan, dengan izin, Births and Deaths, tentang mereka yang sudah meninggal dunia dan dengan itu boleh mendapatkan satu senarai yang lebih lengkap daripada apa yang ada sekarang dan itu akan menunjukkan kedudukan sebenar

Tuan Yang di-Pertua: Soalan tambahannya apa?

Tuan P. Patto: Saya ingin tahu

Tuan Yang di-Pertua: Jangan panjang-panjang cerita, terus kepada soalan tambahan.

Tuan P. Patto: Ya, saya sudah buat tadi, Tuan Speaker.

Tuan Shahrir bin Abdul Samad: Tuan Yang di-Pertua, soalnya mengapa tidak kita jalankan pendaftaran secara otomatis, jawapan ini telah saya berikan dalam jawapan asal tadi.

Tuan Chan Teck Chan: Adakah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen sedar kalau sistem yang ada sekarang ini merupakan satu sistem yang baik, apakah sebabnya bahagian ini hanya 17% orang ramai dapat didaftarkan sebagai pengundi. Apakah sebab musababnya yang mengakibatkan begitu rendah percentage rakyat Malaysia keluar untuk mendaftarkan diri sebagai pengundi.

Tuan Shahrir bin Abdul Samad: Tuan Yang di-Pertua, saya telahpun memberi jawapan kepada soalan-soalan seperti ini lebih-lebih lagi jawapan yang saya berikan ialah yang mustahak sekali, saya fikir bagi Ahli-ahli Yang Berhormat ialah bahawa kita tidak ada pilihanraya tahun ini, jadi tidak adalah kempen yang begitu hebat daripada pihak Ahli Yang Berhormat itu sendiri.

Kalaulah katakan tahun depan hendak ada kan pilihanraya, saya fikir tentulah Ahli Yang Berhormat yang berkenaan tidak berlengah-lengah lagi berkempen dari rumah ke rumah untuk menggalakkan orang mendaftar.

Soal sama ada kita boleh mengukur berkesan atau tidak, efektif atau tidak satu-satu sistem pendaftaran itu daripada jumlah orang yang mendaftar, saya fikir itu tidaklah jadi satu ukuran yang boleh digunakan dalam hal ini.

Tuan Shamsuri bin Md. Salleh: Tuan Yang di-Pertua, melihat daripada rasa tidak puas hati daripada pihak Pembangkang terutama DAP tentang pendaftaran pemilih ini, saya ingin mendapat penerangan atau penjelasan daripada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, adakah pihak parti DAP selama ini telah menulis atau membuat syor-syor secara rasmi, secara bersurat kepada Suruhanjaya Pilihanraya atas pendaftaran pengundi-pengundi menyatakan cadangan-cadangan mereka cara-cara yang mereka fikir lebih baik dan kalau tidak ada, adakah Kerajaan berpuas hati dengan sistem pendaftaran yang berjalan sekarang.

Tuan Yang di-Pertua: Sebenarnya jawapan kepada kedua-dua soalan itu sudah ada dalam jawapan asal. Tetapi kalau ada hendak tambah, sila.

Tuan Shahrir bin Abdul Samad: Tidak ada apa-apa hendak ditambah.

AKTA KESELAMATAN DALAM NEGERI—MEMINDA

2. Tuan Lim Kit Siang minta Perdana Menteri menyatakan sama ada Kerajaan akan menimbang untuk meminda Akta Keselamatan Dalam Negeri untuk meletakkan kuasa-kuasa yang dipunyai oleh Menteri mengenai tahanan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri kepada penyeliaan dan pengawalan pihak kehakiman untuk menentukan bahawa tidak berlaku apa-apa salahguna kuasa untuk tujuan politik atau lain-lain tujuan yang tidak mempunyai kaitan langsung dengan keselamatan negara, jika tidak, mengapa Kerajaan menentang jaminan secara undang-undang terhadap penyalahgunaan kuasa-kuasa tahanan tanpa perbicaraan.

Timbalan Perdana Menteri (Dato' Seri Dr Mahathir bin Mohamad): Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan tidak berniat hendak meminda Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960 sebagaimana yang dicadangkan oleh Yang Berhormat itu. Tanggungjawab Menteri dan tanggungjawab Kehakiman adalah berbeza. Kuasa di bawah undang-undang ini ialah kuasa executive yang dipertanggungjawabkan kepada Menteri.

Kerajaan tidak menentang jaminan secara undang-undang terhadap penyalahgunaan kuasa. Undang-undang yang ada sekarang adalah mencukupi. Jika rakyat berpendapat bahawa Kerajaan menyalahgunakan kuasa, proses democracy dapat menamatkan perbuatan ini. Tetapi rakyat tentulah faham bahawa mereka yang begitu sekali mengecam penyalahgunaan kuasa di waktu mereka tidak berkuasa, biasanya lebih kejam jika mereka berjaya merebutkan kuasa. (*Tepuk*). Ini dapat dilihat di mana-mana saja.

Ahli Yang Berhormat tentu tahu bahawa bukan semua jenayah mempunyai bukti yang cukup yang boleh disahkan dalam mahkamah. Dalam soal keselamatan negara, kita bukan sahaja perlu menghukumkan mereka yang sudah melakukan kesalahan tetapi kita perlu menghalang perbuatan yang mengancamkan negara. Ini bermakna tindakan mencegah perlu diambil sebelum sesuatu perbuatan. Bagaimanakah dapat kita mengadakan maklumat kalau kesalahan belum dilakukan. Sebaliknya jika ditunggu hingga

kesalahan dilakukan maka mungkin agak terlalu lewat untuk memulihkan keadaan keselamatan. Selain dari itu kita semua tahu banyak jenayah yang berlaku yang tidak mungkin disahkan dalam perbicaraan mengikut undang-undang evidence yang ada. Dengan ini ramai juga yang terlepas dari hukuman yang sepatutnya. Dalam menjaga keselamatan negara, kelemahan sistem undang-undang tidak boleh dibenar menyulitkan kepentingan negara.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, adakah Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri sedar bahawa satu sistem di mana tidak ada apa-apa jentera untuk mencegah salahguna kuasa yang ada seringkali berlaku di bawah penahanan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri, satu sistem yang tidak sejajar dengan sistem demokrasi berparlimen dan satu sistem demokrasi berparlimen tidak mengatasi atau mencegah salahguna kuasa terhadap individu-individu.

Dato' Seri Dr Mahathir bin Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, yang saya tahu banyak negara-negara yang mendakwa dirinya sebagai demokratik mempunyai undang-undang yang sama dan Ahli Yang Berhormat itu tentu tahu di mana (*Tepuk*).

Tuan Mohd. Nakhaie bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, masalah yang berkaitan dengan Akta Keselamatan Dalam Negeri ini melibatkan sudah pastinya keadilan dan kehakiman. Tetapi mengapakah perjalanan dalam Akta yang ada sekarang ini dipisahkan daripada kehakiman dan mahkamah dan tidakkah ini bermakna bahawa pihak executive telah mencabuli dan menarik kuasa-kuasa yang sepatutnya ada dalam bidang kehakiman dan juga mahkamah.

Dato' Seri Dr Mahathir bin Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, saya telah jelaskan bahawa di dalam perkara yang semacam ini sistem kehakiman yang ada sekarang ini tidak mungkin berkesan, kerana perbuatan jenayah itu belum lagi dilakukan tetapi diketahui bahawa mereka memang berminat untuk melakukan jenayah. Oleh itu tidak ada bukti ataupun evidence yang boleh dikemukakan kepada mahkamah. Dalam keadaan ini, kalau kita menunggu, mungkin keselamatan dalam negara akan terancam. Ini saya ulang balik apa yang saya telah kata. Nampaknya Ahli Yang Berhormat itu tidak mendengar tadi barangkali,

Tuan Alias bin Md. Ali: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengetahui sama ada PAS sebagai sebuah parti telah mengemukakan secara rasmi kepada Kabinet atau kepada pimpinan Barisan Nasional sewaktu mereka duduk dalam Barisan Nasional dahulu supaya Akta ini dihapuskan.

Tuan Yang di-Pertua: Sebenarnya ini terkeluar, melainkan kalau Yang Amat Berhormat hendak menjawab, tetapi ini diluar daripada pertanyaan asal.

Tuan Chan Teck Chan: Daripada aspek jenayah, adakah Yang Amat Berhormat sedari bahawa adanya berlaku salahguna kuasa di bawah ISA ini untuk menahan ahli-ahli politik yang menegur dasar-dasar Kerajaan, umpamanya Yang Berhormat dari Sungai Besi dan Yang Berhormat dari Batu Gajah. Adalah ditahan kerana salahguna kuasa bukan dengan bukti-bukti yang jelas. . . .

Tuan Yang di-Pertua: Apakah soalan tambahan yang mula-mula tadi?

Tuan Chan Teck Chan: Soalan tambahan saya adakah Yang Amat Berhormat sedar atas perkara ini

Dato' Seri Dr Mahathir bin Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, kadang-kadang ahli-ahli politik juga terlibat dalam mengancam keselamatan negara dan mereka akan ditahan kerana itu bukan sebab politik (*Tepuk*).

Tuan P. Patto: Tuan Speaker, tadi Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri ada berkata bahawa oleh kerana tidak dapat bukti-bukti untuk menunjukkan bahawa satu-satu perkara itu akan dilakukan tetapi ada bukti dalam tangan Kerajaan tetapi tidak boleh dibawa ke mahkamah. Adakah Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri sedar bahawa ramai orang-orang tahanan diberitahu sebab-sebab dan dalam sebab-sebab itu diberitahu kesalahan-kesalahan yang telah dilakukan oleh mereka dan kerana telah melakukan kesalahan yang dikatakan oleh pihak Kerajaan itu mereka ditahan? Kalau begitu, mengapakah mereka tidak membawa ke mahkamah oleh kerana ternyata sekali dalam "black and white" bahawa ada kesalahan dilakukan?

Dato' Seri Dr Mahathir bin Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, sebab-sebab yang diberi itu bukanlah sebab-sebab yang boleh diterima di dalam mahkamah yang berkehendakkan kepada butir-butir ataupun proof tentang sesuatu. Jadi tidaklah dapat kita membawa kes ini ke mahkamah untuk mendapat satu conviction.

Ahli Yang Berhormat sudahpun tahu itu tetapi perkara ini telahpun dibahaskan di dalam Dewan ini, dibawa oleh parti DAP tetapi telah ditolak tetapi masih juga berbangkit soalan yang lama.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri adakah setakat ini Kerajaan telah menyalahgunakan kuasa dengan adanya ISA ini atau apa-apa yang menyusahkan rakyat yang tidak berniat baik dengan adanya ISA ini?

Dato' Seri Dr Mahathir bin Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, setakat ini Kerajaan Barisan Nasional dan sebelumnya Kerajaan Perikatan tidak pernah menyalahgunakan kuasa dan ini dapat disaksikan kerana tiap-tiap kali ada pilihanraya, kami dipilih semula.

REPUBLIK ISLAM IRAN

3. **Tuan Mohd. Nakhaie bin Haji Ahmad** (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Luar Negeri menyatakan apakah sikap Kerajaan Malaysia terhadap Kerajaan Republik Islam Iran yang ada sekarang dan bagaimanakah kedudukan dan taraf pegawai Kedutaan Malaysia di Iran pada masa ini.

Menteri Luar Negeri (Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Al-haj): Tuan Yang di-Pertua, Malaysia meneruskan hubungan seperti biasa dengan Kerajaan Republik Islam Iran. Malaysia menganggapkan pergolakan di negara itu baru-baru ini yang mengakibatkan penubuhan Kerajaan baru Republik Islam Iran ini sebagai hal ehwal dalam negeri Iran sendiri.

Mengenai Kedutaan kita di Taheran pula, kedudukan dan taraf pegawai-pegawai tetap tidak berubah. Mereka telah menjalankan tugas-tugas mereka seperti biasa dan mengadakan hubungan dengan pihak Kerajaan

Republik Islam Iran dari semasa ke semasa. Mereka telah diberikan segala kemudahan oleh Kerajaan Iran sesuai dengan taraf mereka sebagai mewakili negara Malaysia.

Tuan Lee Lam Thye: Tuan Speaker, bolehkah Yang Berhormat Menteri memberi sedikit maklumat tentang keadaan ataupun kedudukan keselamatan pelajar-pelajar Malaysia yang sedang menuntut di Teheran dan apakah langkah-langkah yang telah diambil untuk menjamin keselamatan pelajar-pelajar Malaysia yang sekarang berada di Teheran.

Tuan Yang di-Pertua: Soalan asalanya ialah taraf kedudukan pegawai-pegawai di Kedutaan, tetapi kalau Yang Berhormat Menteri ada kenyataan berkenaan dengan pelajar, silakan.

Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Al-haj Tuan Yang di-Pertua, bersabit dengan keadaan warganegara Malaysia yang terdapat di Teheran di mana kita ketahui adalah dengan selamat termasuklah pelajar, jikalau ada.

Tuan P. Patto: Tadi Yang Berhormat Menteri ada berkata bahawa oleh kerana apa yang berlaku di Iran adalah satu hal ehwal dalam negeri dan kita tidak boleh campurtangan dan juga oleh kerana itu satu hal ehwal dalam negeri maka kita terus mengadakan hubungan kita dengan negeri Iran. Saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Menteri sama ada tafsiran ini tentang hubungan diplomatik dengan negara Iran juga diextend kepada negara-negara lain, umpamanya, Afrika Selatan oleh kerana kalau ini benar maka adakah ini bererti bahawa Malaysia bersedia mengadakan hubungan diplomatik dengan Afrika Selatan oleh kerana masalah yang ada di Afrika Selatan adalah masalah rumahtangga sendiri.

Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Al-haj: Tuan Yang di-Pertua, keadaan ini saya rasa berbeza. Saya tidak faham Yang Berhormat dari Menglembu bertanyakan soal ini. Keadaan di Afrika Selatan dengan apa yang berlaku di Iran baru-baru ini ada perbezaan. Oleh sebab kita ada perhubungan dahulu maka sekarang ini oleh sebab apa yang berlaku di dalam negeri itu adalah hal dalam negeri, maka kita meneruskan; tidak bersabit dengan South Afrika sekarang ini.

MAJLIS SUKAN SEKOLAH-SEKOLAH

4. Tuan Hussein bin Mahmood minta Menteri Pelajaran menyatakan adakah tugas-tugas yang berkaitan dengan Majlis Sukan Sekolah-sekolah Malaysia atau negeri-negeri boleh disifatkan sebagai tugas rasmi kepada guru-guru atau kakitangan sekolah. Kalau ya adakah beliau bercadang hendak meringankan tugas-tugas akademik bagi guru-guru yang bergerak cergas di dalam Majlis Sukan tersebut.

Timbalan Menteri Pelajaran (Dato' Chan Siang Sun): Tuan Speaker, guru adalah bertanggungjawab terhadap kebajikan murid-muridnya. Tanggungjawab ini bukanlah terhad kepada tugas guru tersebut mengajar pelajaran akademik di bilik darjah sahaja, tetapi meliputi semua bidang organisasi yang terdapat di sekolah di mana guru itu berkhidmat sama ada dianjurkan oleh sekolah itu sendiri atau badan-badan lain.

Gerak-kerja ko-kurikula adalah sebahagian daripada tanggungjawab guru dan aktiviti ini pada lazimnya, dijalankan di luar masa persekolahan seperti di sebelah petang, pada hujung minggu dan juga dalam cuti penggal persekolahan.

Majlis Sukan Sekolah-sekolah Malaysia (MSSM) adalah badan yang menyelaraskan semua kegiatan sukan di sekolah-sekolah dan membawa kegiatan-kegiatan tersebut ke kemuncak di peringkat nasional. Walaupun tugas yang dijalankan oleh guru berkaitan dengan MSSM atau Majlis Sukan Sekolah Peringkat Negeri bercorak sukarela, tugas tersebut adalah lanjutan kepada tugas ko-kurikula guru di sekolah dan kegiatan di peringkat Negeri atau Nasional boleh dianggap sebagai menyempurnakan tugas rasmi di sekolah oleh guru tersebut.

Tugas-tugas guru berkaitan dengan MSSM di peringkat daerah, Negeri dan Nasional bukanlah berkehendakkan guru itu berkhidmat sepanjang tahun. Ia hanya ditugaskan untuk kegiatan satu atau dua jenis sukan sahaja dan ini berlaku di luar masa sekolah. Oleh itu tidaklah perlu tugas akademik guru yang terlibat itu dikurangkan. Namun demikian Guru Besar bolehlah menggunakan budibicaranya untuk meringankan tugas ko-kurikula di sekolahnya ke atas guru-guru yang bergerak cergas dalam Majlis Sukan tersebut.

Tuan Hussein bin Mahmood: Tuan Yang di-Pertua, oleh sebab selalunya berlaku guru-guru yang terlibat dengan Majlis Sukan Sekolah-sekolah sama ada di peringkat Negeri atau di peringkat Kebangsaan terpaksa menghadiri mesyuarat-mesyuarat di dalam waktu sekolah dan ini sudah tentu melibatkan kerugian kepada murid-murid sekolah berkekenaan dan di dalam hal ini adakah pihak Kementerian Pelajaran bercadang untuk mengadakan peruntukan istimewa kepada sekolah-sekolah yang terlibat dengan soal kadar guru/murid pada sekolah-sekolah yang berkenaan.

Dato' Chan Siang Sun: Tuan Speaker, saya sudah jawab dalam pokok jawapan saya tadi. Ini barangkali untuk masa sekarang sudah mencukupi peruntukan untuk guru yang terlibat itu.

ESTET PERINDUSTRIAN DI TELOK ANSON

5. Tuan Au How Cheong minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan sama ada Kerajaan sedar bahawa kesemua estet perindustrian yang ada sekarang dalam Negeri Perak adalah ditempatkan di Ipoh Utara dan tidak ada sebuah estet pun antara Ipoh dan Tanjung Malim. Jika ya, sama ada Kerajaan menimbangkan supaya mendirikan estet perindustrian di Wilayah Perak Selatan, khususnya di Telok Anson atau Daerah Hilir Perak.

Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Dato Lew Sip Hon): Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan adalah sedar bahawa pada masa ini memang tidak ada estet perindustrian di kawasan selatan daripada Ipoh. Walau bagaimanapun, hal yang demikian tidak menghalang projek-projek perindustrian yang sesuai didirikan di Wilayah Perak Selatan. Ini terbukti bahawa bagi tempoh 1969 hingga Jun 1979 sejumlah 74 projek perindustrian telahpun diluluskan bagi ditempatkan di Wilayah Perak Selatan, khususnya 27 projek perindustrian di Daerah Hilir Perak.

Saya ingin memaklumkan bahawa adalah menjadi tujuan Kerajaan Negeri Perak memajukan kawasan-kawasan perindustrian kecil bagi tiap-tiap bandar di Perak dan tapak-tapak telahpun ditinjau. Bagi Wilayah Perak Selatan, Kerajaan Negeri Perak telah menandakan kawasan perindustrian berhampiran dengan bandar-bandar Kampar, Bidor, Tapah

dan juga di Telok Anson. Di samping itu saya adalah juga difahamkan bahawa Kerajaan Negeri Perak tidak pula menghalang sekiranya ada permohonan daripada pengusaha untuk mendirikan kilang-kilang mereka, sungguhpun kawasan yang dipilih oleh mereka bukan di estet perindustrian.

CUKAI KE ATAS GETAH

6. Tuan Oo Gin Sun minta Menteri Perusahaannya Utama menyatakan oleh sebab kadar cukai dan duti ke atas getah itu tinggi, ada suatu aliran yang merbahaya di antara tuan-punya-tuanpunya ladang di mana mereka mengubah daripada menanam getah kepada tanaman yang lebih menguntungkan seperti kelapa sawit, akibatnya kesusutan pengeluaran getah pada keseluruhannya; apakah tindakan-tindakan yang beliau bercadang mengambil bagi memberhentikan aliran yang merbahaya ini supaya Malaysia dapat mengekalkan kedudukannya sebagai Negara pengeluar getah nombor satu di dalam dunia.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaannya Utama (Tuan Abdul Rahim bin Datuk Thamby Chik): Tuan Yang di-Pertua, penukaran dari tanaman getah kepada tanaman lain seperti kelapa sawit sebenarnya bukanlah semata-mata bergantung kepada kadar cukai yang dikenakan ke atas tanaman tersebut. Walau bagaimanapun dan sebagai Ahli Yang Berhormat sedia maklum Yang Berhormat Menteri Kewangan dalam Perbelanjaan 1980 telah membuat pindaan yang penting terhadap cukai eksport getah dengan bertujuan menggalakkan tanaman getah pada masa yang akan datang. Di sini saya suka menyatakan beberapa sebab yang lain, di antaranya mempengaruhi tuan punya ladang mengubah dari tanaman getah kepada tanaman lain yang pada pendapat mereka lebih menguntungkan seperti dari segi kadar pulangan hasil, tempoh muda dapat memperoleh hasil (tempoh mula) dan keperluan tenaga buruh.

Sebagaimana Yang Berhormat Menteri Perusahaannya Utama telah jelaskan ketika menjawab pertanyaan Ahli Yang Berhormat dari Padang Rengas pada 12-11-1979 bahawa langkah penukaran tanaman ini yang telah dilakukan di masa-masa yang lepas, terutamanya di tahun-tahun enam puluhan bukanlah bertentangan dengan dasar Kerajaan iaitu bagi mempelbagaikan tanaman yang bertujuan meluaskan kedudukan ekonomi Malaysia.

Dengan ini amalan penukaran tanaman ini tidaklah pula boleh kita anggap satu aliran yang merbahaya; sebaliknya ini adalah merupakan satu kejayaan dari dasar mempelbagaikan tanaman dan perindustrian yang telah dilancarkan oleh Kerajaan sejak tahun 1960 untuk mengelakkan daripada ekonomi Malaysia bergantung sangat kepada perusahaan getah asli.

Namun demikian, langkah-langkah seperti rancangan tanaman semula getah yang telah dijalankan secara besar-besaran, telah memperkukuhkan kedudukan Malaysia sebagai negara pengeluar getah asli yang utama. Memandangkan prospek bagi getah asli yang cerah dalam jangka masa sederhana dan panjang, Kerajaan tidak ragu-ragu akan mengambil segala langkah yang sesuai untuk memperluaskan lagi tanaman getah seperti telah Yang Berhormat Menteri Perusahaan Utama jelaskan ketika menjawab pertanyaan mulut daripada Ahli Yang Berhormat dari Padang Rengas pada 12-11-1979 yang lalu.

REFORM MARRIAGE BILL

7. Dato Lee Boon Peng (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Undang-undang menyatakan bilakah lagi "Reform Marriage Bill" dapat dilaksanakan bagi rakyat yang bukan Islam.

Timbalan Menteri Undang-undang (Dato' Abdullah bin Abdul Rahman): Tuan Yang di-Pertua, melalui pertanyaan ini saya kira Ahli Yang Berhormat merujuk kepada Akta Membaharui Undang-undang (Perkahwinan dan Perceraian) yang telah diluluskan dalam tahun 1976 tetapi belum lagi dikuatkuasakan.

Sebagaimana yang telah saya nyatakan ketika menjawab suatu pertanyaan dalam Dewan yang mulia ini pada 11hb Oktober draf Undang-undang Membaharui Undang-undang (Perkahwinan dan Perceraian) (Pindaan) 1979, yang mengandungi pindaan-pindaan yang perlu kepada Akta Membaharui Undang-undang (Perkahwinan dan Perceraian) 1976, sedang dimuktamadkan sebelum ianya dikemukakan dalam Dewan yang mulia ini. Pada masa yang sama, Kaedah-kaedah Perceraian dan Acara Perkahwinan dan Kaedah-kaedah Membaharui Undang-undang (Perkahwinan dan Perceraian) juga sedang dimuktamadkan oleh kerana kedua-dua perundangan kecil ini adalah perlu bagi melaksana-

kan dengan licinnya Akta Membaharui Undang-undang (Perkahwinan dan Perceraian) 1976.

Sebaik sahaja semua perkara ini diselesaikan dan tindakan sewajarnya diambil, Kerajaan akan dapat menentukan tarikh penguatkuasaan Akta Membaharui Undang-undang (Perkahwinan dan Perceraian) 1976 dan memaklumi Dewan yang mulia ini dengan sewajarnya.

PARTI POLITIK YANG BERGABUNG DENGAN LUAR NEGERI

8. Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad minta Perdana Menteri menyatakan setakat manakah keupayaan Kerajaan boleh bertindak dan apakah tindakan yang telah dilakukan terhadap pertubuhan-pertubuhan dan parti-parti politik yang sentiasa bergerak bagi mendapat sokongan moral, ideologi, tunjuk ajar dan bantuan kewangan daripada pertubuhan-pertubuhan dan negara-negara luar.

Dato' Seri Dr Mahathir bin Mohamad: Yang di-Pertua, Kerajaan berupaya bertindak sama ada dengan memberi amaran atau membatalkan terus mana-mana pertubuhan termasuk parti-parti politik yang menjalankan aktiviti-aktiviti yang bertentangan dengan undang-undang tubuh pertubuhan tersebut, atau aktiviti-aktiviti yang bercanggah dengan peruntukan-peruntukan di dalam Akta Pertubuhan 1966 atau kegiatan-kegiatan yang bertentangan dengan undang-undang yang boleh menjejaskan keselamatan dan ketenteraman negara.

Dalam hubungan ini memang terdapat beberapa buah pertubuhan-pertubuhan tempatan yang mempunyai pergabungan dengan badan-badan di luar negeri. Namun begitu hubungan tersebut adalah sejajar dan berada di dalam batas undang-undang yang telah diperuntukkan mengenainya. Walau bagaimanapun Kerajaan adalah dari masa ke semasa mengikuti perkembangan ini dan mengawasinya.

PERAJURIT YANG CEDERA—BANTUAN

9. Tuan Umar bin Haji Ismail minta Menteri Pertahanan menyatakan apakah kaedah/cara yang dijalankan bagi memberi bantuan kepada perajurit yang tercedera dalam masa menjalankan operasi, berapakah jumlah bantuan-bantuan yang telah diberi dan sama ada

benar bahawa tidak semua perajurit yang mendapat cedera itu diberi bantuan, kerana itu adalah menjadi tanggungjawab kerajaan negeri asal perajurit itu.

Menteri Pertahanan (Datuk Amar Haji Abdul Taib bin Mahmud): Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan tidak sekali-kali mengabaikan tanggungjawabnya dalam memberi bantuan kepada perajurit-perajurit bukan sahaja kepada mereka yang tercedera semasa menjalankan operasi dan tugas-tugas biasa bahkan juga kepada tanggungan-tanggungan yang ditinggalkan oleh perajurit-perajurit yang terkorban.

Bagi perajurit yang tercedera semasa menjalankan operasi seperti yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu, bantuan berupa wang dan lain-lain jenis adalah diberi kepada mereka berasaskan kepada darjah kecederaan atau ketiada upaya yang dialami oleh perajurit itu yang disahkan oleh satu Lembaga Perubatan. Oleh kerana semua bantuan ini dibiayai dari Kumpulanwang Yang Disatukan, perajurit-perajurit yang tercedera itu adalah layak mendapat bantuan-bantuan itu tanpa mengira negeri asal mereka.

Oleh yang demikian juga adalah tidak benar kenyataan bahawa menjadi tanggungjawab Kerajaan Negeri memberi bantuan kepada perajurit-perajurit yang berasal dari negeri itu. Sebarang bantuan yang diberi oleh Kerajaan Negeri adalah merupakan tambahan bantuan yang diberi oleh Kerajaan Pusat.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat di bawah Peraturan-peraturan Angkatan Tentera Tetap (Pencen, Ganjaran dan lain-lain Pemberian) tahun 1979 telahpun diperuntukkan bentuk-bentuk bantuan kewangan kepada perajurit-perajurit yang cedera itu apabila perkhidmatan mereka tamat. Ini termasuklah bayaran:

- (1) Ganjaran tiada upaya (bagi mereka yang hilang keupayaan kurang daripada 20%);
- (2) Pencen tiada upaya (bagi mereka yang hilang keupayaan melebihi 20%);
- (3) Elaun Layanan Sentiasa (Constant Attention Allowance) mengikut kadar tidak lebih dari \$110 sebulan;

(4) Perbelanjaan perjalanan dan perubatan di luar negeri jika perlu; dan

(5) Elaun Pelajaran untuk anak-anak tidak melebihi \$685 seorang dalam setahun.

Selain daripada bantuan bentuk kewangan di atas, Kerajaan juga ada menyediakan kemudahan-kemudahan lain seperti rawatan perubatan dan latihan pemulihan (rehabilitation).

Mereka yang cedera yang boleh menjalankan tugas-tugas ringan tidaklah diberhentikan begitu sahaja. Malah perkhidmatan mereka akan diteruskan dengan menjalankan tugas-tugas ringan di dalam angkatan tentera. Peluang-peluang juga d'buca kepada mereka mengikuti berbagai-bagai kursus seperti kursus bahasa, perkeranian dan mekanik.

Saya suka juga memaklumkan di Dewan yang mulia ini derma dari orang ramai yang dikumpulkan di dalam Tabung Pertahanan Negara dan Tabung Amanah Derma Kebajikan Perwira Negara telah juga menyumbang ke arah mengurangkan bebanan kepada perajurit-perajurit yang cedera ataupun tanggungan-tanggungan mereka. Misalnya, wang saguhati dari Tabung Pertahanan Negara adalah diberikan sebanyak \$2,000 kepada perajurit yang cedera parah semasa operasi dan \$300 kepada mereka yang cedera ringan. Tabung ini juga membiayai pembelian anggota-anggota palsu ataupun kereta sorong yang diperlukan oleh seorang perajurit yang hilang upaya.

Tabung Amanah Derma Pertahanan Kebajikan Perwira Negara adalah berupa bantuan wang tambahan kepada perajurit yang menerima pencen tiada upaya kurang dari \$150 sebulan. Selain dari itu bantuan persekolahan anak-anak juga diberi dari tabung amanah ini menurut persekolahan anak-anak mereka.

Kerajaan amatlah menghargai segala bentuk bantuan yang telah diberi oleh berbagai pihak selama ini dan saya suka sekali lagi menyeru para dermawan itu supaya tampil ke hadapan memberi bantuan kepada perajurit-perajurit yang malang ini yang telah memberikan perkhidmatan yang cemerlang kepada negara kita.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Haji Mohammad Taufek bin O.K.K. Haji Asneh.

(Soalan No. 10 Y.B. Tuan Haji Mohammad Taufek bin O.K.K. Haji Asneh tidak hadir)

BAHAGIAN LAUT KASTAM EKS AIS DI RAJA

11. Tuan Shaari bin Jusoh minta Menteri Kewangan menyatakan adakah Kementerian beliau sedar bahawa kakitangan Bahagian Laut Jabatan Kastam dan Eksais Diraja terpaksa menanggung tanggungjawab yang berat dan selalu berada di dalam keadaan bahaya sungguhpun kuasa dan gaji mereka termasuk keistimewaan berlainan dengan kakitangan kastam biasa. Jika ya, apakah tindakan yang akan diambil bagi mengatasi perkara ini.

Timbalan Menteri Kewangan (Tuan Mak Hon Kam): Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana soalan ini membuat perbandingan tanggungjawab serta tugas-tugas di antara kakitangan laut Jabatan Kastam dengan pegawai-pegawai Kastam, suka saya menjelaskan akan perbezaan di antara kedua-dua kumpulan ini.

Kakitangan Laut Jabatan Kastam adalah di dalam Kumpulan "D" Sekim Perkhidmatan Awam dengan kelulusan Darjah Enam sebagai kelayakan asas. Pegawai-pegawai Kastam daripada Bahagian Pencegah yang membuat rondaan di laut pula terdiri daripada pegawai-pegawai Kastam Tingkatan I ke atas. Mereka adalah di dalam Kumpulan "C" Skim Perkhidmatan Awam dengan kelulusan Sijil Persekolahan Malaysia sebagai kelayakan asas.

Dari segi tugas-tugas dan tanggungjawab pula, kakitangan laut Jabatan Kastam hanyalah terlibat di dalam tugas menyelenggara dan menjaga kebersihan dan keselamatan lanci-lanci dan bot-bot laju Jabatan, membaiki kerosakan injin setakat mana yang boleh dan akhirnya membuat kerja-kerja yang diarahkan oleh Pegawai-pegawai yang mengetuai pasukan rondaan di laut. Di sebaliknya pegawai-pegawai Kastam yang membuat rondaan laut adalah bertanggungjawab memeriksa kapal-kapal serta orang-orang dan barang-barang dalam kapal-kapal tersebut, merampas barang-barang dan menangkap orang-orang berkaitan dengan kesalahan di bawah mana-mana Undang-undang ataupun Peraturan-peraturan Kastam, dan akhirnya menjalankan tugas-tugas ekoran bersabit dengan sesuatu rampasan atau penangkapan seperti mengawal barang-barang dan orang-orang tersebut membuat laporan dan memberi keterangan di Mahkamah.

Daripada penjelasan saya tadi adalah nyata bahawa dari segi kelayakan asas dan tanggungjawab, Pegawai Kastam tidaklah boleh disamakan dengan kakitangan laut Jabatan Kastam. Seperti Ahli Yang Berhormat sedia maklum, perbezaan gaji dan lain-lain keistimewaan dalam perkhidmatan kedua-dua jawatan ini adalah berdasarkan perbezaan kelulusan masuk asas. Walau bagaimanapun, kakitangan laut yang diminta membantu di dalam sesuatu kes penangkapan atau rampasan barang adalah layak dipertimbangkan untuk diberi hadiah sama seperti Pegawai Kastam.

Adalah dimaklumkan bahawa taraf dan gaji kakitangan laut Jabatan Kastam dikaji dari masa ke semasa.

Tuan Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa kakitangan Bahagian Laut Jabatan Kastam dan Eksais Di Raja ini memikul tanggungjawab yang sangat berat dan bahaya. Soalnya adakah Menteri ini sedar bahawa mereka tidak dilindungi oleh insuran semasa menjalankan kerja-kerja mereka yang berat itu.

Tuan Mak Hon Kam: Tuan Yang di-Pertua, saya minta jawapan ini diberi secara bertulis.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Haji Nik Abdul Aziz bin Nik Mat.

Tuan Mohd. Nakhaie bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, soalan No. 12.

Tuan Yang di-Pertua: Soalan ini sekarang atas nama Ahli Yang Berhormat dari Baling.

BAYI-BAYI WARGANEGARA SINGAPURA

12. Tuan Mohd. Nakhaie bin Haji Ahmad (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Kesihatan memberi senarai bayi-bayi yang dilahirkan oleh warganegara Singapura di hospital-hospital dalam negeri ini sejak tahun 1970 hingga sekarang.

Timbalan Menteri Kesihatan (Dr Sulaiman bin Haji Daud): Tuan Yang di-Pertua, bilangan bayi-bayi yang dilahirkan oleh

warganegara Singapura di hospital-hospital di Semenanjung Malaysia sejak tahun 1970 sehingga sekarang adalah seperti berikut:

<i>Tahun</i>	<i>Bilangan Bayi-bayi</i>
1970	331
1971	416
1972	350
1973	350
1974	445
1975	499
1976	529
1977	466
1978	112
1979	352
Jumlah ...	<u>3,856</u>

BOT-BOT RONDA DI PANTAI (SABAH)

13. Tuan Fung Ket Wing minta Menteri Pertahanan menyatakan sama ada Kementerian beliau akan menimbang menghantar lebih banyak bot-bot ronda tentera laut untuk meronda kawasan-kawasan pantai Sabah untuk membantu memberhentikan kegiatan-kegiatan lanun-lanun Filipino dan juga menghalang kemasukan lanjut pelarian-pelarian Filipino ke negeri itu, jika ya, sila beri butir-butirnya.

Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie): Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, Semenjak terjadinya peristiwa "Saleha Baru" kita telah mencabut enam buah kapalperang daripada

Pantai Timur Semenanjung yang menjaga soal pelarian pendatang haram; enam buah ini telahpun dihantar ke Sabah dan sekarang ini sedang bertugas dan pada penghujung bulan atau awal bulan hadapan akan ditambah menjadi empat buah lagi menjadi Task Force untuk 10 buah. Ini menambahkan bilangan kapal Marine Police yang ada pada masa ini.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah.

Tuan Mohd. Nakhaie bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua soalan No. 14.

Tuan Yang di-Pertua: Soalan ini atas nama Yang Berhormat dari Baling.

KURSUS PENGAJIAN/PELAJAR-PELAJAR

14. Tuan Mohd. Nakhaie bin Haji Ahmad (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Pelajaran menyatakan bilangan pelajar-pelajar yang tamat kursus/pengajiannya dalam tahun 1978 dari Maktab-maktab dan pusat-pusat pengajian tinggi yang berikut:

Universiti Malaya
Universiti Kebangsaan Malaysia
Universiti Sains Malaysia
Universiti Teknologi Malaysia
Universiti Pertanian Malaysia
Institusi Teknologi Mara
Semua Maktab-maktab Perguruan
Kolej Tunku Abdul Rahman

Dato' Chan Siang Sun: Tuan Speaker, bilangan pelajar-pelajar yang tamat kursus/pengajiannya dalam tahun 1978 dari pusat-pusat pengajian tinggi adalah seperti berikut:

<i>Bil.</i>	<i>Institusi</i>	<i>Peringkat</i>	<i>Jumlah</i>
1.	Universiti Malaya	Ijazah Kedoktoran dan Sarjana	77
		Diploma	793
		Ijazah Sarjana Muda	1,730
		JUMLAH BESAR ..	<u>2,600</u>
2.	Universiti Kebangsaan Malaysia ..	Ijazah Sarjana	1
		Ijazah Sarjana Muda	1,263
		JUMLAH BESAR ..	<u>1,264</u>
3.	Universiti Sains Malaysia	Ijazah Sarjana Muda	734

<i>Bil.</i>	<i>Institusi</i>	<i>Peringkat</i>	<i>Jumlah</i>
4.	Universiti Teknologi Malaysia ..	Ijazah Sarjana Muda Diploma	100 500
		JUMLAH BESAR ..	605
5.	Universiti Pertanian Malaysia ..	Ijazah Sarjana Muda Diploma	210 514
		JUMLAH BESAR ..	724
6.	Institusi Teknologi MARA.. ..	Ijazah Advanced Diploma Sijil Diploma	52 16 32 1,906
		JUMLAH BESAR ..	2,006
7.	Kolej Tunku Abdul Rahman ..	Diploma Sijil HSC/STP MCE/SPM	209 109 699 24
		JUMLAH BESAR ..	1,041

Bilangan guru-guru pelatih yang tamat kursusnya daripada Maktab-maktab Perguruan pada tahun 1978 ialah 5,930 orang.

PELARIAN FILIPINO/VIETNAM

15. Tuan Chan Teck Chan minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan apakah perbezaan di antara pelarian dan pendatang haram, dan juga bagaimanakah Kerajaan membezakan pelarian Filipino di Sabah dengan pelarian Vietnam, adakah ini dibezakan kerana pelarian yang beragama Islam dapat diizinkan berteduh di Malaysia.

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Tuan Yang di-Pertua, siapa sahaja yang masuk ke negara ini tanpa kebenaran Kerajaan adalah dianggap sebagai pendatang haram. Walau apa sebabnya sekalipun termasuk mereka yang masuk kerana melarikan diri daripada negara asalnya oleh sebab keadaan peperangan ataupun pergolakan politik yang mengancam nyawanya.

Ada dua jalan keluar kepada pendatang-pendatang haram ini. Pertamanya, ialah dihantar balik ke negara asalnya kerana ini adalah tercipta di dalam Undang-undang Antarabangsa. Kedua, mereka dihantar ke negara ke tiga sekiranya ada negara yang sanggup menerimanya. Pendatang haram yang lari disebabkan oleh desakan politik

atau kekecuaan peperangan, kepada mereka ini pihak Kerajaan memberi taraf orang pelarian. Hak ini adalah hak Kerajaan bukan hak mereka tetapi apabila mereka ini diiktirafkan sebagai orang pelarian baharulah mereka itu berhak pula mendapat perlindungan daripada negara yang memberi taraf itu. Perlindungan itu boleh diletakkan beberapa syarat, macam-macam syarat boleh diberi. Umpamanya mereka itu boleh disuruh balik bila-bila waktu pun atau apabila keadaan mengizinkan ataupun pada masa mereka diberi perlindungan mereka itu tidak boleh berbuat kegiatan-kegiatan yang boleh mengembaraskan tuan rumah. Di dalam menimbang soal memberi taraf ini, Kerajaan meneliti sedalam-dalamnya dari segi semua akibat pengiktirafan itu.

Berkenaan dengan pendatang haram dari Filipina di atas sebab-sebab yang tertentu Kerajaan sanggup memberi taraf pelarian kepada mereka. Di dalam perhitungan Kerajaan akibatnya tidak akan membawa kesan buruk sekiranya taraf ini diberi. Sebaliknya pendatang haram dari Vietnam itu dengan sendirinya menarik perhatian yang negatif yang boleh membawa kesan

buruk sekiranya mereka diberi taraf pelarian dan juga tidak ada daripada mereka itu yang sanggup balik ke Vietnam walau apapun keadaan di negeri tersebut dan boleh dikatakan semuanya hendak menetap sejauh yang boleh daripada Vietnam. Malaysia ini pun sudah terlampau dekat kepada mereka.

Kerajaan berpendapat kalau mereka itu diberi taraf pelarian maka akibat yang buruk mungkin akan timbul. Pertimbangan ini tidak ada bersangkutan paut dengan soal bahawa orang Vietnam itu bukan orang Islam. Itu tidak ada fasal, jangan hendak tambah-tambah fasalnya, bahkan ada daripada orang Vietnam itu yang beragama Islam tetapi tidak diberi taraf pelarian. Kalau agama Islam menjadi faktor maka ada berpuluh-puluh million lagi di negeri China, di Hongkong mereka hendak lari dan datang ke sini. Jadi, hendaklah diingati bahawa negara sedang membangun mengikut rancangan pembangunan yang tertentu datangnya. Sekiranya sumber-sumber seperti pendatang-pendatang yang menjadi anti body maka segala rencana pembentukan dan pembangunan negara mungkin gagal dan kita semua tidak mengira keturunan, tidak mengira kaum dan tidak mengira agama, akan keciwa.

Tuan Chan Teck Chan: Sebelum Kerajaan mengizinkan pendatang haram dari Indochina masuk ke Malaysia, bagaimana Kerajaan boleh tahu mereka akan membawa satu kesan yang buruk terhadap Malaysia dan bukannya ini merupakan satu

Tuan Yang di-Pertua: Soalan tambahannya apa?

Tuan Chan Teck Chan: Soalan tambahannya, dari interpretasi pendatang haram dan pelarian yang diberikan oleh Yang Berhormat itu, ini adalah menunjukkan satu diskriminasi kaum dan agama telah berlaku dalam dasar Kerajaan itu. Dan soalan tambahan saya ialah apakah satu faktor yang mustahak unsur-unsur yang diambil oleh Kerajaan untuk mempertimbangkan di antara mengiktirafkan pendatang-pendatang haram dan pelarian, umpamanya pendatang haram dari Indonesia juga tanpa kebenaran Kerajaan tetapi mereka boleh diizinkan 12,000 di negeri Johor. Ini nampaknya adalah satu kekeliruan. Bolehkah Yang Ber-

hormat memberikan satu dasar yang lebih jelas mengenai pendatang haram dan pelarian.

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Macam mana hendak menjelaskan ini, Tuan Yang di-Pertua?

Tuan Yang di-Pertua: Itu tugas Yang Berhormat.

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Kalau tidak dapat saya menyampaikan pengertian macam mana hendak salahkan saya, hanya saya boleh memberi penjelasan, tadi saya sudah katakan ukurannya adakah akibat itu membawa kepada keburukan kalau orang yang datang itu diiktiraf sebagai orang pelarian maknanya sebagai refugee. Ini yang datang dari Indonesia itu bukan refugee itu pendatang haram sudah ditangkap dan dihantar balik, mana yang dapat ditangkap, mana yang tidak dapat ditangkap kalau Yang Berhormat tahu beritahu saya, itu bukan refugee. Orang pelarian ini maknanya refugee. Apabila kita mengatakan refugee tadi iaitu satu taraf yang mendapat hak, hak itu bermakna hak mendapat perlindungan daripada kita, daripada Kerajaan yang memberi taraf itu. Jadi akibatnya kalau kita memberi hak ini kepada pendatang haram di Vietnam itu dijadikan orang pelarian, ini akan membawa akibat yang buruk di dalam perhitungan Kerajaan. Itulah dia cara pemikiran yang kita buat.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri, nampaknya DAP ini hendak mengaitkan agama Islam dengan pelarian ini. Jadi apakah berpuluh ribu rakyat yang ada di dalam negara kita ini yang memohon warganegara itu boleh kita anggapkan mereka itu pendatang haram.

Tuan Yang di-Pertua: Itu soalan terkeluar daripada soal asal.

Tuan Chan Teck Chan: (Bangun).

Tuan Yang di-Pertua: Kalau hendak bertanya, bertanyalah betul-betul; kalau tidak, saya tidak beri lagi, sebab Yang Berhormat Menteri sudah memberi jawapan yang jelas.

Tuan Chan Teck Chan: Bolehkah Yang Berhormat Menteri memberitahu Dewan ini, apakah telah berlaku satu perbezaan mengenai panggilan terhadap pendatang haram antarabangsa di mana seluruh negara adalah mengiktirafkan mereka keluar daripada Vietnam adalah sebagai pelarian tetapi menurut formula atau dasar Malaysia adalah pendatang haram. Apakah sebabnya berlaku satu perbezaan di antara Malaysia dengan Bangsa-bangsa Bersatu

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Tuan Yang di-Pertua, hak memberi taraf itu hak negara masing-masing bukan Malaysia sahaja Yang Berhormat, Singapura pun begitu juga, lagi dahulu daripada kita memberi taraf pendatang haram. Indonesia begitu juga, Filipina begitu juga tidak mengatakan orang ini pelarian. Jadi, perbezaan itu diberi oleh kerana di dalam perhitungan dan pertimbangan Kerajaan macam mana saya katakan tadi, sekiranya mereka itu diberi taraf maka akibat yang buruk akan timbul di dalam negara ini. Inilah pertimbangannya dan janganlah dibawa soal diskriminasi.

Tuan Yang di-Pertua: Jawapannya sudah jelas.

PERMULAAN PUASA/HARI RAYA— PERBEZAAN DENGAN NEGARA JIRAN

16. Tuan Shaari bin Jusoh minta Perdana Menteri menyatakan adakah Kementerian beliau sedar perbezaan bagi permulaan puasa dan Hari Raya di antara penduduk-penduduk di negeri ini dan negara-negara jiran. Jika ya, apakah langkah yang akan diambil ke atas perkara ini.

Tuan Shahrir bin Abdul Samad: Tuan Yang di-Pertua, jawapan kepada soalan tersebut telahpun diberikan ketika menjawab soalan Ahli Yang Berhormat wakil daripada Padang Rengas pada 15hb Oktober dan Ahli Yang Berhormat dari Silam pada 14hb November mengenai perkara yang hampir serupa maksudnya. Oleh itu saya tidak ada apa-apa tambahan kepada jawapan yang telah diberikan.

SYARIKAT KERJASAMA SHAMELIN SDN. BERHAD

17. Tuan Mohd. Nakhaie bin Haji Ahmad minta Menteri Pertanian menjelaskan mengenai Syarikat Kerjasama Shamelin Sdn. Berhad yang telah tidak mengadakan mesyuarat agungnya sejak tahun 1974. Apakah tindakan Kementerian beliau untuk menjaga kepentingan ahli-ahli Syarikat tersebut.

Timbalan Menteri Pertanian (Datuk Haji Zakaria bin Haji Abdul Rahman): Tuan Yang di-Pertua, Syarikat Kerjasama Shamelin Sendirian Berhad tidak mengadakan Mesyuarat Agungnya sejak tahun 1974 disebabkan akaunnya masih belum habis diodit. Setakat ini akaun tahun 1974, telahpun selesai diodit. Adalah dianggarkan odit bagi tahun 1975, 1976, 1977 dan 1978 akan selesai di dalam masa 6 bulan lagi. Jabatan Pembangunan Koperasi akan mengarahkan supaya syarikat tersebut memanggil Mesyuarat Agungnya setelah kira-kira tahun tersebut siap diodit.

Tuan Mohd. Nakhaie bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri berkenaan sedar bahawa berlaku rombongan dalam Jawatankuasa syarikat ini dengan sewenang-wenangnya dan bukan menerusi Mesyuarat Agung di mana Setiausaha pun hanya dilantik semahu kalangan mereka sahaja dengan tidak dibawa berunding dalam mesyuarat dan amalan-amalan seperti ini adalah merosakkan kepentingan ahli-ahli. Apakah langkah yang telah diambil oleh Jabatan Koperasi bagi menjaga kepentingan ahli-ahli.

Datuk Haji Zakaria bin Haji Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang saya sebutkan tadi setelah akaun syarikat ini selesai diodit, pihak Jabatan Pembangunan Koperasi akan meminta supaya syarikat ini mengadakan Mesyuarat Agungnya dan semasa diadakan Mesyuarat Agungnya nanti ahli-ahli bolehlah mengemukakan apa-apa sahaja pandangan dan perkara-perkara yang mana difikirkan ahli-ahli sendiri tidak puas hati terhadapnya. Tetapi setakat ini pihak Jabatan Pembangunan Koperasi sentiasa mengawasi perjalanan syarikat ini dan sekiranya didapati ada berlaku sebagaimana yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu maka pihak

Jabatan Pembangunan Koperasi akan sentiasa memberi bimbingan dan jika perlu mengambil apa-apa tindakan.

Tuan Yang di-Pertua: Soal jawab selesai.

(Jawapan bagi Pertanyaan No. 10 adalah diberi di bawah ini).

MAS—TAMBANG MURAH

10. Tuan Haji Mohammad Taufek bin O.K.K Haji Asneh minta Menteri Pengangkutan menyatakan adakah Kerajaan bercadang menurunkan bayaran tambang kapal terbang bagi penerbangan di dalam negara ini untuk menarik lebih ramai lagi pelancung dari negeri-negeri di dalam Malaysia berpeluang menyaksikan pembangunan negara.

Menteri Pengangkutan (Dato Lee San Choon): Adalah menjadi dasar Kerajaan menggalakkan pelancung-pelancung dari negeri-negeri dalam Malaysia dan bagi maksud ini MAS telah mengadakan beberapa jenis tambang murah "promotional". Di antara tambang-tambang "promotional" yang telah dilaksanakan termasuklah tambang-tambang untuk keluarga, tambang-tambang untuk pelancung malam dan baru-baru ini dikeluarkan tambang "standby" untuk penuntut-penuntut. MAS juga telah menyediakan rancangan-rancangan cuti untuk pelancung-pelancung di antara Semenanjung Malaysia dengan Sabah dan Sarawak. Semua jenis tambang ini adalah lebih murah daripada tambang biasa bagi Kelas satu dan ekonomi.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN, 1980

DAN

USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN, 1980

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula pertimbangan atas Rang Undang-undang Perbekalan, 1980 dan Anggaran Pembangunan, 1980 dalam Jawatankuasa sebuah-buah Majlis. (Hari Kelapan)

Majlis bersidang dalam Jawatankuasa

(Tuan Yang di-Pertua mempengerusikan Jawatankuasa)

Tuan Pengerusi: Waktu Majlis ditangguhkan pada hari semalam Yang Berhormat Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian masih lagi memberi jawapannya, sila sambung.

Maksud B. 25 (Jadual)—

Maksud P. 25 (Anggaran Pembangunan, 1980)—

3.32 ptg.

Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Dato' Lew Sip Hon): Tuan Pengerusi, sebelum Dewan yang mulia ini ditangguhkan pada petang semalam dalam menggulung perbahasan saya, saya telah memberi jawapan atas perkara penyertaan bumiputra dalam lapangan perniagaan dan perindustrian dan saya telah katakan bahawa saya bersetuju dengan Ahli Yang Berhormat dari Pagoh yang mengatakan bahawa kejayaan penyertaan bumiputra tidak boleh dipandang dari segi bilangan sahaja, tetapi juga dari segi penyertaan yang sebenarnya. Sukacita saya menyatakan bahawa ini adalah dasar Kerajaan yang mana kita memberi peluang kepada peniaga-peniaga bumiputra yang sebenarnya menjalankan perniagaan mereka dan bukan sebagai sleeping partner atau cara Ali-baba.

Mengenai ulasan Ahli Yang Berhormat dari Telok Anson berhubung dengan kegunaan sistem metrik, sukalah saya menjelaskan iaitu penukaran ini dibuat berperingkat-peringkat dan mengikut kawasan. Seperti Ahli Yang Berhormat sedia maklum, beberapa Jabatan Kerajaan telahpun mengambil tindakan ke atas penukaran seperti Jabatan Kerjaraya di mana jauh jalan-jalan telah menggunakan tanda batu (milestone) dalam sistem metrik dan juga sistem imperial bersama-sama. Beberapa sektor swasta seperti Lembaga Pemasaran dan Pelesenan Getah Malaysia telah juga menggunakan kilo bagi berat getahnya.

Berhubung dengan ulasan Ahli Yang Berhormat dari Batang Lupa yang meminta Kementerian saya menambah Pegawai-pegawai Pelancungan di luar negeri dan juga meminta supaya lebih ramai pegawai-pegawai

tersebut terdiri dari orang-orang Sarawak, terutamanya bangsa Iban, sukaiah saya memaklumkan iaitu pembukaan Pejabat-pejabat Pelancungan di luar negeri adalah tertakluk kepada keperluan dari segi sama ada negara-negara tersebut banyak mendatangkan pelancung-pelancung ke rantau ini, khususnya ke Malaysia. Kementerian saya sentiasa meneliti perkembangan-perkembangan di luar negeri dan akan membuka pejabat-pejabat baru apabila didapati perlu.

Mengenai perlantikan Pegawai-pegawai Pelancungan, ingin saya menyatakan iaitu kekosongan-kekosongan jawatan sentiasa diiklankan dan semua warganegara Malaysia yang berkelayakan bolehlah membuat permohonan. Dalam hal ini perlulah saya sebutkan iaitu dalam banyak permohonan-permohonan yang dibuat untuk mengisi jawatan-jawatan yang kosong, permintaan dari orang-orang Sarawak, termasuklah dari bangsa Iban tidak ada. Oleh yang demikian, Kementerian saya tidak dapat menimbangkan perlantikan orang-orang Sarawak kerana permohonan darinya tidak ada.

Mengenai ulasan Ahli Yang Berhormat dari Lubok Antu supaya Kementerian saya mengadakan latihan kepada agensi-agensi pelancungan bumiputra di Sarawak, sukaiah saya menyatakan iaitu kita akan mengadakan latihan-latihan tersebut bukan sahaja untuk agensi pelancungan bumiputra di Sarawak tetapi juga memandangkan jumlahnya yang agak kecil, latihan itu juga akan dibuka kepada agensi-agensi pelancungan yang lain yang ada di Sarawak. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian saya telahpun mengadakan dua Kursus Pemandu Pelancungan (Tourist Guide Training Course) di Sarawak.

Ahli Yang Berhormat dari Lubok Antu juga meminta supaya Kementerian saya berusaha membawa lebih banyak jurugambar dari luar negeri melawat Malaysia, guna memperkenalkannya sebagai satu destinasi pelancungan. Saya sukaiah menyatakan iaitu Kementerian saya setiap tahun banyak membawa bukan sahaja jurugambar tetapi juga orang-orang television dan penulis rencana pelancungan datang ke Malaysia. Setiap tahun tidak kurang daripada 100 orang jurugambar-jurugambar television crew dan penulis-penulis rencana pelancungan telah diundang datang ke Malaysia dengan tujuan supaya mereka akan dapat membantu Malay-

sia dari segi memperkenalkan negara kita kepada orang ramai di negara-negara mereka. Usaha ini akan diteruskan buat masa hadapan.

Mengenai ulasan Ahli Yang Berhormat dari Batang Lupar dan Lubok Antu berkenaan pelancung-pelancung yang tidak meminta izin sebelum mengambil gambar di rumah panjang di Sarawak dan juga mengenai pengusaha-pengusaha pelancungan di Sarawak yang menggunakan gambar-gambar gadis yang tidak berbaju. Sukaiah saya menyatakan iaitu pengusaha-pengusaha pelancungan di Sarawak sentiasa dihubungi supaya memberi nasihat kepada pelancung-pelancung bagi menghormati perkara-perkara yang dianggap sensitif kepada orang-orang Sarawak. Saya berasa tidak payahlah kita adakan undang-undang untuk mencegah pelancung-pelancung mengambil gambar di rumah-rumah panjang kerana ini adalah satu perkara yang rumit untuk dikuatkuasakan. Kementerian saya akan terus berusaha menekankan kepada pengusaha-pengusaha pelancungan, bukan sahaja di Sarawak tetapi juga di tempat-tempat lain supaya sentiasa berhati-hati menjaga imej negara dan jangan melakukan perkara-perkara yang tidak diingini.

Berkenaan gambar-gambar gadis yang tidak berbaju, ianya nampaknya tidak lagi dijual di kedai-kedai seperti yang pernah dilakukan dahulu, dengan kerana itu perkara ini tidak lagi timbul.

Berkenaan dengan pelancung-pelancung diberi maklumat yang salah, saya ingin menyatakan iaitu sudah ada undang-undang yang memerlukan Pemandu-pemandu Pelancung memberi maklumat yang benar dan yang menaikkan imej negara. Mereka yang bersalah boleh didenda atau dihukum penjara dan tidak dibenarkan bertugas sebagai Pemandu-pemandu Pelancung.

Ahli Yang Berhormat dari Batang Lupar dan Lubok Antu juga meminta supaya ditambah projek-projek pelancungan di negeri Sarawak. Dalam hal ini sukaiah saya menjelaskan iaitu projek-projek pelancungan bolehlah diadakan sama ada oleh Kerajaan atau pihak swasta berdasarkan kepada sama ada ianya boleh menarik pelancung-pelancung. Dalam hal ini Kementerian sedang mengadakan suatu kajian pelan induk yang terdiri dari pakar-pakar perunding dari dalam

dan luar negeri bagi negeri Sarawak untuk menentukan tempat-tempat mempunyai potensi menarik pelancungan. Kajian ini akan dapat memberi panduan mengenai pembangunan projek-projek pelancungan yang elok diadakan dalam masa 15 tahun dari sekarang. Diharapkan ianya akan dapat menarik pelabur-pelabur untuk melaksanakannya.

Ahli Yang Berhormat dari Pagoh telah membangkitkan masalah-masalah yang dihadapi oleh bumiputra dalam industri perfileman. Kementerian saya telahpun membuat beberapa perjumpaan dengan mereka iaitu pihak bumiputra yang terlibat dalam pengeluaran dan pengedaran perfileman dalam negara ini dan untuk makluman Ahli Yang Berhormat Kerajaan telahpun mengambil beberapa langkah tertentu bagi membantu bumiputra dalam bidang perusahaan perfileman di negara ini. Untuk membantu bumiputra dalam masalah berkaitan dengan penayangan filem Kerajaan adalah menggalakkan badan-badan berkanun seperti UDA, MARA dan Perbadanan-perbadanan Kemajuan Negeri mendirikan panggung wayang sama ada usahasama dengan bumiputra atau bersendirian. Setakat ini UDA telah mendirikan tiga buah panggung wayang. Beberapa Perbadanan Kemajuan Negeri telahpun mengadakan rancangan untuk membina panggung wayang dan ada di antaranya telahpun memulakan pembinaan panggung-panggung wayang tersebut dan juga terdapat pada masa ini seorang pengusaha bumiputra yang telahpun berjaya mendirikan 4 buah panggung wayang. Dengan adanya panggung-panggung wayang ini nanti pengeluar-pengeluar dan pengedar filem tempatan terutamanya bumiputra akan dapat mengatasi masalah mendapatkan panggung wayang untuk menayangkan filem-filem mereka yang mana mereka hadapi sekarang. Selain dari perkara ini pihak Kerajaan telahpun berunding dengan syarikat-syarikat Shaw dan Cathay bagi membincangkan rancangan mereka untuk memberi masa penayangan kepada pengeluar-pengeluar tempatan. Sambutan dari kedua-dua syarikat ini adalah menggalakkan dan ini dapat dibuktikan dari beberapa banyak filem-filem Melayu ditayangkan di dalam panggung wayang Shaw dan Cathay di seluruh negara pada masa ini. Pihak Shaw dan Cathay juga

sedang membuat rancangan untuk melibatkan lebih ramai rakyat Malaysia dalam penanaman modal, gunatenaga dan juga di dalam Lembaga Pengarah.

Dalam lapangan pengeluaran filem Kerajaan adalah sedang menimbangkan galakan-galakan tertentu bagi membantu syarikat-syarikat bumiputra dan setakat ini Kerajaan telahpun memberi kelulusan dan galakan taraf printis atau galakan cukai pelaburan kepada 6 buah syarikat bumiputra bagi mengeluarkan filem. Di samping itu juga Kerajaan adalah sedia menimbangkan pengecualian cukai kastam terhadap alat-alat perkakas-perkakas yang diimport oleh pengeluar-pengeluar filem bagi kegunaan pengeluar filem seperti Ahli Yang Berhormat sedia maklum iaitu cukai impot ke atas filem negative telahpun dikurangkan menjadi 5% sahaja mulai daripada tahun hadapan. Semua kemudahan-kemudahan ini akan membantu pengeluar-pengeluar tempatan.

Berkenaan dengan Perbadanan Filem Nasional suka saya menyatakan bahawa Rang Undang-undang untuk menubuhkan Perbadanan Filem Nasional sedang dalam tindakan. Di bawah Rang Undang-undang tersebut nanti adalah dicadangkan iaitu satu badan akan diwujudkan yang mempunyai tugas, antara lain, memberi bimbingan dan panduan kepada perusahaan perfileman tempatan termasuk bumiputra. Pada keseluruhannya Rang Undang-undang ini adalah bertujuan supaya perusahaan perfileman dapat dimajukan dengan pesatnya dan terdapat penyertaan yang lebih berkesan daripada rakyat Malaysia terutama kaum bumiputra.

Tuan Pengerusi, akhirnya, sekali lagi saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membuat teguran mengenai tugas-tugas Kementerian saya. Sekiranya di dalam ucapan saya ini tidak sempat saya memberi ulasan kepada perkara-perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat silalah berhubung terus dengan saya supaya dapat perkara tersebut diberi pertimbangan yang sewajarnya dan lagi sekali saya mengucapkan terima kasih kepada Tuan Pengerusi.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Wang sebanyak \$62,772,500 untuk Maksud B. 25 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual; dan wang sebanyak \$9,085,398 untuk Maksud P. 25 disetujukan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan, 1980.

Maksud B. 26 dan B. 27 (Jadual).

Maksud P. 26 dan P. 27 (Anggaran Pembangunan, 1980).

3.47 ptg.

Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan (Datuk Abdul Samad bin Idris): Tuan Pengerusi, saya mohon supaya anggaran belanjawan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan bagi tahun 1980 di bawah Kepala Bekalan B. 26 sebanyak \$26,466,500 dan Kepala Pembangunan P. 26 sebanyak \$17,307,396 diluluskan dan dijadikan sebahagian daripada Jadual. Di samping itu, saya mahu supaya anggaran belanjawan Jabatan Muzium bagi tahun 1980 di bawah B. 27 sebanyak \$2,284,800 dan Kepala Pembangunan P. 27 sebanyak \$1,674,110 diluluskan dan di jadikan sebahagian daripada Jadual.

Tuan Pengerusi, perbelanjaan yang diminta untuk tahun 1980 ini adalah untuk membolehkan Kementerian saya menguruskan aktiviti-aktiviti menyusun semula masyarakat membasmi kemiskinan, menggalakkan pertumbuhan ekonomi dan memberi kemahiran kepada rakyat menerusi bidang-bidang kebudayaan, belia dan sukan. Dalam bidang kebudayaan, Kementerian saya akan terus mempergiatkan aktiviti bagi membentuk, memupuk dan memulihkan satu kebudayaan kebangsaan Malaysia yang bertujuan untuk memperkukuhkan perpaduan rakyat. Mewujudkan keperibadian kebangsaan dan memperkayakan serta mempertingkatkan kualiti kehidupan kemanusiaan dan kerohanian agar seimbang dengan pembangunan sosio-ekonomi. Bagi tujuan tersebut peruntukan sebanyak \$2,954,500 di bawah anggaran Belanja Mengurus telah diperuntukan dalam tahun 1980 bagi membolehkan Bahagian Kebudayaan meneruskan aktiviti-aktiviti penyelidikan dan penerbitan, mendidik dan memperkembangkan bakat-bakat dan kesenian kebangsaan. Aktiviti yang dirancang dan dilaksanakan dalam bidang ini adalah melibatkan semua kaum. Melalui kursus, bengkel, seminar, ceramah, pertandingan, permainan dan pesta-pesta yang dianjurkan, semua kaum dapat mengambil bahagian.

Sehingga ini lebih daripada 51,000 orang bukan Melayu telah menyertai kegiatan-kegiatan tersebut. Dalam bidang ini bertambah dari masa ke semasa. Hasrat dan kegiatan Kementerian ini untuk memupuk nilai-nilai kebudayaan kebangsaan Malaysia akan menjadi lebih berkesan dan sempurna lagi apabila pembinaan kompleks kebudayaan negara terlaksana sepenuhnya nanti. Kompleks kebudayaan negara yang akan menjadi makmal untuk mengembangkan kebudayaan kebangsaan Malaysia di antara lain mengandungi sebuah panggung negara yang di jangka menelan belanja \$16 juta lebih. Pembinaannya adalah dalam proses penyediaan rekabentuk dan adalah diharapkan kompleks ini akan dapat disiapkan dalam masa dua tahun.

Tuan Pengerusi, Kementerian saya sentiasa menyedari betapa besar dan pentingnya peranan yang dimainkan oleh kaum belia dalam pembangunan, perpaduan, keselamatan dan kepimpinan masa hadapan negara. Oleh itu dalam tahun 1980 Kementerian ini telah menyediakan peruntukan sebanyak \$13,711,748 kepada Bahagian Belia Kementerian untuk membolehkan bahagian ini menjalankan aktiviti-aktiviti bagi melahirkan belia-belie yang berdisiplin, berkemahiran, bersatupadu dan bertanggungjawab kepada pembangunan dan keselamatan negara. Peruntukan Bahagian Belia ini ialah 51.8% daripada jumlah Anggaran Belanja Mengurus Kementerian ini, tidak termasuk muzium.

Selain daripada itu di bawah Anggaran Pembangunan pula, peruntukan sebanyak \$542,500 disediakan untuk menambah kemudahan di Pusat Latihan Belia Dusun Tua dan Pusat Latihan Belia Negara di Pertak.

Sebagaimana telah maklum peranan kejayaan Pusat-pusat Latihan Belia yang saya sebutkan di atas memang tidak dapat dinafikan lagi. Sehingga ini Pusat Latihan Belia Dusun Tua telah berjaya memberi latihan kepada seramai 16,792 orang belia dalam bidang disiplin dan seramai 7,044 orang belia dalam bidang kemahiran. Dalam tahun 1980 adalah dijangka Pusat Latihan Belia Dusun Tua akan dapat memberi latihan kepada seramai 1,200 orang belia manakala Pusat Latihan Belia Negara Pertak pula akan dapat memberi latihan kepimpinan dan kemahiran kepada seramai 422 orang belia dan beliawanis.

Selain daripada latihan melalui pusat-pusat latihan di atas, Kementerian saya juga menganjurkan latihan sambil bekerja di tiap-tiap buah negeri di mana dalam tahun 1980 sahaja dijangka seramai 2,000 orang belia akan mengikuti rancangan ini.

Di samping itu satu rancangan baru untuk rancangan belia berniaga yang bertujuan menggalakkan belia-belia menceburkan diri dalam perniagaan atau menjadi usahawan-usahawan muda telah diperkenalkan. Seramai 2,213 orang belia diberi latihan dalam bidang perniagaan setakat ini. Usaha-usaha ini dijalankan dengan kerjasama agensi-agensi Kerajaan seperti Pusat Daya Pengeluaran Negara, MARA dan lain-lain lagi. Sehingga ini sebanyak 275 buah pusat perniagaan yang dikendalikan oleh seramai 479 orang belia telah dapat diwujudkan.

Untuk membolehkan belia-belia melibatkan diri dalam bidang perniagaan yang lebih besar maka Koperasi Belia Nasional (KOBENA) telah ditubuhkan pada 14hb November, 1976 dan pada masa ini KOBENA telah melibatkan diri dalam bidang perniagaan yang berkaitan dengan pengangkutan, binaan, bekalan dan percetakan di mana setengahnya dibuat dengan secara usaha sama dengan Koperasi Belia dan badan-badan perniagaan yang lain.

Selaras dengan matlamat Buku Hijau dan hasrat Kerajaan untuk meninggikan taraf hidup penduduk-penduduk luar bandar, Kementerian saya telahpun meneruskan projek belia peladang sehingga ini sebanyak 1,993 projek telah diwujudkan dan telah memberi peluang pekerjaan kepada 11,795 orang belia. Menyedari tentang kepentingannya maka dalam tahun 1980 peruntukan sejumlah \$3,443,649 telah disediakan bagi projek tersebut adalah dijangka sebanyak 910 projek baru akan dapat dilaksanakan dalam tahun 1980 nanti.

Untuk menguatkan lagi perpaduan di kalangan rakyat, Kementerian saya berusaha menggalakkan penyertaan kaum bukan bumiputra dalam Persatuan Pertubuhan Belia. Sehingga ini seramai 293,796 orang belia bukan bumiputra telah menyertai pergerakan belia dan ini merupakan pertanda baik bagi perpaduan negara ini.

Kementerian saya juga sedar bahawa masalah sosial di kalangan belia seperti penyalahgunaan dadah, keruntuhan moral

dan sebagainya perlu diberi perhatian yang sewajarnya. Oleh itu rancangan-rancangan yang sesuai menerusi peraturan, melalui Persatuan Belia seperti kursus-kursus penerangan, seminar, khemah kerja dan lain-lain rancangan pembangunan telah dijalankan dan sebahagian daripada rancangan tersebut adalah dengan kerjasama dari agensi-agensi yang lain.

Tuan Pengerusi, Kementerian saya juga menjalankan aktiviti-aktiviti sukan yang bertujuan bukanlah sahaja untuk membentuk masyarakat sihat dan meninggikan imej negara malah juga untuk menyemaikan semangat perpaduan melalui sukan. Oleh kerana itu dalam tahun 1980 sejumlah \$3,283,830 daripada Anggaran Belanja Mengurus telah diperuntukan bagi kegiatan-kegiatan dalam bidang sukan.

Usaha-usaha untuk memajukan dan meninggikan mutu sukan serta menggalakkan penglibatan orang ramai dalam bidang tersebut sedang dijalankan. Latihan-latihan yang sistematik kepada pemain-pemain yang berbakat dan jurulatih-jurulatih sukan telah diadakan. Pusat Sukan di Kuala Lumpur telah ditubuhkan dengan menyediakan kemudahan-kemudahan latihan sukan. Langkah-langkah yang dijalankan itu juga adalah selaras dengan hasrat Kementerian ini untuk menentukan supaya pemain-pemain yang berkebolehan dan mempunyai mutu yang baik akan mewakili negara ini dalam pertandingan-pertandingan antarabangsa.

Di samping itu untuk menarik minat orang ramai terhadap sukan mulai 1978 Kementerian saya telah memulakan Minggu Sukan Kebangsaan serentak dan upacara penganugerahan olahragawan dan olahragawati terbaik.

Tuan Pengerusi, untuk melicinkan dan menyempurnakan kegiatan kebudayaan, belia dan sukan, Kementerian saya berusaha mengadakan kemudahan-kemudahan fizikal seperti membina tepian-tepian gelanggang di tiap-tiap buah negeri dan lain-lain lagi. Dalam tahun 1980 sejumlah \$2,821,187 daripada anggaran peruntukan pembangunan telah disediakan untuk mengadakan kemudahan-kemudahan fizikal. Sehingga ini tiap-tiap buah negeri telah mempunyai tepian gelanggang masing-masing kecuali Sabah dan Kelantan. Pembinaan peringkat pertama tepian gelanggang di Kelantan dijangka akan siap

dalam tahun 1980 nanti. Kerja-kerja menimbun dan meratakan tapak pembinaan tepian gelanggang negeri Kota Kinabalu akan bermula pada awal tahun 1980.

Tuan Pengerusi, peruntukan sebanyak \$2,284,800 di bawah Belanja Mengurus yang diperlukan oleh Jabatan Muzium dalam tahun 1980 ialah untuk membiayai rancangan yang akan dijalankan oleh Muzium Negara Kuala Lumpur, Muzium Perak di Taiping dan Muzium Archaeology di Lembah Bujang Kedah. Di samping itu dalam tahun 1980 juga Jabatan Muzium diperuntukkan sebanyak \$1,674,110 di bawah peruntukan pembangunan untuk membolehkan Jabatan tersebut meneruskan pembangunan tapak Archaeology Lembah Bujang, pembangunan tapak Archaeology pra-sejarah mendapatkan rumah-rumah tradisional, memulih dan memelihara monument serta kawasan-kawasan sejarah, membina bangunan tambahan Muzium Negara dan membeli harta-harta kebudayaan.

Dengan itu, Tuan Pengerusi, saya mohon sekali lagi supaya Anggaran di bawah Kepala Bekalan 26 dan 27 serta Kepala Pembangunan 26 dan 27 diluluskan dan dijadikan sebahagian daripada Jadual.

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, Maksud B. 26 dan B. 27 bagi Belanja Mengurus dan Maksud P. 26 dan P. 27 bagi Maksud Pembangunan di bawah Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan sekarang terbuka untuk perbahasan.

Oleh sebab saya akan minta Yang Berhormat Menteri menjawab pada pukul 5.15 petang, saya harap ucapan itu dibuat seberapa ringkas.

Ahli Yang Berhormat dari Dungun.

3.57 ptg.

Tuan Awang bin Jabar (Dungun): Tuan Pengerusi, saya bangun untuk bercakap sedikit mengenai peruntukan di bawah Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dalam Maksud B. 26. Peruntukan B. 26, saya khususkan kepada Butiran 1100, Aktiviti (2) (v) dan (3) (vi).

Tuan Pengerusi, Kementerian Kebudayaan telahpun diperuntukkan dengan peruntukan yang begitu besar juga berbanding dengan Kementerian-kementerian lain dalam usaha

Kerajaan untuk meningkatkan taraf kebudayaan dan mutu belia serta sukan di negara kita ini.

Tuan Pengerusi, salah satu daripada aktiviti yang dijalankan di bawah butiran ini ialah tentang pendidikan dan perkembangan kebudayaan. Jadi saya ingin menyentuh sedikit mengenai hal ini. Saya tidak bermaksud hendak menyentuh tentang bentuk-bentuk ataupun aktiviti-aktiviti yang hendak dijalankan oleh Kementerian ini di dalam masalah kebudayaan—tetapi saya menghadapi dengan peruntukan di bawah aktiviti ini yang begitu besar dan tahun hadapan di bawah aktiviti ini mendapat tambahan jawatan, maka saya mengharapkan dengan tambahan ini dapatlah diadakan satu aktiviti yang sekira-kira dapat menjadi kebudayaan kita, kebudayaan negara kita ini benar-benar kebudayaan yang berasaskan kepada kebudayaan asal anak-anak bumi negara kita ini dan yang bersendikan ugama Islam.

Tuan Pengerusi, melihat atau meninjau Islam sebagai satu cara hidup (way of life) ianya merangkumi dalam semua bidang kehidupan manusia ini termasuk seni dan berbagai-bagai lagi. Tuan Pengerusi, jadi oleh sebab banyak aktiviti-aktiviti yang ada yang amat kontra, yang bertentangan dengan ajaran Islam yang mana ini akan menjejaskan ketahanan keimanan masyarakat kita, maka saya mengharapkan supaya Bahagian Pendidikan dan Perkembangan Kebudayaan ini membentuk satu unit khas dalam pendidikan kebudayaan ala Islam.

Tuan Pengerusi, begitu juga dalam masalah Penyelidikan Belia. Sebagaimana yang kita tahu belia-belie sekarang ini banyak mempunyai kategori. Ada belia-beila yang rajin, ada belia-belie yang tidak berapa rajin, ada belia-belie yang suka membuat jenayah, ada belia-belie yang terlibat dengan berbagai-bagai perkara yang boleh merosakkan kestabilan masyarakat kita.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Jawatankuasa*)

Jadi saya nampak banyak satu cara yang lebih konkrit, satu cara yang lebih sesuai, satu approach yang lebih sempurna perlu diadakan oleh Bahagian Penyelidikan Belia ini dengan tujuan untuk mengembalikan belia-belie kepada cara yang lebih menguntungkan negara kita, yang lebih menguntungkan masyarakat kita. Oleh itu, Tuan Pengerusi, saya mengharapkan kepada Bahagian

Penyelidikan Belia ini supaya membentuk satu jawatankuasa khusus untuk mengkaji kategori-kategori belia yang ada di seluruh negara ini supaya selepas kita mendapat data-data mengenai belia ini, maka senanglah satu tindakan yang sesuai akan kita ambil selepas itu dengan tujuan untuk menyalurkan belia-belia ini ke arah yang lebih sempurna, ke arah yang lebih baik sesuai dengan kehendak negara kita ini.

Begitu juga, Tuan Pengerusi, dalam masalah Penyelidikan Belia ini yang ada hubungannya dengan lapangan ekonomi, umpamanya, Kementerian juga banyak mengadakan projek-projek seperti projek-projek Belia Niaga dan projek-projek Belia Peladang. Saya cukup berterima kasih kepada Kementerian ini yang sedikit sebanyak, yang rata-rata boleh dikatakan setiap projek yang ditaja, yang dilancarkan itu mendapat sambutan pada mulanya tetapi apa yang merunsingkan sedikit kebanyakan daripada projek-projek yang telah dilancarkan itu ada di antaranya yang gagal dan punca-punca kegagalan ini adalah disebabkan setengah daripadanya oleh ketidakcukupan pegawai-pegawai yang menyelia projek-projek yang tersebut.

Oleh yang demikian, Tuan Pengerusi, saya mengharapkan juga pihak Penyelidikan Belia ini supaya dapat mengkaji semula apakah patut ditambah pegawai-pegawai untuk menyelia projek-projek yang dilancarkan itu. Kalau ini dapat kita adakan, insya Allah projek-projek yang banyak yang disebutkan oleh Yang Berhormat Menteri tadi kita akan dapat mencapai kejayaan yang lebih pada tahun 1980.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Tumpat.

4.06 ptg.

Tengku Noor Asiah binti Tengku Ahmad (Tumpat): Tuan Pengerusi, saya menyentuh Butiran 1100, Aktiviti (1) Pentadbiran, muka surat 201; Butiran 8—Kompleks Budaya Negara, muka surat 214.

Tuan Pengerusi, peruntukan asalnya \$4.3 juta tetapi peruntukan yang diuntukkan bagi tahun hadapan ialah \$½ million sahaja. Projek ini dianggarkan bermula pada tahun 1971 tetapi ia ditangguhkan sehingga sekarang. Saya tidak tahu apakah sebab-sebabnya maka projek yang begini mustahak tidak dapat disiapkan pada tahun 1975. Namun

begitu saya mengharapkan bahawa pembinaan Kompleks Budaya Negara dapat diselenggarakan kerana memandangkan betapa perlunya ibu negara kita ini ada sebuah Kompleks Budaya Negara sepertimana yang terdapat di negara-negara lain.

Dalam pada itu saya ingin mengesyorkan kepada pihak yang berkenaan bahawa bentuk bangunan itu hendaklah diukir dengan begitu rupa supaya ia dapat mencerminkan kebudayaan nasional yang sebenarnya. Tukang-tukang ukir yang mahir boleh didapati di Pantai Timur khususnya di Kelantan atau di mana-mana sahaja yang difikirkan sesuai boleh menunjukkan apa sahaja ukiran yang diperlukan.

Tuan Pengerusi, sekarang ini kalau kita lihat di mana-mana sahaja bentuk tradisional lama sudah jarang kelihatan lagi. Ini boleh menghilangkan identiti kebudayaan kita. Bangunan pencakar langit di Bandaraya Kuala Lumpur tidak dapat menunjukkan identiti asli lagi. Bentuk seperti ini akan lenyap ditelan zaman kalau sekiranya tidak dipelihara. Mujurlah sekarang ini barang-barang lama yang dianggap antik menjadi kegemaran orang-orang menyimpannya. Mudah-mudahan dengan adanya perubahan ini ukiran-ukiran lama yang menarik akan dapat tempat yang istimewa kelak.

Saya percaya, Tuan Pengerusi, bentuk ukiran tradisional ini bukan sahaja perlu dipamerkan di muzium-muzium tetapi juga di Kompleks Budaya, malah di Bangunan Parlimen ini juga dan di mana-mana sahaja yang difikirkan perlu yang dapat menunjukkan lambang kesenian negara.

Tuan Pengerusi, saya pergi kepada Aktiviti (4) Sukan. Apa yang saya faham bahawa Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan ini tidak menguruskan hal-hal yang bersabit dengan sukan negara tetapi sebaliknya urusan sukan ini diuruskan oleh badan lain iaitu Majlis Sukan Negara.

Pada pendapat saya sepatutnyalah dan sudah tiba masanya yang Kementerian ini sendiri mengendalikan urusan sukan ini dan diletakkan di bawah pentadbiran, jagaan Kementerianya kerana ia boleh bertanggungjawab atas urusan latihan, pemilihan, insentif, kemudahan asas-asas yang perlu dijaga dan diuruskan oleh Kementerian itu sendiri. Ini saya rasa lebih tepat dan kena pada tempatnya daripada hanya pada namanya sahaja yang ianya duduk di bawah Kementerian Sukan.

Saya percaya kalau urusan sukan ini dapat diletakkan di bawah jagaan Kementerian ini, insya Allah mutu sukan kita akan dapat dijamin dan bertambah baik lagi dari masa-masa yang telah sudah kerana ia mempunyai kewangan yang cukup serta kakitangan dan pegawai-pegawai yang boleh menguruskannya berbanding dengan badan-badan sukan yang terpaksa mencari tabung kewangan untuk menguruskan ahli-ahli, latihan, pembaikan permainan dan sebagainya. Jadi dengan kerana ini saya berpendapat bahawa badan-badan sukan ini diletakkan terus di bawah Kementerian Sukan dan tidak lagi di bawah jagaan dan tanggungjawab badan-badan lain. Sekiranya buat pada masa ini didapati sukar untuk dikendalikan saya mengesyorkan supaya buat sementara waktu ini biarlah Majlis Sukan itu ada wakil Kementerian duduk di dalamnya supaya mereka dapat mengetahui akan kedudukan yang sebenarnya.

Tuan Peengerusi, sebagaimana yang kita sedia maklum sukan ini boleh membawa keharmonian kepada negara dan ia juga boleh meninggikan imej negara dalam apa bentuk sukan sekalipun. Maka adalah perlu difikirkan secara serius bahawa ahli-ahli sukan kita ini apabila mengambil bahagian dalam sesuatu pertandingan kebangsaan atau antarabangsa eloklah mereka diberi insurans penuh kerana sekiranya berlaku sesuatu kemalangan maka mereka atau keluarganya akan mendapat faedah yang secukupnya. Ini saya rasa akan dapat memberi jaminan hidup yang lebih sempurna kepada pemain-pemain kita. Sekarang ini kita selalu dengar bahawa sekiranya seseorang pemain itu mendapat kecederaan atau kemalangan ia hanya mendapat bantuan perubatan sahaja. Saya rasa untuk meninggikan mutu pemain sukan untuk negara apalah salahnya setiap pemain-pemain itu diberi perhatian dan jagaan yang secukupnya supaya ia tidak terasa bahawa sukan sahaja ia akan mengeciwakan pekerjaannya tetapi juga keluarganya. Ini secara psikologi akan memberi perangsang yang lebih kepada pemain-pemain kita.

Tuan Pengerusi, saya menyentuh Butiran 15—Rancangan Belia Berniaga, muka surat 215, peruntukan sebanyak \$5 juta.

Tiap-tiap tahun ramai belia-belia kita berhenti sekolah untuk mendapat pelajaran tinggi. Saya rasa ianya tidak lebih daripada 10% dan yang selebihnya sama ada mencari kerja atau menganggur. Untuk ini saya rasa

satu rancangan kilat atau rancangan raksaksa perlu diadakan untuk digembelinkan tenaga belia-belia kita ini. Kita tidak mahu melihat belia-belia kita banyak yang menjadi penganggur dan menjadi perosak masyarakat dan ini boleh menjadi satu beban kepada negara.

Saya ingin menarik perhatian pihak yang berkenaan bahawa oleh kerana telah ada satu rancangan bagi belia-belia berniaga saya ingin mengesyorkan supaya rancangan serupa ini diperbanyakkan lagi agar belia-belia kita dapat diberi latihan dan bimbingan yang sempurna. Cara yang berkesan, saya rasa ialah dengan memberi penerangan bahawa lepasan sekolah yang tidak dapat melanjutkan pelajaran ke sekolah tinggi atau ke pusat-pusat pengajian tinggi atau mereka yang tercicir dalam pelajaran, pusat latihan ini boleh memberi bimbingan kepada mereka dalam bidang perniagaan. Mungkin dengan bimbingan ini akan dapat mengurangkan sedikit di kalangan belia-belia kita.

Saya berpendapat apabila kemudahan asas telah kita sediakan insya Allah pemuda-pemuda kita tidak lalai daripada tanggungjawabnya bukan sahaja untuk kepentingan dirinya tetapi juga dapat menolong dan membantu keluarga-keluarga mereka di samping menguntungkan negara. Saya percaya dengan pembinaan asas perniagaan yang kukuh ini, ianya akan mendorong mereka lebih berusaha dalam bidang perniagaan secara yang lebih teratur lagi.

Tuan Pengerusi, sekianlah sahaja dan saya menyokong penuh peruntukan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Kota Melaka.

4.15 ptg.

Tuan Chan Teck Chan (Kota Melaka): Tuan Pengerusi, saya akan menyentuh Butiran 1100 Aktiviti (2) (iii) Pembangunan dan Penggalakan Kebudayaan.

Tuan Pengerusi, bila kita mengkaji perbelanjaan yang diuntukkan di bawah butiran ini baik dari Butiran 1100 hingga 4100 ia tidak melebihi \$1 juta. Di sini saya ingin sekali lagi menyuarakan kepada Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan bahawa bagaimana Kerajaan boleh berasaskan dengan peruntukan dengan perbelanjaan yang kecil ini untuk membangun dan menggalakkan kebudayaan nasional Malaysia.

Saya yakin Yang Berhormat Menteri Kebudayaan tentu sedar bahawa dasar kebudayaan nasional telah dijadikan satu isu yang sangat kontroversi hari ini baik di bidang masyarakat Melayu atau masyarakat Cina atau lain-lain masyarakat yang berkenaan. Hingga hari ini sejak kemerdekaan 22 tahun dahulunya, Malaysia masih gagal untuk menegaskan atau mengarahkan satu dasar kebudayaan nasional yang boleh benar-benar diterima oleh semua lapisan masyarakat di Malaysia hari ini sungguhpun dasar kebudayaan nasional adalah dilaung-laungkan oleh satu kumpulan yang mengatakan bahawa dasar kebudayaan nasional adalah satu dasar kebudayaan yang berasaskan kepada kebudayaan bumiputra yang bersendikan kepada Uagama Islam.

Tuan Pengerusi, kalaulah kita ada meninjau reality politik, reality masyarakat, reality survival Malaysia sebagai masyarakat yang berbilang bangsa saya tentu yakin bahawa cadangan atau konsep dasar kebudayaan nasional ini tentu tidak boleh diterima oleh masyarakat Malaysia yang berbilang bangsa. Saya memberi satu contoh umpamanya kebudayaan Melayu ini yang saya kaji adalah satu kebudayaan yang ter-kaya tetapi bukanlah satu kebudayaan Melayu yang tulin yang 100% tidak dipengaruhi oleh kebudayaan-kebudayaan dari kaum yang lain. Kebudayaan Melayu juga adalah dipengaruhi dan diwarna-warnikan oleh kebudayaan pada zaman pemerintahan Portuguese, kemudian Belanda akhirnya masuk juga kebudayaan Arab, Hindu dan kebudayaan Tionghua.

Tuan Pengerusi, juga kebudayaan Melayu ini ada dipengaruhi oleh kebudayaan Bugis, Minangkabau dan kebudayaan Barat. Umpamanya dari bahasa kita lihat umpamanya "loteng", "lihai" dan lain-lainnya adalah bahasa dari Tionghua. Juga perkataan sastera adalah daripada perkataan Hindu atau Sanskrit dan juga banyak ada istiadat, adat resam juga adalah dipengaruhi oleh kebudayaan Hindu. Juga dondang sayang, satu tarian atau satu seni Melayu juga ada mewarisi dari kebudayaan Portuguese. Di sini kita boleh lihat begitu juga kebudayaan Cina, kebudayaan India juga ada dipengaruhi dan diwarna-warnikan oleh kebudayaan Melayu, kebudayaan Barat dan lain-lain kebudayaan di dunia ini.

Tuan Haji Suhaimi bin Datuk Haji Kamaruddin: (Bangun).

Tuan Chan Teck Chan: Ya, on point of order?

Tuan Haji Suhaimi bin Datuk Haji Kamaruddin: Adakah Yang Berhormat hendak memberi jalan?

Tuan Chan Teck Chan: Tuan Pengerusi, oleh kerana saya ada masa yang singkat tentu Yang Berhormat ada chance untuk bercakap. Ini hanya cuba mahu meyakinkan Dewan yang mulia ini memberitahu kepada masyarakat Malaysia bahawa kebudayaan Melayu, kebudayaan Cina, kebudayaan India, kebudayaan bangsa-bangsa lain tidak ada satu kebudayaan yang tulin di dunia ini.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, kita sekarang ini di peringkat Jawatankuasa, jadi hujah-hujah yang Ahli Yang Berhormat buat itu ialah mengenai konsep, principle ataupun dasar. Kita ini dalam Maksud Bekalan. Yang Berhormat kena tumpu dan tepat kepada perkara bekalan.

Tuan Chan Teck Chan: Saya memberitahu kepada Dewan yang mulia ini sebagai jawapan saya kepada Ahli Yang Berhormat yang berkata bahawa kebudayaan nasional harus berasaskan kepada kebudayaan Melayu ataupun bumiputra dan bersenikan Islam. Ini adalah salah. Ini tidak boleh diterima oleh masyarakat Malaysia.

Saya hanya cuba memberi contoh-contoh yang berkenaan untuk menyakinkan masyarakat Melayu dan Dewan yang mulia ini bahawa kebudayaan nasional kalau hendak dibangunkan ataupun digalakkan oleh Kementerian Kebudayaan ialah perlu menerima satu konsep yang lebih realistik, yang boleh diterima oleh kesemua masyarakat Malaysia.

Tuan Haji Suhaimi bin Datuk Haji Kamaruddin: Tuan Pengerusi, on a point of order. Saya suka merujuk kepada peraturan bahawa kita tidak boleh dibenarkan membalas konsep, kerana saya terlibat juga dengan peraturan itu apabila saya hendak jawab tidak boleh menjawab kerana di luar ataupun melanggar Peraturan Mesyuarat.

Tuan Pengerusi: Nanti sekejap Yang Berhormat!

Tuan Haji Suhaimi bin Datuk Haji Kamaruddin: Saya hendak menarik perhatian, Tuan Pengerusi, bahawa apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat tadi adalah melanggar peraturan kerana kita tidak dibenarkan membincang konsep, cuma butiran-butiran yang berkenaan.

Tuan Pengerusi: Saya benarkan Yang Berhormat berucap barangkali sebab dia hendak menyentuh sekarang ini perkara bekalan dan sebelum menyentuh fasal kewangan dia hendak memberi gambaran tentang konsep, itu bolehlah. Sila pendekkan dan terus tumpukan kepada bekalan.

Tuan Chan Teck Chan: Tuan Pengerusi, sebagaimana yang saya kata peruntukan yang kurang daripada \$1 juta yang diperuntukkan di bawah Aktiviti (2) Pecahan (iii) ini adalah tidak cukup. Itu sebab saya menyeru bila Kementerian Kebudayaan hendak membangun dan menggalakkan kebudayaan Malaysia yang boleh diterima oleh rakyat Malaysia ialah satu kebudayaan yang berasas kebudayaan-kebudayaan kaum yang ada di Malaysia yang sudah diterima oleh rakyat Malaysia tanpa melalui satu proses paksaan bahawa perlu berasaskan salah satu kebudayaan bangsa yang tertentu. Saya menentang kalau mana-mana satu kumpulan mengatakan kebudayaan nasional perlu berasaskan kebudayaan Cina ataupun India, ini DAP akan tentang. Pendirian DAP ialah bahawa dasar kebudayaan nasional Malaysia ialah satu kebudayaan yang boleh mencerminkan kebudayaan dari berbagai kaum yang ada di Malaysia. Itu tidak boleh menarik satu ciptaan dan proses paksaan untuk mewujudkan ataupun mengada-adakan dasar kebudayaan nasional ini.

Satu perkara yang suka dan perlu saya menarik perhatian Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, umpamanya, satu surat yang saya sampaikan kepada Yang Berhormat pada 18hb Oktober mengenai satu peristiwa yang berlaku di Tampin, Negeri Sembilan di mana sebuah badan kebudayaan bernama Teck Chow iaitu satu moral society yang cuba dirobohkan oleh pihak-pihak yang berkuasa. Ini soal mencerminkan bahawa kerana adanya satu konsep ataupun pemikiran ataupun faham yang salah di kalangan masyarakat Malaysia kerana Kementerian Kebudayaan tidak boleh berusaha melancarkan satu kempen pelajaran politik untuk

menggalakkan rakyat Malaysia bahawa asalkan kebudayaan sudah wujud di Malaysia dan boleh diterima oleh rakyat Malaysia maka inilah kebudayaan negara Malaysia. Sebab itu umpamanya kita lihat di Penang juga sebuah Tok Pekong dirobohkan dan Patung Kuan Yin telah ditolak dan tidak boleh dibina. Ini adalah menunjukkan bahawa ada berlakunya satu kesalahan-kesalahan fahaman terhadap kebudayaan negara kita.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, itu yang saya katakan tolong tumpukan kepada Maksud Bekalan. Fahaman, pendapat dan konsep ini ialah polisi. Jadi tumpukan kepada Maksud Bekalan.

Tuan Chan Teck Chan: Saya ada menyentuh mengenai beratnya tanggungjawab Menteri Kebudayaan untuk mencari jalan keluar bagaimana boleh melancarkan satu kempen pelajaran politik untuk jangka panjang bagi memupuk dan membangunkan kebudayaan nasional Malaysia yang tulin. Tidak boleh terpengaruh oleh mana-mana satu parti politik yang memperjuangkan konsep kebudayaan yang salah yang tidak boleh diterima oleh masyarakat Malaysia yang berbilang bangsa ini. Inilah sebabnya saya memandang berat bagaimana beratnya tugas dan tanggungjawab Menteri Kebudayaan khususnya di bawah Butiran (iii) ini untuk membangun dan menggalakkan Kebudayaan Malaysia.

Saya fikir sudah sampai masanya bagi Menteri Kebudayaan untuk mengarahkan ataupun menubuhkan sebuah Majlis Kebudayaan Nasional supaya pakar-pakar kebudayaan boleh dijemput untuk membincang bagaimana boleh mewujudkan kebudayaan nasional Malaysia.

Saya rasa terperanjat apakah sebabnya jawatankuasa ini hanya diwujudkan di bawah Kementerian Penerangan, tetapi tidak di bawah Kementerian Kebudayaan? Sebenarnya ini adalah tugas Kementerian Kebudayaan untuk menubuh Majlis Kebudayaan ini untuk mencari jalan-jalan bagaimana boleh kita mencipta dan melahirkan satu kebudayaan Malaysia yang boleh mencerminkan satu konsep Malaysian-Malaysia. Tidak boleh berasaskan mana-mana satu kaum sahaja.

Inilah cadangan DAP dan inilah pendirian DAP mengenai dasar kebudayaan nasional Malaysia.

Tuan Pengerusi: Saya jemput Yang Berhormat dari Tanah Merah.

4.27 ptg.

Tuan Hussein bin Mahmood (Tanah Merah): Tuan Pengerusi, saya bangun menyokong peruntukan yang diperlukan oleh Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan di bawah Kepala B. 26 dan B. 27 dan seterusnya P. 26 dan P. 27.

Tuan Pengerusi, buat permulaannya saya ingin menyentuh Butiran (Kod) 1100, Aktiviti (3) (v) dan (vi).

Tuan Pengerusi, saya hendak menyentuh perkara ini kerana saya dapati bahawa soal perpaduan negara adalah penting kerana sebagai sebuah negara yang mempunyai masyarakat majmuk seperti Malaysia ini maka soal Perpaduan Belia adalah penting kerana ini akan menentukan corak warganegara kita yang akan datang. Dan yang saya melihat di sini bahawa daripada jumlah kakitangan bahagian ini iaitu Perpaduan Belia tahun 1979 kakitangannya ialah lima orang dan pada tahun 1980 empat orang dan juga peruntukannya adalah serupa. Mungkin juga saya mendapat gambaran yang silap, mungkin kerja-kerjanya yang lebih kurang sama dijalankan oleh bahagian lain di Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Walau bagaimanapun, Tuan Pengerusi, sekiranya kerja-kerja ini dijalankan oleh bahagian-bahagian lain juga, maka saya harap satu gembelangan tenaga daripada Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan di bawah tajuk Perpaduan Belia ini hendaklah dijalankan supaya kita dapat membina satu masyarakat yang benar-benar merasai tanggungjawab dan merasai kasih sayang kepada negara ini.

Misalnya, Tuan Pengerusi, generasi muda yang terdapat pada hari ini hendaklah benar-benar dipandu dan dikenalkan kepada ciri-ciri kebudayaan kebangsaan atau kebudayaan nasional ke dalam amalan dan cara hidup hari-hari mereka. Tuan Pengerusi, saya juga yakin bahawa satu kebudayaan itu bukan satu perkara statik dan saya juga

yakin bahawa apa yang kita maksudkan dengan konsep kebudayaan nasional sebagai kebudayaan yang berteraskan kebudayaan rakyat asal negara ini dan kebudayaan-kebudayaan lain boleh disesuaikan dari semasa ke semasa, kerana saya faham bahawa satu-satu kebudayaan itu bukannya statik.

Begitu juga, Tuan Pengerusi, saya berharap bahawa dalam masalah ini kita hendaklah menentukan bahawa yang pertama sekali dalam satu atau dua jenerasi yang akan datang warganegara Malaysia tidak akan lagi mengingatkan tanah asal mereka, tidak akan lagi mempersoalkan soal-soal pokok yang terdapat di negara ini, tidak mempersoalkan kenapa asas kebudayaan itu perlu berdasarkan kepada kebudayaan rakyat asal negara ini.

Saya berharap bahawa dalam perkara Penyelidikan Belia dalam Aktiviti (3) (vi) tadi perkara-perkara yang saya sebutkan tadi hendaklah diperhitungkan dan di samping itu juga perkara di bawah Aktiviti (3) (iv)—Pergerakan Belia. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan kenapa pada tahun ini peruntukan kepada gerakan aktiviti belia ini dikurangkan begitu rupa sehingga daripada \$376,000 kepada \$97,500 sahaja. Adakah ini bermakna kerja-kerja gerakan belia yang dijalankan sebagai kerja-kerja biasa itu telah dipindahkan kepada butiran atau tajuk-tajuk yang lain dan kalau kiranya ini tidak dipindahkan kepada butiran atau tajuk-tajuk yang lain maka saya harap segala aktiviti atau gerakan kerja belia sama ada yang dijalankan oleh Kementerian ini di peringkat kebangsaan, di peringkat negeri dan di peringkat daerah atau kampung sebagaimana yang disebutkan oleh Yang Berhormat Menteri sewaktu mengemukakan belanjawan tadi hendaklah diteruskan. Kalau sekiranya terdapat gerakan-gerakan belia di dalam bahagian-bahagian lain maka saya harap perkara ini hendaklah diteruskan juga.

Seterusnya, Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh mengenai Maksud P. 26, Butiran 12—Projek Belia Peladang.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, muka berapa?

Tuan Hussein bin Mahmood: P. 26 muka surat 214, Butiran 12. Di dalam P. 26, Butiran 12 ini, Tuan Pengerusi, Kementerian ini memohon sebanyak \$3,443,649 sebagai anggaran peruntukan secara langsung bagi tahun 1980. Di dalam hal ini saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan apakah takrif Belia Peladang ini termasuk juga Belia Nelayan. Kalau sekiranya belum lagi dimasukkan aktiviti atau takrif Belia Nelayan maka saya berharap kalau pun tidak dapat dimasukkan bagi peruntukan tahun 1980 maka hendaklah juga kita perhatikan perkara ini supaya dimasukkan di dalam aktiviti Projek Belia Peladang ini pada tahun-tahun 1981 dan seterusnya. Saya berkata demikian, Tuan Pengerusi, saya rasa satu perkara yang sering kita hadapi pada masa ini ialah belia-belia kita di samping mereka tidak begitu gemar turun ke ladang mereka juga terdapat tidak begitu gemar untuk menyambung tradisi ibubapa mereka turun ke laut. Jadi mempunyai perananlah pihak Kementerian ini di bawah Projek Belia Peladang kalau tidak pun dimasukkan satu butiran khas bagi tahun 1981 maka hendaklah dipertimbangkan pada tahun ini kalau dapat supaya sedikit sebanyak sekurang-kurangnya percubaan dalam masalah belia nelayan hendaklah dijalankan.

Seterusnya, Tuan Pengerusi, dalam masalah Projek Belia Peladang ini juga saya mengharapkan supaya di samping pihak Kementerian memberi peruntukan-peruntukan atau bantuan kepada kumpulan-kumpulan beberapa orang yang tertentu untuk mengendalikan Projek Belia Peladang sama ada dari segi ternakan atau sebagainya maka hendaklah juga kita menumpukan kepada Projek Belia Perseorangan kerana sudah sampai masanya kita meninggalkan prestigious project, kita tinggalkan projek-projek yang dapat dijadikan sebagai satu perkara pertunjukan, kita hendaklah teruskan dengan projek-projek di bawah Projek Belia Peladang ini dengan projek-projek yang boleh menguntungkan. Cara menguntungkannya ialah kita hendaklah menggalakkan supaya belia-belia hendaklah menceburkan diri dalam kerja-kerja ladang ini jangan ramai sangat, sekurang-kurangnya paling ramai tiga, empat orang supaya mereka tidak akan timbul atau menemui masalah kerumitan pentadbiran sesama sendiri di suatu masa akan datang. Saya lebih suka kalau dipersetujui oleh pihak Menteri yang berkenaan supaya kita memberi bantuan kepada orang perseorangan. Misalnya, Projek Ternakan Ayam, orang perse-

orangan ini boleh mengendalikannya, Projek Ternakan Ikan Air Tawar di dalam kolam yang boleh dijalankan oleh belia secara perseorangan, Projek Ternakan Kambing Biri-biri, Projek Ternakan Lembu Kerbau; ini boleh dijalankan dengan kerjasama pihak Perkhidmatan Haiwan di bawah Kementerian Pertanian misalnya.

Di samping itu, Tuan Pengerusi, saya suka mengingatkan Kementerian ini di bawah Projek Belia Peladang ini kalau belum lagi dimulakan sistem latihan, kemudian sistem pengawasan selepas diberi bantuan ini, maka sistem ini hendaklah dimulakan. Misalnya, sebelum kita memberi sebagai bantuan dalam Projek-projek Belia Peladang ini mula-mula sekali hendaklah dilatih calon-calon belia peladang itu sebagaimana juga Yang Berhormat Menteri menyebutkan tadi belia-belia niaga dilatih sebelum mereka itu menceburkan diri di dalam perniagaan. Dan setelah mereka ini diberi latihan dan bantuan maka penyeliaan hendaklah sentiasa dijalankan oleh pihak-pihak yang mempunyai ikhtisas di dalam projek-projek ladang tersebut daripada pihak Jabatan Kebudayaan, Belia dan Sukan Negeri ataupun pihak Kementerian sendiri.

Perkara yang seterusnya yang saya hendak sentuh, Tuan Pengerusi, Butiran 15, di bawah P. 26 lagi iaitu Rancangan Belia Niaga. Di bawah Rancangan Belia Niaga ini saya rasa, oleh sebab Kementerian ini telahpun menjalankan usaha-usaha ini kalau tidak silap saya dalam setahun dua ini maka sudah sampai masanya pihak Kementerian sendiri membuat satu penilaian sejauh manakah projek ini berjaya setakat hari ini dan jika tidak berjaya apakah usaha-usaha yang dapat dijalankan untuk membaiki segala kekurangan dan kepincangan yang mungkin berlaku selama projek ini dijalankan dalam masa setahun dua ini. Dan kalau sekiranya didapati Projek Belia Niaga ini merupakan satu projek yang menguntungkan bukan sahaja dari segi ekonomi bahkan dari segi sosial bagi faedah belia-belia di negara ini maka peruntukan sebanyak \$5 juta ini tidak ke mana-mana, Tuan Pengerusi. Saya minta supaya peruntukan ini digandakan. Dan mungkin pada setengah pihak menganggap peruntukan sebanyak \$5 juta ini bagi Rancangan Belia Niaga terlalu banyak.

Bagi saya, Tuan Pengerusi, memandang bahawa lebih daripada 60% daripada jumlah penduduk negara ini adalah terdiri

dari golongan belia dan masih ramai lagi daripada golongan mereka ini yang mengganggu dan mereka ini perlu diberi bimbingan supaya tidak menceburkan diri dalam perkara-perkara yang tidak diinginkan maka hendaklah sebahagian besar daripada mereka disalurkan sama ada melalui Belia Niaga atau Belia Peladang sekiranya didapati projek-projek ini adalah viable dan berfaedah untuk belia dan negara sendiri.

Seterusnya, Tuan Pengerusi, saya minta izin untuk menyentuh pula Butiran 16, masih P. 26 lagi, iaitu Pusat Latihan Belia Pantai Timur. Saya dapati dalam ruangan ini, iaitu muka surat 215, pihak Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan memohon sebanyak \$10 (token). Saya yakin dan percaya dengan adanya \$10 ini maka pihak Kementerian berkenaan mempunyai projek-projek yang tertentu. Dalam hal itu saya juga hendak mencadangkan supaya kalau sekiranya dicadangkan oleh pihak Kementerian ini hendak mendirikan sebuah sahaja Pusat Latihan Belia untuk Pantai Timur, misalnya, untuk Trengganu, Pahang dan Kelantan maka hendaklah difikirkan juga supaya pusat-pusat latihan belia di bahagian Pantai Timur ini hendaklah diadakan sekurang-kurangnya satu bagi tiap-tiap negeri. Kalau kita dapat mengadakan Tepian Gelanggang atau Kompleks Pelbagai Guna bagi tiap-tiap negeri, kalau tak silap mengikut hasrat Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan ini maka apakah sa'ahnya tiap-tiap negeri kita akan satu kompleks ataupun satu pusat latihan belia bagi kawasan Pantai Timur, iaitu tiap-tiap negeri satu.

Dalam pusat latihan belia yang dicadangkan di Pantai Timur ini saya mencadangkan bahawa selain daripada perkara-perkara biasa yang menjadi kurikulum kepada latihan ini, iaitu seperti latihan disiplin, latihan kemahiran maka hendaklah juga latihan-latihan perniagaan, latihan-latihan seperti perladangan dan sebagainya hendaklah dimasukkan juga di dalam rancangan ataupun cadangan kurikulum di Pusat-pusat Latihan Belia di Pantai Timur ini.

Saya rasa tidak keterlaluan kalau saya mencadangkan juga sesuai dengan permohonan saya mengenai belia nelayan di bawah Butiran Belia Peladang tadi, oleh sebab kawasan Pantai Timur ini sebahagian dari penduduknya adalah terlibat dengan perikanan. Maka saya ingin mencadangkan supaya Pusat Latihan Belia ini juga hendak-

lah memasukkan dalam kurikulumnya perkara-perkara yang ada hubungan dengan profesional untuk belia-belia menjadi belia nelayan pada satu hari kelak.

Itulah sahaja, Tuan Pengerusi, beberapa perkara yang hendak saya cadangkan di sini untuk perhatian pihak Kementerian Kebudayaan, dan Sukan.

Tuan Pengerusi: Ahli Yang Berhormat dari Telok Anson.

4.42 ptg.

Tuan Au How Cheong (Telok Anson): Tuan Pengerusi, saya ingin hendak bercakap dengan ringkas sahaja tentang satu tajuk atau Aktiviti di muka surat 202, Aktiviti (3) (iv)—Pergerakan Belia dan (v)—Perpaduan Belia.

Dalam Buku "Anggaran Belanjawan Program dan Prestasi tahun 1980" di muka surat 303 dan 307 adalah disebut bahawa tujuan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan ialah:

- (a) untuk membentuk satu masyarakat belia yang bersatu padu; dan
- (b) merapatkan perhubungan belia sebagai keturunan supaya melahirkan satu bentuk masyarakat yang bersatu padu dan saling faham dan memahami.

Sungguhpun demikian, saya berasa amat dukacita memerhatikan bahawa kebanyakan persatuan-persatuan pergerakan belia yang dianjurkan atau ditaja oleh Kementerian ini ditubuhkan mengikut kaum. Kejadian atau keputusan ini telah menafikan rakyat muda berbilang kaum kita peluang-peluang untuk merapatkan satu sama lain, bertukar fikiran secara langsung dan apa yang lebih penting ialah melambatkan wujudnya satu masyarakat yang bersatu padu.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, tolong tumpukan kepada Bekalan Perbelanjaan, bukan kepada dasar.

Tuan Au How Cheong: Ya, Tuan Pengerusi, persatuan-persatuan belia berbilang kaum adalah amat berkurangan. Memanglah benar di kawasan-kawasan tertentu terdapat penduduk-penduduk yang terdiri dari satu kaum sahaja dan tidaklah dapat dielakkan ahli-ahlinya datang dari satu kaum sahaja tetapi di bandar-bandar atau di kampung-kampung yang berhampiran dengan bandar

persatuan-persatuan pergerakan belia itu masih ditubuhkan mengikut kaum. Memang benar juga bahawa perasaan perkauman masih ada dalam negara kita tetapi kita tidak patut mengekalkan keadaan ini selamanya. Kita harus mengambil segala tindakan untuk mewujudkan persahabatan, persefahaman dan semangat muhibbah antara rakyat kita.

Dalam Ucapan Hari Kebangsaan tahun 1977, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita pun telah berkata, begini. . . .

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, saya minta maaf dalam perkara ini. Saya sudah beritahu tadi tolong tumpukan kepada Maksud Bekalan—kewangan, perbelanjaan. Kalau ada Yang Berhormat hendak bercakap berkenaan dengan perbelanjaan tambahan, saya kata macam Ahli Yang Berhormat dari Tanah Merah disebut tambah itu, tambah ini, buat itu—itu yang patut disebut. Dasar sudah selesai.

Tuan Au How Cheong: Tuan Pengerusi, saya patuh. Oleh yang demikian saya merayu kepada Kerajaan janganlah menggalakkan pertubuhan-pertubuhan mengikut bangsa, sebaliknya Kerajaan harus mengambil segala tindakan untuk menolong rakyat muda kita untuk mencapai persefahaman yang menuju ke arah perpaduan.

Di sini saya ingin mencadangkan semasa kedudukan ini belum dapat diubah saya bercadang rancangan-rancangan pertukaran (exchange programme) antara persatuan-persatuan belia ini diadakan supaya ahli-ahli dari satu persatuan dapat bertemu dengan ahli-ahli yang lain. Kita harus meletak batu asas perpaduan dan menyemai benih perpaduan untuk pemuda-pemudi kita supaya mereka dapat menikmati hasil perpaduan, supaya mereka dapat hidup dalam satu masyarakat yang lebih maju dan makmur.

Tuan Pengerusi: Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar.

4.47 ptg.

Tuan Lee Lam Thye (Kuala Lumpur Bandar): Tuan Pengerusi, yang pertama izinkan saya menyentuh Maksud B. 26, Aktiviti (2)—Kebudayaan.

Tuan Pengerusi: Muka surat berapa?

Tuan Lee Lam Thye: Muka surat 201, Aktiviti (2)—Kebudayaan (iii)—Pembangunan dan Penggalakan Kebudayaan. Atas perkara ini saya ingin membentangkan satu perkara yang pada pandangan saya adalah mustahak dan penting.

Sebagaimana yang kita sedia maklum Malaysia ialah bukan sahaja sebuah negara yang mempunyai penduduk berbilang kaum dan berbilang ugama tetapi juga sebuah negara berbagai kebudayaan. Oleh kerana adanya keadaan yang unik ini perkara yang saya ingin bangkitkan ialah berkenaan dengan Tarian Singa dan Seni silat Kungfu yang merupakan sebahagian kebudayaan tradisi bangsa Cina. Dalam masa soal jawab di Dewan ini pada 8hb November, tahun 1978 apabila Yang Berhormat Menteri yang berkenaan menjawab satu soalan lisan saya, Yang Berhormat Menteri itu ada mengatakan bahawa Tarian Singa boleh ditunjukkan oleh orang-orang Cina sebagai satu ciri kesenian tradisi mereka dan prinsip ini adalah sesuai dengan Perlembagaan dan semangat Rukunegara bahawa setiap kaum boleh mengamalkan tradisi kebudayaan masing-masing. Jawapan Yang Berhormat Menteri itu bukanlah satu jawapan yang baru dan apa yang sangat mendukacitakan saya ialah jawapan yang diberi oleh Yang Berhormat Menteri itu merupakan satu jawapan yang berdalih yang tidak langsung menepati maksud asal soalan saya yang berbunyi: "Adakah Kerajaan akan mengiktiraf Tarian Tradisional Singa sebagai sebahagian dari kebudayaan Malaysia dan menjadikan Tarian Singa itu sebagai satu acara di dalam Perayaan Hari Kebangsaan". Mengenai hal ini saya harap Yang Berhormat Menteri boleh memberi satu jawapan yang tepat berkenaan sama ada Tarian Singa dapat diiktirafkan sebagai salah satu bahagian kebudayaan Malaysia.

Perkara yang kedua ialah mengenai belia, Maksud B. 26, muka surat 202, atas perkara Latihan Belia. Berhubung dengan perkara belia saya suka menyentuh masalah tentang tindakan Kementerian berkenaan yang akan diambilnya untuk membela nasib beribu-ribu belia yang lepas sekolah yang menganggur yang mungkin menjadi warganegara yang merbahaya kepada negara kita di masa akan datang. Sungguhpun saya sedar bahawa Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan ada merancang program-program seperti

latihan vokasional, teknik, rancangan pertanian, rancangan belia berniaga dan rancangan penaja kecil untuk membantu belia kita mencari pekerjaan, akan tetapi saya suka menarik perhatian Yang Berhormat Menteri yang berkenaan kepada satu aspek yang lain yang serius yang hendak dibincangkan dalam Dewan ini. Perkara yang hendak saya maksudkan ialah berkaitan dengan masalah penyalahgunaan dadah di kalangan belia.

Menurut anggaran yang resmi bilangan belia-belie di antara umur 19 hingga 25 tahun adalah terlibat dalam penyalahgunaan dadah menjadi lebih kurang 150 orang dan apabila kita meneliti anggaran yang tidak begitu resmi boleh dikatakan bahawa bilangan ini adalah lebih besar lagi. Saya menyeru Kementerian supaya melancarkan satu perang secara besar-besaran terhadap penyalahgunaan dadah ini di kalangan belia-belie. Saya berpendapat Kementerian patutlah mengambil inisiatif untuk memerangi masalah ini dengan memperolehi bantuan daripada Kementerian dan jabatan atau agensi yang lain ke atas hal ini. Kementerian haruslah menyusun satu rancangan jangka panjang yang bertujuan melibatkan belia-belie terutamanya yang lepas sekolah yang menganggur di dalam aktiviti-aktiviti yang sihat dan membina. Saya juga mengambil kesempatan ini memandangkan Biro Pekerjaan Belia ditubuhkan di Kementerian yang bertujuan untuk mendaftar semua belia-belie yang menganggur memberi mereka latihan-latihan yang perlu untuk melayakkan mereka mendapat pekerjaan.

Akhirnya, saya suka menyentuh mengenai Kepala B. 26, muka surat 202, Aktiviti (4) Sukan (ii) dan (iii) Penggalakkan Sukan dan Kemajuan Sukan. Tuan Pengerusi, pada masa sekarang minat orang ramai di dalam bidang sukan sedang berkembang dan meningkat dengan pesatnya. Sungguhpun begitu akan tetapi saya perhatikan bahawa mutu sukan kita telah merosot dipertandingan antarabangsa seperti badminton, tennis, olahraga dan lain-lain. Ini jelas kelihatan di Sukan SEA yang diadakan di Jakarta baru-baru ini. Hoki, bolasepak dan lumba basikal telah mencapai kejayaan yang begitu cemerlang. Tuan Pengerusi kemerosotan ini disebabkan oleh beberapa faktor. Yang pertamanya, kemudahan-kemudahan sukan adalah sangat kurang di negara kita berbanding dengan kemudahan-kemudahan yang terdapat di negara lain. Peruntukan yang

banyak adalah perlu untuk mengadakan kemudahan-kemudahan sukan yang lebih banyak. Kementerian mestilah membina lebih banyak lagi tempat-tempat berlatih sukan seperti padang-padang sukan, dewan-dewan sukan di tiap-tiap negeri supaya ahli-ahli sukan dapat berlatih di sepanjang tahun. Kompleks sukan yang ada sekarang di Kampung Pandan, Kuala Lumpur adalah tidak mencukupi. Lebih banyak wang mestilah dibelanjakan untuk mengadakan tempat-tempat berlatih sukan ini. Dengan ini kita dapat mengeluarkan banyak ahli-ahli sukan yang bertaraf antarabangsa kerana kejayaan-kejayaan di arena sukan antarabangsa akan menaikkan imej negara kita. Galakan-galakan mestilah diberi kepada ahli-ahli sukan seperti elaun poket yang menasabah kerana peserta-peserta sukan ini bukanlah orang-orang yang berpendapatan besar. Mereka kebanyakan terdiri dari golongan pekerja-pekerja. Dengan adanya elaun yang menasabah dapatlah peserta ini menumpukan sepenuh perhatian mereka semasa latihan dan pertandingan dijalankan. Tambahan pula mereka mewakili negara dan kebanyakan mereka bekerja dengan pihak swasta. Kadang-kadang gaji mereka dipotong oleh majikan kerana hendak mewakili negara dalam pertandingan sukan antarabangsa dengan tujuan mengharumkan nama Malaysia di arena sukan antarabangsa maka elaun pokok mestilah dibayar dan seimbang dengan jumlahnya dengan apa yang dipotong daripada gaji oleh majikan mereka. Bantuan sosio-ekonomi mestilah diberi kepada ahli-ahli sukan seperti di dalam hal Encik Subramaniam, seorang pelumba jalan kaki yang handal di Asia pada masa sekarang. Beliau adalah seorang pekerja bergaji rendah yang tinggal pula di sebuah rumah haram di Sentul dan beliau ada mempunyai isteri dan anak-anak yang ramai. Oleh kerana semangat beliau yang gigih untuk mengharumkan nama negara kita beliau tiap-tiap hari berlatih hingga tidak peduli hal ehwal rumah tangga beliau. Tidakkah boleh Kementerian memberi bantuan sosio-ekonomi kepada beliau supaya masalah kewangan dan tempat kediaman tidak timbul lagi. Bagaimana hendak memakan makanan yang berzat sekiranya gajinya adalah rendah. Dengan ini saya suka mencadangkan bahawa Kementerian mestilah memperuntukkan bantuan kewangan untuk ahli-ahli sukan seperti Encik

Subramaniam dan juga kepada semua ahli-ahli sukan kita yang berpendapatan rendah yang mewakili negara di peringkat antara-bangsa.

Alat-alat sukan yang digunakan oleh ahli-ahli sukan kita kebanyakannya sudah ketinggalan zaman, fesyen lama dan tidak setanding dengan alat-alat yang digunakan oleh ahli-ahli sukan negara lain. Misalnya basikal yang digunakan oleh pelumba-pelumba basikal kita adalah jenis murah dan tidak mencukupi bilangannya sekiranya dibandingkan dengan basikal-basikal yang digunakan oleh pelumba-pelumba basikal daripada negeri Jepun, Korea, Filipina dan Thailand. Peruntukan wang untuk sukan hendaklah ditambah lagi supaya basikal-basikal jenis baik boleh dibeli. Walau bagaimanapun, Kejohanan Lumba Basikal Asia baru-baru ini di Kuala Lumpur, pelumba-pelumba basikal yang kebanyakannya hampir 90% adalah pekerja-pekerja sebagai buruh dengan menggunakan basikal yang bermutu rendah telah dapat kejayaan yang cemerlang dengan merangkul dua buah pingat emas, satu buah pingat perak dan satu buah pingat gangsa. Ini dengan jelasnya membuktikan bahawa peruntukan peralatan sukan mestilah ditambah lagi.

Bagi ahli-ahli sukan yang masih di bangku sekolah yang mempunyai bakat dan untuk mewakili negara Kementerian mestilah menggalakkan peruntukan biasiswa dan bantuan persekolahan supaya mereka sentiasa melatih untuk mewakili negara dan tidaklah terganggu dalam pelajaran mereka. Dengan ini mereka boleh menumpukan sepenuh masa dalam arena sukan di samping menumpukan sepenuh hati kepada pelajaran mereka di sekolah. Biasiswa hendaklah dikeluarkan oleh Yayasan Sukan kita dan diberi kepada penuntut-penuntut yang mewakili negara di sukan antarabangsa. Ini dapat menggalakkan penuntut-penuntut menumpukan perhatian sepenuhnya semasa berlatih dengan tidak bimbang soal persekolahan mereka. Ini sebagai satu contoh, olahragawan kita hampir semua terdiri daripada pelajar-pelajar. Kerajaan mestilah memperuntukan yang lebih untuk melatih lebih banyak lagi jurulatih (trainers) bagi tiap-tiap jenis sukan. Pada masa sekarang kita sangat kekurangan jurulatih sukan. Saya berharap Yang Berhormat Menteri akan memberi pertimbangan kepada syor-syor saya ini dan bahawa beliau boleh memberi satu jawapan yang memuaskan.

Tuan Pengerusi: Oleh kerana masa ada 15 minit untuk memberi peluang kepada Yang Berhormat Menteri menjawab, maka saya beri peluang kepada seorang sahaja lagi atau selebih-lebihnya dua orang Yang Berhormat supaya membolehkan beliau menjawab pada 5.15 petang.

Sekarang saya jemput Yang Berhormat dari Pasir Putih.

4.59 ptg.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad (Pasir Putih): Tuan Pengerusi, saya akan bercakap dalam P. 26 Aktiviti (4) Sukan, (ii) Penggalakan Sukan dan Riadah. Peruntukan yang diberi ini sebanyak \$220,000 agak sedikit bagi menjalankan cadangan-cadangan yang saya berikan ini bagi menggalakkan sukan-sukan atau meninggikan mutu sukan.

Kementerian ini menubuhkan aktiviti sukan dengan tujuan menggalakkan pembangunan dan kemajuan sukan antara rakyat berbilang kaum, lebih-lebih lagi di dalam menggalakkan satu-satu jenis sukan kepada semua kaum akan dapat menciptakan satu identiti kebangsaan. Apakah matlamat dan tujuan itu telah dicapai atau kejayaan awal untuk mencapai ke matlamat tersebut telah terbayang. Inilah yang perlu diperhatikan dan ditinjau serta diteliti sedalam-dalamnya sejauh manakah telah tercapai kerana sekarang ini masih lagi kedapatan pengasingan permainan dalam permainan yang disukainya di antara kaum masing-masing. Misalnya orang Cina kepada basketball ataupun pingpongnya, orang Melayu dengan sepak raga jaringnya dan orang India saya tidak tahu—mungkin dengan silap matanya ataupun apa. Walau bagaimanapun kita telah kedapatan permainan bola, badminton dan lain-lain permainan dimainkan oleh berbilang kaum tetapi penyatuan berbilang kaum ini terdapat di pasukan peringkat kebangsaan sahaja, peringkat bawahan masih lagi kedapatan kelompok-kelompok kaum mempermainkan permainan mengikut kesukaan masing-masing dalam pasukan atau kelompok masing-masing kaum tanpa sebarang dorongan atau galakan yang boleh membimbing anak-anak kita ke arah perpaduan melalui aktiviti sukan semenjak dalam masa mereka masih kecil ataupun masih rebung lagi.

Begitulah juga kemerosotan ahli-ahli sukan negara kita yang kian hari kian merosot mutunya yang telah diperkatakan beberapa kali

dalam Dewan yang mulia ini. Biar pun pihak tertentu telah menafikan mutu sukan negara kita merosot atau biar apa hujah atau pendapat yang diberi mutu sukan negara kita adalah tidak dapat mengatasi negara-negara lain baik di peringkat antarabangsa mahupun di peringkat Asia ini sendiri. Oleh itu saya cuba mencadangkan supaya pihak Kerajaan mengadakan latihan pembentukan ahli-ahli sukan negara yang bersistem untuk menarik minat anak-anak kita juga menarik minat ibubapa dan menarik minat masyarakat untuk membenarkan anak-anak mereka menceburi diri dalam lapangan sukan yang sebenarnya kerana selama ini tidak pun ada keistimewaan yang dapat dirasai atau diterima oleh anak-anak kita yang berminat di dalam sukan kerana keistimewaan yang ada kepada anak-anak kita semata-mata terletak kepada akademiknya sahaja. Seorang anak yang baik dalam akademiknya itu akan mendapat biasiswa, seterusnya ke sekolah menengah asrama penuh dan berakhir dengan mendapat ijazah universiti atau mendapat jawatan yang baik-baik. Tetapi sebaliknya apakah yang didapati atau dirasai oleh anak-anak yang berminat dalam sukan? Jawabnya ialah kerugian semata-mata, terpaksa meninggalkan bilik darjah kerana menyertai pasukan sukan atau ketika mendapat kecederaan akibatnya gagal dan tidak mendapat peringkat akademik yang baik.

Kita tahu kesempurnaan hidup seseorang itu di dalam masyarakat bukanlah terletak kepada akademiknya sahaja tetapi juga terletak kepada aktiviti manusia yang wujud di dalam masyarakat itu. Oleh itu untuk mengubah sikap ibubapa termasuk saya sendiri dan masyarakat seluruhnya kepada aktiviti-aktiviti sukan ini dan juga untuk melaksanakan latihan pembentukan ahli-ahli sukan negara yang bersistematik seperti yang saya sebutkan tadi, maka saya mengesyorkan supaya menubuhkan sebuah maktab akademik sukan yang mungkin boleh dinamakan Maktab Sukan Negara yang berasrama penuh yang merupai taraf dan bentuk Maktab Tentera Di Raja (RMC). Inilah yang saya mengatakan peruntukan yang ada ini tidak mencukupi dan perlu diberi tambahan kerana di maktab ini jugalah akan ditempatkan institut sukan bagi menjalankan penyelidikan sukan dan segala aktiviti sukan. Maktab Sukan Negara ini akan memberi tempat kepada anak-anak kita daripada berbilang kaum yang berminat di dalam sukan walaupun kurang pencapaiannya di dalam akademik.

Maktab ini boleh mengambil pelajar masuk ke Tingkatan Satu dan ke Tingkatan Empat bagi mempelajari akademik biasa di samping menjalankan latihan pembentukan sukan dalam berbagai-bagai jenis sukan yang diminatinya.

Selain daripada itu, anak-anak yang berminat dalam sukan ini juga sepatutnya diberi pertimbangan atau diberi point-point istimewa ataupun extra point untuk mendapat biasiswa. Point-point istimewa itu juga diberi kepada mereka untuk mencapai tempat di universiti seferusnya bagi mendapat jawatan-jawatan yang tertentu ataupun mungkin pihak Kementerian ini boleh mengadakan biasiswa-biasiswanya sendiri bagi memberi biasiswa kepada anak-anak kita yang berkecenderungan di dalam bahagian sukan untuk menyambung akademiknya. Dengan cara ini bolehlah menarik minat anak-anak kita ke arah sukan dan mengubah sikap ibubapa dan masyarakat supaya berminat kepada sukan yang sama darjah atau sama tarafnya sikap mereka itu kepada sikap terhadap pelajaran akademik. Oleh itu mata pelajaran akademik latihan pembentukan ahli sukan negara yang bersistem dengan melalui Maktab Sukan Negara itu semoga akan memberi tempat yang sewajarnya kepada anak-anak kita dari berbilang kaum yang berminat dalam sukan selama ini akan dapat perhatian dan dihargai oleh pihak Kerajaan.

Selepas itu saya cuba menyentuhkan kepada butiran yang sama Aktiviti (2)—Kebudayaan. Tujuan membentuk, memelihara dan memperkukuhkan satu kebudayaan kebangsaan yang mempunyai satu identiti yang boleh diterima oleh masyarakat. Walaupun Yunit Pembangunan dan Penggalakan Kebudayaan terus menjalankan usahanya memperbaiki dan memperkembangkan unsur-unsur kebudayaan dan kesenian yang sesuai untuk dijadikan satu identiti kebangsaan di samping memelihara semua aspek kebudayaan dan kesenian yang wujud tetapi sekarang ini kita masih samar-samar lagi tentang kebudayaan nasional kita ini kerana masing-masing kaum menonjolkan kesenian atau kebudayaan masing-masing supaya diakui sebagai kebudayaan nasional. Oleh itu samar-samar ini menjadikan kebudayaan nasional ini sebagai dalca. Kalau dalam hidangan atau makanan dalca ini merupakan hidangan yang ketiga atau keempat. Oleh itu kita tidak mahu lagi kedudukan kebudayaan seperti ini yang masih samar-samar yang

tidak akan mewujudkan identiti bangsa dan negara yang sebenarnya. Jadi saya berharap Kementerian ini atau Majlis Penasihat Kebudayaan juga Majlis Kebudayaan yang telahpun wujud walaupun parti DAP tidak mengetahui tentang wujudnya majlis ini berharap akan membuat ketetapan dan juga memberi ketegasan tentang kebudayaan-kebudayaan kebangsaan atau kebudayaan nasional yang berteraskan kebudayaan Melayu yang dapat diterima oleh semua kaum sebagaimana yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar bahawa Tarian Singa dan Silat Kung Fu ini hendak dijadikan sebagai satu kebudayaan nasional maka saya rasa kebudayaan yang ditonjolkan ini tidak diterima oleh masyarakat Melayu dan tidak akan berteraskan kebudayaan Melayu dan ini akan merupakan satu tarian kebudayaan dan adat istiadat bangsa itu sahaja yang mungkin tidak boleh diterima oleh bangsa lain.

Begitu juga di dalam kebudayaan Melayu terdapat beberapa ciri-ciri kebudayaan Cina dan juga kebudayaan India yang kita akui bahawa tidak ada suatu kebudayaan Melayu yang asli yang lahir dalam negara ini. Tetapi dengan ciri-ciri kelahiran inilah yang boleh kita anggapkan kebudayaan itu boleh diterima oleh rakyat majoriti di negara ini dan itulah kita menganggap kebudayaan Melayu ini sebagai teras kebudayaan dan bolehlah diterima walaupun ditentang oleh DAP, anggapkanlah tentangan itu sebagai anjing yang menyalak bukit kerana ini adalah merupakan satu ketetapan dan unsur-unsur Islam yang lahir dalam kebudayaan itu merupai ciri-ciri pertimbangan Majlis Penasihat Kebangsaan dan juga merupakan pertimbangan bagi Majlis Kebudayaan di dalam menentukan kebudayaan nasional.

Tuan Pengerusi: Masa sudah cukup. Saya jemput sekarang ini Yang Berhormat Menteri menjawab.

5.10 ptg.

Datuk Abdul Samad bin Idris: Tuan Pengerusi, saya terlebih dahulu mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih atas pandangan Ahli-ahli Yang Berhormat terutama sekali yang berkaitan dengan kebudayaan, belia dan sukan yang di bawah tanggungjawab Kementerian ini.

Memang saya akui secara umum banyak soal-soal yang ditimbulkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat itu adalah tepat dan benar tetapi dalam pada itu ada juga perkara-perkara yang sengaja direka-reka ataupun satu perkara yang mereka tidak tahu apa yang dicakapkan seperti yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat dari Kota Melaka tadi.

Soal kebudayaan ini adalah soal yang sangat menarik kepada orang kita setelah kita mencapai kemerdekaan. Jadi soal kebudayaan kebangsaan ini sudahpun diputuskan dasarnya dan diterima oleh Kerajaan dalam satu Kongres pada tahun 1971 iaitu saya ulangi balik walaupun telah berkali-kali diulangi, agak jemu juga saya bercakap, tetapi biarlah saya katakan bahawa dasar kebudayaan kebangsaan telah jelas. Yang pertama, dasar kebudayaan kebangsaan itu mestilah berteraskan kebudayaan rakyat asal rantau ini. Rantau ini maksudnya ialah yang disebutkan Gugusan Pulau-pulau Melayu ataupun dikatakan sekarang ini Nusantara kerana dalam sejarah dan Ilmu Alam negara Nusantara ini terletak dalam satu daerah yang amat luas atau satu rantau yang amat luas daripada Lautan Hindi hingga sampai ke Lautan Pacific atau Lautan Teduh. Itu adalah rantau negara-negara yang disebutkan Gugusan Pulau-pulau Melayu atau Nusantara itu.

Jadi segala dasar yang berhubung dengan kebudayaan ini adalah lahir daripada bumi dan tumbuh di atas bumi negara yang saya sebutkan itu. Maka ia dengan sendirinya adalah menjadi dasar atau teras kebudayaan bagi rantau ini termasuklah Malaysia sebagai sebuah negara yang terlingkung dalam kumpulan Gugusan Pulau-pulau Melayu ini yang disebut Nusantara.

Dasar yang kedua iaitu unsur-unsur kebudayaan asing yang wajar dan sesuai boleh diterima sebagai satu unsur kebudayaan nasional. Jadi unsur-unsur kebudayaan asing ini ialah yang diimpot daripada luar negeri, yang datang daripada luar negeri yang tidak termasuk dalam lingkungan kawasan yang saya nyatakan tadi. Maka ia adalah dianggap sebagai kebudayaan asing walaupun ia diamalkan oleh sebahagian daripada rakyat negara ini yang

telah datang nenek moyang yang datang ke-negara ini dan mengamalkan kebudayaan itu, maka ia adalah dianggap sebagai kebudayaan asing yang tidak boleh secara automatik menjadi kebudayaan nasional.

Dalam hubungan ini Kerajaan telah berfikir panjang dan telah membentuk sebuah Jawatankuasa Kebangsaan berkenaan dengan kebudayaan yang dianggotai oleh pakar-pakar kebudayaan semua kaum, orang Cina, orang India dan orang Melayu dan telahpun mengadakan perbincangan-perbincangan dan telahpun merumuskan kali yang pertama dan rumusan ini telah diterima pada dasarnya oleh Kerajaan. Jadi semuanya itu dibincang, dikaji di manakah kebudayaan-kebudayaan asing itu yang sesuai, yang boleh diterima menjadi salah satu daripada unsur kebudayaan nasional.

Kebudayaan ini memang tidak boleh dipaksakan, tidak ada dalam Undang-undang, dalam Perlembagaan negara ini dan memang tidak wajar sama sekali kebudayaan itu dipaksakan kepada orang lain menerimanya. Kalau kita kecilkan perkara itu sebagai satu contoh, misalnya kita tidak sesuai makan satu benda yang kita tidak sukai, dipaksakan juga makan, kita tidak akan menerima, selera dan tekak tidak menerima.

Yang demikian saya menyokong pandangan Yang Berhormat dari Kota Melaka yang mengatakan kebudayaan Melayu itu memang telah banyak dipengaruhi oleh unsur-unsur asing. Jadi orang Melayu memang menerima unsur kebudayaan asing ini dengan melalui proses perkembangan keadaan, melalui zaman dan masa yang lama, barulah mereka menerima. Dengan sebab itu memang tidak boleh dipaksakan. Begitu juga halnya dengan kebudayaan nasional ini tidak boleh dipaksakan kepada sesiapa pun.

Kerajaan tidak pernah memaksa supaya satu bangsa itu menerima kebudayaan daripada orang lain dan kita tahu negara kita ini dijajah oleh Inggeris, orang Barat begitu lama dan orang Inggeris yang memerintah negara kita ini walaupun mereka mempunyai kuasa penuh pada waktu itu tidak pernah memaksakan kebudayaan Barat itu diterima oleh rakyat Malaysia. Tetapi hari ini sudah wujud dan boleh dikatakan banyak di antara kebudayaan Barat itu telah diamalkan oleh rakyat Malaysia

sendiri dengan tidak pernah dipaksa dan tidak pernah disuruh malahan mereka itu menerima dengan sesuka hatinya.

Inilah contoh-contoh yang boleh kita ambil sebagai kita hendak melaksanakan unsur-unsur kebudayaan nasional ini.

Tadi Yang Berhormat dari Kota Melaka menyatakan Majlis Penasihat Kebudayaan itu belum wujud, kemudian dikatakan pula telahpun wujud tetapi diletakkan pula di bawah Kementerian Penerangan. Mereka ini sebenarnya, saya percaya Yang Berhormat dari Kota Melaka tidak faham dan tidak tahu tetapi mereka ingin bercakap menunjukkan kemampuan dan kebolehannya bercakap dalam soal kebudayaan ini dan menonjolkan apa yang mereka mahu dan seperti biasa lagu-lagu lama juga ditimbulkan.

Begitu juga Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar yang menyebutkan Tarian Singa. Tarian Singa seperti yang saya katakan tadi adalah satu tarian kebangsaan kebudayaan yang diimport daripada luar, malahan tarian ini usul asalnya daripada negara yang tidak diterima lagi oleh rakyat atau Kerajaan negara itu, telah dihapuskan sama sekali. Jadi ini semua terserah kepada mereka, kepada keadaan, masa, waktu wujudnya perkara itu dalam satu negara itu. Tarian Singa, saya katakan tadi adalah tarian yang diimport dari luar negeri dan ia tidak boleh dijadikan satu unsur kebudayaan melainkan jika dibincang, ditimbang oleh Majlis Penasihat Kebangsaan berkenaan dengan Kebudayaan ini. Sama ada ia boleh diterima atau tidak, ini terserah kepada masyarakat umum dan waktu-waktu, masa-masa dan generasi kita akan datang yang akan menentukannya.

Jadi soal ini saya harap pihak DAP atau wakil-wakil yang lain janganlah menimbulkan unsur-unsur kebudayaan ini, menonjol-nonjolkan satu perkara yang sekarang ini negara kita menghormati apa juga kebudayaan kaum-kaum lain dengan tidak pernah dihalang, tidak pernah diambil satu tindakan dan tidak pernah diadakan satu undang-undang memaksa, menyekat perkembangannya, tidak pernah berlaku. Malahan beberapa hari lagi saya dengar Kongres Kebudayaan Tionghua akan diadakan, Kerajaan tidak melarang, mereka boleh buat sesuka hati asalkan tidak melanggar peraturan dan undang-undang negara ini. Jadi kenapa mereka harus bising-bising lagi dalam soal

ini, ditimbul-timbulkan. Kalau mereka menimbulkan soal demikian dan bising-bising boleh membangkitkan perasaan orang lain maka ini satu perkara yang agak sensitif yang boleh membawa satu keadaan yang tegang dalam negara ini, satu keadaan yang tidak diinginkan oleh semua orang. Tetapi sebaliknya mereka tidak begitu.

Saya suka menyatakan ini memang dasar DAP dalam perkara ini sejak dahulu, dan saya boleh bacakan satu perbahasan yang telah diadakan oleh Lim Kit Siang dengan Syed Najib sembilan tahun yang lalu. Suka saya bacakan dasar DAP yang menonjolkan, saya katakan tadi tidak sudah-sudah. Saya quote, Tuan Pengerusi:

“Lim Kit Siang berkata: Saya yakin yang orang-orang Melayu tidak mahu sebuah Malaysia orang Cina atau sebuah Malaysia orang India, atau satu kebudayaan Malaysia yang berasaskan bahasa Cina atau India. Begitu juga orang-orang bukan Melayu tidak mahu kepada kebudayaan yang khusus yang berasaskan kebudayaan orang-orang Melayu.”

Jadi sudah jelas dasar DAP sejak dahulu menimbulkan soal ini. Saya harap soal-soal kebudayaan ini yang sensitif sifatnya jangan ditimbulkan lagi baik di rapat umum atau di mana-mana.

Kerajaan adalah bersikap adil dan cukup wajar dalam hal ini. Kalau untuk membandingkan soal adil atau tidak adil Kerajaan Malaysia kita hari ini, boleh kita lihat, kita tinjau negara-negara jiran kita di Asia ini; bagaimana negara-negara itu melayan kebudayaan-kebudayaan asing dalam negara itu sendiri, baru kita tahu bagaimana keadaan dan Kerajaan kita ini wajar, adil atau tidaknya dan melayan begitu baiknya.

Dalam pada itu mereka tidak juga puas hati, menimbulkan juga soal ini yang boleh merosakkan nama baik Kerajaan kita dan melahirkan perasaan tegang di antara kaum. Ini tidak ada faedahnya sama sekali, padahal kalaulah Kerajaan barangkali menyekat perkembangannya, menahan, Tarian Singa tidak dibenarkan diadakan; barangkali ini boleh menimbulkan perasaan tidak puas hati di kalangan orang Cina. Tetapi pernahkah Kerajaan melarang, pernahkah Kerajaan mengadakan satu undang-undang melarang tumbuh dan berkembangnya tarian itu?

Tak pernah Kerajaan buat, tak pernah Kerajaan larang sama sekali. Jadi, apakah yang dirisaukan dan dibisingkan soal ini?

Kalau hal seumpama ini ditimbul-timbulkan juga, saya bimbang, Tuan Pengerusi, keadaan ketegangan antara kaum bukan semakin jauh atau bukan semakin hilang tetapi akan menimbulkan, kalau dahulu parut telah ada akan boleh berdarah kembali. Saya harap pemimpin-pemimpin DAP utamanya janganlah timbul-timbulkan soal-soal ini atau menonjol-nonjolkan yang boleh merosakkan fikiran dan menyinggung perasaan kaum yang lain, kerana Kerajaan tak pernah mengadakan satu undang-undang, melarang—saya ulang sekali lagi—melarang apa sahaja kegiatan kebudayaan orang-orang Cina dalam negara ini. Apa yang orang Cina tak boleh buat, apa yang orang Cina tak boleh jalankan dalam negara ini berhubung dengan kebudayaan, cuba sebutkan? Tidak ada satupun.

Kalau demikian murahnya Kerajaan, masih mereka lagi tak puas hati mengatakan, menonjol-nonjolkan perkara yang demikian, bagaimanakah keadaan, bagaimanakah perasaan orang Melayu terhadap perkara ini? Saya harap pemimpin-pemimpin yang bertanggungjawab supaya dapat menjadikan isu ini jangan sampai menimbulkan, menyinggung perasaan yang boleh membuahkan sesuatu ketegangan antara kaum. Ini saya sukalah menyatakan perkara ini supaya tidak lagi ditimbul-timbulkan dalam Dewan ini atau di mana-mana juga, kecuali kalau Kerajaan bertindak menyekat perkembangannya atau mengadakan undang-undang. Itu bolehlah.

Sekarang ini Kerajaan tak buat undang-undang melarang. Tidak ada satupun tak dilarang. Jadi harus difikirkan untuk membandingkan perkara ini—saya ulang balik—untuk perbandingan lihat sahaja negara jiran kita dalam ASEAN macam mana mereka melayan kebudayaan Cina dalam negara itu sendiri atau kebudayaan asing dalam negara itu sendiri bandingkan dengan keadaan di Malaysia ini. Jadi hal inilah, Tuan Pengerusi, saya suka sekali lagi mengulang hal ini jangan sampai menimbulkan ketegangan di antara kaum di dalam negara ini.

Berhubung dengan belia, Tuan Pengerusi, saya mengalu-alukan pandangan daripada Ahli-ahli Yang Berhormat baik daripada

Dungun, Tumpat, Tanah Merah, Telok Anson, Kuala Lumpur Bandar dan juga Pasir Puteh bahawa memanglah kegiatan belia dalam negara kita ini, saya harap dapat dimaklumi oleh Ahli Yang Berhormat sekalian bahawa kegiatan belia di tanahair kita ini, Kementerian saya hanya sebagai satu sampingan, bukan dipertanggungjawabkan keseluruhannya kerana boleh dikatakan banyak agensi Kerajaan, Kementerian-kementerian dan Kerajaan-kerajaan Negeri bertanggungjawab sama.

Kalau dalam bidang pertanian, misalnya, Kementerian Pertanianlah, yang bertanggungjawab penuh dalam soal pembangunan pertanian dan kemajuan pertanian, baik meliputi petani-petani tua ataupun petani-petani muda. Bila disebut muda sekarang termasuklah belia.

Begitu jugalah soal nelayan memang sudah masuk dalam projek belia peladang ini dan Kementerian saya seperti saya katakan hanya sampingan, sebagai penambah dan penokok kepada yang kurang. Jadi bukanlah tanggungjawab Kementerian saya dengan sepenuhnya berkenaan dengan kegiatan belia peladang, belia peniaga dan sebagainya.

Belia peniaga juga tanggungjawab Kementerian yang lain seperti MARA, Kerajaan-kerajaan Negeri, termasuk FELDA, FELCRA dan berbagai agensi Kerajaan yang lain lagi. Jadi atas pandangan Ahli-ahli Yang Berhormat mengenai dengan kegiatan belia, Ahli Yang Berhormat dari Telok Anson menyebut pertumbuhan belia yang bercorak perkauman memang masih wujud.

Sekarang ini Kementerian sedang berusaha untuk merapatkan jurang ini. Kalau dahulu belia-belie Cina dan belia-belie India tidak mahu bergabung ataupun tidak mahu menjadi ahli dalam pertumbuhan yang pemimpin-pemimpinnya belia Melayu tetapi hari ini banyak di antara mereka sudah masuk dan Kerajaan sendiri telah menggalakkan pertumbuhan sebuah badan belia orang Cina yang dinamakan Gerakan Belia Bersatu (GBB) dan ahli-ahlinya telahpun banyak dalam pada itu kita rapatkan pertumbuhan ini dengan membentuk satu Majlis Belia Daerah-daerah, menghubungkan semua sekali badan belia dalam daerah itu. Jadi agak sukar juga pada hari ini kita hendak meluluskan satu dasar yang semua sekali belia-belie bercampur-gaul; masih belum dapat diterima oleh mereka. **Sebab** dalam kampung-kampung Melayu

yang tidak ada belia-belie Cina hari ini memang tak dapat walaupun ada satu dua orang Cina, beberapa buah kedai Cina di tempat itu, anak-anaknya memang boleh bercampur setiap hari tetapi untuk menjadi ahli dalam pertumbuhan belia itu kadang-kadang adalah sukar sedikit.

Begitu juga orang Cina yang duduk dalam kampung-kampung Baru boleh dikatakan tak ada pemuda-pemuda Melayu di situ, mereka telah menubuhkan Gerakan Belia Bersatu itu, memang susah bagi anak-anak Melayu yang berhampiran mereka tidak dapat hendak bercampur. Jadi kerana itu dasar Kerajaan sekarang ini setiap daerah ada Majlis Belia Daerah. Jadi semua sekali pertumbuhan-pertumbuhan itu bergabung dalam Majlis Belia Daerah termasuklah belia-belie Cina, India dan Melayu di dalamnya. Jadi di situlah kita serapkan ataupun kita akan adakan pertukaran-pertukaran belia, projek-projek belia, permainan sukan dan sebagainya. Maka dengan harapan itu mereka akan dapat melupakan perasaan perkauman yang yang begitu tebal dahulunya yang sekarang ini telah hampir hilang.

Begitu juga pertumbuhan belia hari ini memang Kerajaan tidak mendaftarkan sebarang pertumbuhan belia yang bercorak perkauman, kecuali yang bercorak ugama.

Misalnya, sekarang ini walaupun GBB itu keseluruhannya dianggotai oleh orang-orang Cina tetapi dalam perlembagaannya adalah diluaskan ahli-ahlinya terbuka kepada semua kaum. Begitu juga 4B dibuka kepada semua kaum, begitu juga MAYC dibuka kepada semua kaum dan tidak dihadkan. Jadi, tidak akan didaftarkan lagi sebuah pertumbuhan belia yang bercorak tidak menerima kaum-kaum yang lain. Bagi kita ini memang sukar sedikit untuk mengatasi masalah ini dengan serta merta melainkan ianya melalui dasar pelajaran kita hari ini yang anak-anak kita daripada kecil dapat bergaul bersama-sama dalam sebuah sekolah, dalam satu bumbung sekolah dan dengan harapan ini mereka akan melupakan perasaan perkauman itu cara beransur-ansur. Saya yakin dalam dua generasi akan datang keadaan ini akan dapat kita lihat satu kemajuan, dengan syarat tidak ada lagi ditonjol-tonjolkan ataupun dikipas-kipas perasaan perkauman itu seperti yang telah dianjurkan oleh DAP hari ini kerana kementerian mereka itu bergantung kepada perasaan perkaumannya.

Berhubung dengan sukan, Tuan Pengerusi, saya memang mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian yang memberikan pandangan begitu jitu dan jelas dan memang saya akui dan Kerajaan masih mengakui iaitu kemudahan-kemudahan sukan masih belum ada dan belum cukup dalam negara kita ini. Jadi, hal ini tak boleh kita salahkan sesiapa kerana Kerajaan dahulu ketika kita mencapai kemerdekaan, soal-soal berhubung dengan pembangunan luar bandar dan pembangunan bandar juga sekarang ini berjalan dengan lancar, Kerajaan terpaksa menumpukan wang yang lebih banyak dan melaburkan wang yang lebih besar kepada pembangunan ini. Jadi soal sukan ini adalah boleh dikatakan soal yang diketepikan pada waktu itu.

Di dalam Kerajaan menyediakan Rancangan Malaysia Ketiga dahulu dalam tahun 1973 dan 1974 di waktu inflasi sedang meningkat tinggi, jadi soal-soal yang berhubung dengan kemajuan projek yang tidak ekonomik, waktu itu Allahyarham Tun Abdul Razak menjadi Perdana Menteri telah mengarahkan supaya projek-projek yang tidak ekonomik diketepikan. Jadi berdasarkan itulah satu daripada projek yang besar berkenaan dengan mendirikan Panggung Negara telah diketepikan dan Instituit Sukan Negara juga terpaksa diketepikan. Jadi hari ini bila Kerajaan mengkaji semula dalam Rancangan Malaysia Ketiga seperti yang telah kita luluskan dalam Parlimen tahun sudah, maka projek Kompleks Kebudayaan Negara ini telahpun dimasukkan, Instituit Sukan juga telahpun dimasukkan dan begitu juga seperti Ahli Yang Berhormat dari Tanah Merah sebutkan tadi, Pusat Latihan Belia di Pantai Timur juga akan dilancarkan. Jadi, saya rasa memanglah satu yang sangat baik Pusat Latihan Belia patut diadakan di tiap-tiap negeri.

Begitu juga kemudahan sukan yang besar patut diadakan di tiap-tiap negeri dan daerah dan begitu juga yang lain-lain, tetapi dalam mempraktikkan ini memang sukar sedikit. Katalah, kita hendak mengadakan satu Pusat Latihan Belia yang menjadi masalah hari ini jurulatih-jurulatih yang mahir amat sukar kita dapati, tetapi walau bagaimanapun Pusat Latihan Belia untuk Pantai Timur sedang dalam proses penyelenggaraan hari ini dan ia akan didirikan di negeri Trengganu dan Kerajaan Negeri Trengganu telahpun mengurniakan sekeping tanah yang baik

untuk mendirikan Pusat Latihan Belia bagi Pantai Timur. Walau bagaimanapun, di negeri Kelantan akan diadakan bengkel mekanik yang khusus akan dibuka di negeri Kelantan. Urusan mengenai perkara ini sedangpun berjalan dengan lancar sekarang ini.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

Begitu juga Panggung Negara yang disebut oleh Yang Berhormat dari Tumpat, memang Kerajaan dan Kementerian saya sedang berusaha dan peruntukan wang telah pun diuntukkan walaupun tahun ini \$500,000 memang tidak dapat dibelanjakan lagi dan peruntukan yang lebih itu akan diuntukkan oleh Kerajaan dan memang dalam hubungan ini soal-soal unsur-unsur kebudayaan nasional itu memang kita titikberatkan. Kerana itu pelan yang asal itu terpaksa dibatalkan dan digantikan dengan satu pelan yang baharu yang sedang disediakan oleh satu consultant kita dalam hal ini dan lanjutan daripada kerja-kerja yang sedang diselenggarakan dengan pesatnya sekarang insya Allah diharapkan akan dapat didirikan tahun depan.

Begitu juga Institut Sukan seperti Yang Berhormat dari Pasir Puteh menyebutkan tadi, Memang hal ini kita telahpun membincangkan dengan Kementerian Pelajaran supaya dalam sesuatu sekolah yang berasrama penuh dapat dilahirkan di situ, kita ambil pelajar-pelajar dari mereka yang berbakat dalam satu-satu bidang sukan. Ini memang telah diamalkan oleh negara-negara yang telah maju, negara-negara yang telah baik ekonominya seperti Germany, Europe, Negeri Jepun malahan di Indonesia sendiri pun telah melaksanakan ini. Tetapi dalam Institut Sukan yang akan dijalankan ini, saya berterima kasih atas pandangan itu dan saya akan mengambil perhatian supaya dapat diadakan satu sekolah khusus mengenainya. Hal ini memang satu hal yang sangat baik kerana bakat-bakat sukan itu mestilah dilahirkan daripada kanak-kanak sekolah lagi, tidak daripada orang dewasa atau sudah berumur dua puluh tahun ke atas.

Dalam hubungan ini juga dalam meninggikan mutu sukan negara kita, Kerajaan tidak mengabaikan lagi kerana dalam tahun ini dan tahun akan datang Kerajaan telah memperuntukkan wang sebanyak \$7 juta bagi membina kemudahan-kemudahan sukan di

bandar-bandar kecil. Usaha sedang berjalan sekarang ini dan peruntukan tambahan Kerajaan beri lagi kalau sekiranya keadaan itu difikirkan baik dan saya mengatakan memang satu hal yang sangat baik dan sekarang sedang berjalan dengan teratur.

Tuan Pengerusi, saya fikir tidak usahlah saya bercakap panjang dalam hal ini, saya tidak bercadang hendak mengulas satu persatu daripada Ahli-ahli Yang Berhormat itu. Cuma saya mengucapkan terima kasih kepada tujuh orang Ahli Yang Berhormat yang sempat bercakap pada petang ini dan insya Allah perkara-perkara yang ditimbulkan itu akan diambil perhatian dan akan cuba dilaksanakan seboleh-bolehnya.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$26,466,500 untuk Maksud B. 26 dan \$2,284,800 untuk Maksud B. 27 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual; dan wang sebanyak \$17,307,396 untuk Maksud P. 26 dan \$1,674,110 untuk Maksud P. 27 disetujui jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan, 1980.

Tuan Pengerusi: Sekarang saya jemput Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Pertahanan mengemukakan perbelanjaan di bawah Kementeriannya.

Maksud B. 28 (Jadual)

Maksud P. 28 (Anggaran Pembangunan, 1980)

5.35 ptg.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pertahanan (Dato Haji Abdul Jalal bin Haji Abu Bakar): Tuan Pengerusi, saya bangun untuk mencadangkan peruntukan bagi Kementerian Pertahanan untuk tahun 1980 yang berjumlah sebanyak \$2.962 billion iaitu \$1,516 billion untuk perbelanjaan pembangunan dan \$1,446 billion bagi perbelanjaan mengurus.

Peruntukan ini adalah 56.69% lebih daripada anggaran perbelanjaan bagi tahun 1979 yang telah dikaji semula dan ini adalah sebagai reaksi Kementerian saya kepada hasrat dan kemahuan rakyat, seperti yang telah disuarakan oleh ramai Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menekankan perkara ini di dalam perbahasan am pada minggu-

minggu yang lalu, mengenai pentingnya pertahanan negara kita diperkuatkan lagi bagi tahun-tahun 80an yang akan datang.

Tuan Pengerusi, keadaan di dalam negara kita telah menunjukkan kestabilan yang telah membolehkan kita mencapai tingkat kemajuan sosial dan ekonomi yang cukup tinggi. Aktiviti kunci-kunci Parti Komunis Malaya telah dapat kita patahkan sehingga mereka kini tidak dapat bergerak dengan berkesan di kawasan-kawasan sempadan bersama Malaysia/Thai. Pada ketika ini mereka mengelakkan diri dari bertempur secara berdepan-depan dengan pasukan keselamatan kita. Operasi-operasi kita bersama dengan negeri Thailand dan gerakan-gerakan persendirian yang telah dilakukan oleh pasukan keselamatan kita di Semenanjung dan di Sarawak telah mencapai kejayaan yang begitu cemerlang dengan terbunuhnya atau tertawannya ramai lagi penganas-penganas komunis. Walaupun demikian kita tidaklah boleh mengundurkan tekanan kita atas penganas komunis ini dan negara kita perlu seterusnya sentiasa berjaga-jaga dan meningkatkan usaha pasukan keselamatan kita.

Di samping langkah-langkah menjalani pergerakan counter-insurgency dan menentang subversion ini, pasukan keselamatan negara ini mesti juga disesuaikan dengan peranan untuk menjaga perairan kita di bawah concept mengawasi 'Exclusive Economic Zone' dan dari pendatang-pendatang haram, apakala peristiwa itu berlaku.

Di dalam menghadapi cabaran-cabaran yang saya sebutkan di atas tadi, matlamat pertahanan negara dan peranan Angkatan Tentera perlu saya jelaskan supaya rakyat tidak berasa ragu-ragu terhadap pendirian Kerajaan. Sebagai asasnya, adalah tujuan kita untuk menghapuskan sama sekali ancaman Parti Komunis Malaya. Untuk tujuan itu kita mestilah menambah bilangan anggota Angkatan Tentera kita supaya dapat memperhebatkan lagi usaha bersama kita dengan negeri Thai dan meningkatkan keupayaan Angkatan Tentera menjalankan framework operasi di Semenanjung ini. Kita juga ingin memberi lebih peluang untuk meningkatkan lagi kecekapan tentera kita dengan menambah masa untuk mereka berlatih luar dari masa operasi dan juga meninggikan kemahiran dalam cara peperangan conventional.

Di samping itu, Kerajaan adalah sentiasa berjaga-jaga terhadap kemungkinan ancaman dari luar dan adalah menjadi misi utama Angkatan Tentera untuk mempertingkatkan persiapan terhadap apa-apa ancaman yang mungkin timbul dari pertukaran keadaan serantau.

Tuan Pengerusi, untuk membolehkan Angkatan Tentera kita memenuhi kedua-dua peranan ini dengan cekap dan berkesan, ianya perlu mempunyai kemampuan seperti berikut:

- (A) Di dalam aktiviti menentang tindakan tentera oleh Parti Komunis Malaya;
 - (i) Perisikan yang cekap;
 - (ii) Kemampuan beroperasi di seluruh negara, daripada segi kepantasan, kecergasan dan kekuatan;
 - (iii) Tenaga dan latihan yang cukup untuk mempertahankan "Superiority", kita;
 - (vi) Peralatan; dan
 - (v) Pengurusan Logistik.
- (B) Di dalam misi mempertahankan kedaulatan negara dari ancaman luar. Selain dari kemampuan yang disebutkan, Angkatan Tentera perlu juga membuat persediaan berikut:
 - (i) Kemampuan memberi amaran cepat (early warning) melalui system surveillance yang menyeluruh;
 - (ii) Kemampuan untuk berjuang di dua medan, iaitu Semenanjung dan Sabah/Sarawak, termasuk secara "conventional";
 - (iii) Kemampuan untuk mempertahankan sistem perhubungan di antara Semenanjung dan Sabah dan Sarawak.

Tuan Pengerusi, dengan lain-lain perkataan Angkatan Tentera perlu memperkukuhkan "Dual Capability" ini seterusnya ke dalam tahun-tahun yang akan datang supaya Kerajaan boleh mempunyai pilihan strategik (strategic options) apabila menghadapi oleh ancaman-ancaman pada satu-satu ketika. Ini bukanlah bermakna bahawa pada ketika ini dan pada masa-masa yang lalu, Angkatan Tentera kita adalah lemah, kurang latihan atau kurang peralatan. Malah Angkatan Tentera memang telah mempunyai se-

bahagian daripada kemampuan-kemampuan yang diperlukan seperti yang telah saya sebutkan di atas tadi, sebagai langkah kita untuk mencapai matlamat berdikari di dalam bidang pertahanan. Apa yang dicadangkan ialah konsolidasi dan peningkatan kemampuan yang sejajar dengan tujuan mendirikan ketahanan negara. Ini akan dilakukan kan secara berperingkat-peringkat.

Peruntukan pembangunan 1980 adalah menggambarkan peningkatan kemampuan ini. Tindakan yang akan diambil di bawah peruntukan pembangunan ini adalah:

- (1) Menambah tenaga di dalam tiap-tiap perkhidmatan tentera.
- (2) Pembelian kereta (termasuk kereta-kereta perisai) bagi meningkatkan kecekapan operasi Tentera Darat;
- (3) Pembelian kapal-kapal laut dan kapal-terbang untuk meningkatkan kecekapan operasi tentera-tentera laut dan udara serta memberi bantuan yang lebih handal kepada operasi Angkatan Darat;
- (4) Pembelian-pembelian senjata, peluru-peluru dan peralatan-peralatan lain untuk semua perkhidmatan bagi kegunaan harian dan juga bagi cadangan kecemasan (emergency reserve);
- (5) Penggantian senjata-senjata dan alat-alat yang ada sebagai meningkatkan sofistikasi Angkatan Tentera.
- (6) Pembinaan-pembinaan yang berbentuk infrastruktur termasuk pembinaan Institusi-institusi latihan dan tempat-tempat kediaman.

Tuan Pengerusi, di samping apa yang telah saya sebutkan di atas tadi, Kementerian Pertahanan juga bercadang untuk memperluaskan dan mempertingkatkan pasukan sukarelawan kita iaitu Pasukan Askar Wataniah supaya Angkatan Tentera kita dapat bantuan dari Pasukan Simpanan yang cekap dan terlatih. Sungguhpun tugas utama pertahanan kita dipertanggungjawabkan kepada Angkatan Tentera, namun peranan rakyat adalah juga penting. Struktur Askar Wataniah ini adalah dibina khas di atas pertimbangan bahawa rakyat boleh menyumbangkan tenaga di dalam pertahanan negara. Ini adalah berbeza daripada konsep 'Perkhidmatan Negara' yang selalu dan telah dilaung-laungkan oleh setengah-setengah ahli politik kita. Pertama; seperti telah ternyata

di beberapa negara lain, national service selalu menimbulkan soal-soal politik, kerana ada sahaja di antara mereka di kalangan rakyat yang tidak suka atau yang tidak mahu dipaksa berlatih memegang senjata. Mengutamakan undang-undang yang mewajibkan "compulsary national service" menjadi bebanan besar kepada pihak polis dan tentera. Kedua, sistem ini adalah tidak berkesan dari segi belanja dan kemampuan memandangkan bahawa anggota-anggota tentera hari ini memerlukan kemahiran yang beraneka jenis yang memerlukan latihan yang intensif dan yang lama dan ia juga tidak sesuai memandangkan bentuk ancaman yang dihadapi oleh negara kita. Oleh sebab itu kita memilih system Askar Wataniah yang berasas kepada kerelaan dan kesanggupan rakyat sendiri untuk berkhidmat. Syukur kita kepada Allah daripada pengalaman kita beberapa tahun yang lalu, beribu-ribu rakyat negara kita telahpun tampil kemuka untuk berkhidmat sebagai Askar Wataniah dengan secara sukarela.

Dengan konsep yang demikian Angkatan Tentera biasa kita, mesti mempunyai sifat profesional. Dari itu Kementerian saya telah juga membuat peruntukan yang lebih besar untuk membolehkan anggota Angkatan Tentera kita mendapatkan latihan di dalam negeri dan juga di luar negara.

Kementerian saya juga adalah memberikan pandangan yang berat terhadap kebijakan anggota-anggota Angkatan Tentera sama ada mereka yang sedang berkhidmat serta keluarga mereka dan juga kepada bekas-bekas Angkatan Tentera serta keluarga mereka, yang telah hilang keupayaan akibat pengorbanan mereka kepada negara. Adalah menjadi tanggungjawab Kerajaan dan negara untuk memastikan bahawa mereka ini dapat menikmati kehidupan biasa. Bagi mereka yang tercedera akibat operasi, Kementerian Pertahanan mempunyai skim pemulihan dan penyerapan dalam perkhidmatan yang lebih ringan yang mampu mereka lakukan.

Di dalam aktiviti kebijakan ini, Kementerian saya juga membuat berbagai-bagai rancangan, termasuk rancangan perumahan, bantuan biasiswa kepada anak-anak anggota tentera dan pemberian pencen kepada mereka yang tidak upaya.

Untuk melaksanakan langkah-langkah pembangunan ini, penambahan pebelanjaan mengurus juga adalah dicadangkan dalam peruntukan tahun 1980. Rengkasnya program Kementerian Pertahanan bagi tahun 1980 bolehlah dipecahkan sebagai berikut:

ANGGARAN PEMBANGUNAN

	\$ Juta
Perumahan	160.00
Pengkalan	150.75
Pusat Latihan dan Perumahan Bagi Bakal Bekas Tentera	2.70
Alat Kelengkapan dan Kapital	1,202.902
Pengangkutan dan Perjalanan	.148
	\$1,516.6 Billion

ANGGARAN BELANJA MENGURUS

	\$ Juta
Personnel Emolument ...	815.0
Perkhidmatan dan Bekalan	547.4
Pemilihan Harta Modal ...	83.9
	\$1,446.3 juta

Tuan Pengerusi, akhir sekali ingin saya sebutkan di sini bahawa perbelanjaan yang dicadangkan di atas adalah merupakan sebahagian daripada rancangan Kementerian saya untuk menjadikan Angkatan Tentera kita sebagai satu angkatan yang seimbang dan berkemampuan serta berdikari untuk menghadapi cabaran kepada keselamatan negara dalam tahun-tahun 80an yang akan datang.

Penambahan perbelanjaan seperti yang telah saya sebutkan tadi adalah merupakan perbelanjaan yang mampu dipikul oleh negara, sesudah menimbangkan perimbangan di antara keperluan pertahanan dan keperluan pembangunan negara amnya.

Saya bersyukur sekali lagi kepada Allah s.w.t. bahawa kekuatan dan kekukuhan ekonomi kita beritanya dan mampu memikul beban ini tanpa menyusahkan rakyat. Seperti Ahli Yang Berhormat semua maklum Kerajaan kita tidak terpaksa menaikkan cukai dalam persidangan pada kali ini.

Tuan Pengerusi, saya mohon mencadangkan supaya wang sebanyak \$1.446 billion di bawah Maksud B. 28 Kementerian Pertahanan dijadikan sebagai sebahagian daripada Jadual Rang Undang-undang ini dan

wang sebanyak \$1,516 billion di bawah Maksud P. 28 Kementerian Pertahanan diluluskan di bawah Anggaran Pembangunan 1980.

Tuan Pengerusi, saya memohon mencadangkan.

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, Anggaran perbelanjaan untuk Maksud B. 28 dan Anggaran Pembangunan untuk Maksud P. 28 di bawah Kementerian Pertahanan sekarang terbuka untuk perbincangan. Yang Berhormat dari Seremban.

5.50 ptg.

Dr Chen Man Hin (Seremban): Tuan Pengerusi, saya ucapkan terima kasih. Saya hendak bercakap sedikit dan memberi pandangan saya di bawah allocation untuk Kementerian Pertahanan.

Tuan Pengerusi, saya hendak menyentuh muka surat 228 dan 229 P. 28, Butiran 8, 9 dan 11. Tadi kita mendengar beliau ada menyatakan bahawa negara kita ada cukup.

Tuan Pengerusi: Siapa beliau itu, Yang Berhormat?

Dr Chen Man Hin: Beliau itu Yang Berhormat

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Setiausaha Parlimen.

Dr Chen Man Hin: Ya. Dia telah berkata bahawa negara kita ada mencukupi wang dan alat-alat untuk menghadapi cabaran-cabaran daripada luar negeri. Tetapi kita mendapat tahu dan mendapat banyak laporan daripada sempadan Kampuchea/Thai di mana terdapat banyak peristiwa yang sangat serius dan terdapat banyak pelarian (refugees) iaitu setengah juta orang telah masuk ke Thailand dan keluar ada lagi askar-askar Vietnam menyerang (push) mungkin barangkali ada lagi 500,000 pelarian masuk ke Kampuchea dan juga mungkin ada perlawanan berlaku di antara dua pihak di sana dan ini barangkali boleh menjadikan satu hal yang besar iaitu berlaku peperangan di dalam negeri Thai. Perkara ini sangat serius. Kita pun tahu bahawa negara kita, Kementerian Pertahanan ada menghantar satu rombongan pergi ke Thailand untuk menyiasat keadaan di sempadan Thailand/Kampuchea. Rombongan

itu terdiri daripada pegawai-pegawai tertinggi (high ranking officers) daripada angkatan pertahanan kita. Sama ada rombongan itu sudah balik atau belum saya pun tidak tetapi saya mendapat keterangan bahawa pihak rombongan itu pergi ke sana. Barangkali rombongan itu apabila balik nanti boleh memberikan satu laporan dan laporan itu boleh beri inspirasi kepada Kementerian Pertahanan untuk mengadakan satu rancangan bagi menghadapi satu cabaran yang serius pada masa akan datang.

Tuan Pengerusi, sungguhpun baharu-baharu ini di United Nations negara-negara ASEAN telah berjaya dengan cemerlang di satu resolusi telah dibuat dan banyak negara-negara lain menyokong resolusi itu ialah memanggil askar-askar asing withdraw daripada Kampuchea. Ini adalah satu kejayaan yang cemerlang dan ini satu kejayaan dalam lapangan diplomasi. Kita terbaca di sini bahawa Kementerian Pertahanan akan membelanjakan pada tahun hadapan berjuta-juta ringgit di dalam tentera laut dan udara. Angkatan tentera akan membelanjakan pada tahun hadapan sebanyak \$1.5 billion kalau dibandingkan dengan tahun 1979 ini ada lebih \$800 juta, angka ini sudah naik 116%. Saya rasa Kerajaan khususnya Kementerian Pertahanan pun tahu, kalau mahu menghadapi satu cabaran yang serius alat-alat peperangan seperti arms, kereta kebal, kapal terbang mestilah ditambah dan dilengkapi. Sungguhpun saya tahu wang ini sangat banyak iaitu \$1.5 billion tetapi untuk pertahanan negara kita, pihak Pembangkang tidak membantah (oppose) demi untuk keselamatan negara kita. Tetapi, sungguhpun ada rancangan untuk menghadapi cabaran yang serius pada masa akan datang di dalam lapangan diplomasi serta alat-alat angkatan tentera tetapi ada satu missing link (gap).

Kita ada contoh apa yang berlaku selepas peperangan Vietnam di mana Vietnam sebuah negara yang kecil dan miskin walaupun dia melawan sebuah negara yang kuat, sebuah kuasa di dunia iaitu Amerika Syarikat bertahun-tahun tetapi akhirnya dia menang. Sungguhpun Amerika Syarikat ada mempunyai wang yang banyak, berbilion ringgit dicurahkan kepada Vietnam untuk menawan askar-askar Vietnam tetapi akhirnya Amerika Syarikat tidak menang, yang menang ialah askar Vietnam. Apa sebabnya,

Tuan Pengerusi, askar-askar Vietnam bukannya banyak mempunyai alat senjata (arms) dan lain-lain tetapi ialah dia ada mempunyai satu strategi.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat boleh tumpukan sedikit kepada butir perbelanjaan kerana kita ini dalam Jawatankuasa. Ucapan Yang Berhormat baharu ini sesuai untuk masa membahaskan dasar am yang 11 hari itu tetapi sekarang ini kita dalam Jawatankuasa. Perbandingan boleh dibuat dan dasar perkhidmatan boleh disentuh tetapi dasar am tak usahlah dilanjutkan.

Dr Chen Man Hin: Tuan Pengerusi, untuk dasar Kementerian ini sahaja.

Tuan Pengerusi: Beri bandingan saya kata boleh, tetapi jangan berlanjutan sangat.

Dr Chen Man Hin: Ini berkenaan dengan missing link. Saya ingat kalau kita ambil contoh ini; tadi Yang Berhormat Setiausaha Parlimen ada berkata bahawa Kerajaan tidak mahu adakan National Service. Itu pandangan Kementerian, tetapi kalau kita hendak menghadapi cabaran yang sangat serius Kerajaan mestilah menimbang dan mengambil perhatian. Kalau Kerajaan mahu menghadapi cabaran itu pertolongan dan sokongan rakyat mestilah kita timbangkan betul-betul.

Saya tidak ada hendak bercakap lagi, Tuan Pengerusi, tetapi saya harap Kerajaan ambil perhatian apa yang saya sudah cakapkan.

Tuan Pengerusi: Ahli Yang Berhormat dari Kepong.

6.00 ptg.

Dr Tan Tiong Hong (Kepong) Tuan Pengerusi, saya sokong Anggaran Perbelanjaan \$2,962,800,000 yang diperuntukkan kepada Kementerian Pertahanan untuk Pembangunan dan Perbelanjaan.

Tuan Pengerusi, saya juga ingin menyentuh berkenaan Maksud P. 28 dalam muka surat 228, Butiran 1—Rancangan Perumahan. Tadi kita dengar Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Pertahanan telah beritahu kepada Dewan yang mulia ini negara kita telah mengambil langkah untuk membesarkan dan menguatkan lagi Angkatan Tentera kita tetapi apabila kita mengambil

langkah-langkah berkenaan itu di bawah rancangan perumahan ini kita harus mengadakan satu projek untuk membina rumah-rumah yang boleh dijual kepada ahli-ahli Angkatan Tentera di dalam projek-projek low cost.

Saya mencadangkan ini oleh kerana apabila ahli-ahli Angkatan Tentera telah bersara atau sudah tamat perkhidmatan mereka khasnya dari kategori private, ramai yang telah berhenti dari perkhidmatan mereka tidak dapat rumah-rumah di mana mereka boleh membeli dengan pencen dan gratuity mereka oleh kerana keadaan di dalam negara kita hari ini ialah supply tidak mencukupi, demand yang sudah lebih dan selalu kita ada lihat bekas-bekas Angkatan Tentera telah masuk di dalam tempat-tempat setingan dan membuat rumah-rumah setingan di dalam mana-mana tempat yang mereka boleh dapat. Ini adalah satu keadaan yang saya ingat anasir-anasir subversif dan orang-orang yang tidak bersetuju negara kita boleh mengexploitasinya.

Saya harap jikalau ada kemampuan dan kewangan pihak Kementerian boleh mengadakan satu yunit khas berhubung dengan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan dan juga berhubung dengan Kerajaan Negeri menentukan tempat-tempat khas dekat kampung-kampung baru, dekat bandar-bandar baru, tanah-tanah yang direzab untuk yunit perumahan Kementerian Pertahanan dan dengan kerjasama dari pihak swasta mendirikan rumah-rumah low cost ex-servicemen. Saya mencadangkan ini juga oleh kerana mustahak juga kediaman bekas-bekas tentera ada bercampur dengan rakyat jelata oleh kerana kita telah tahu kadang-kadang ada timbul masalah di mana subversif element selalu memberi khabar angin, jikalau ada satu keadaan yang buruk mereka selalu memberi propaganda keadaan buruk itu ialah dibuat oleh ahli-ahli Angkatan Tentera dan jikalau kita ada bekas-bekas ahli tentera yang kediamannya sama-sama dengan rakyat jelata saya ingat masalah public relations dan berselisih faham boleh dikuatkan lagi dan rakyat jelata boleh lagi dirapatkan dan memberi sokongan yang lebih penuh kepada Angkatan Tentera kita ini.

Tuan Pengerusi, saya juga ingin menyentuh muka surat 229, Butiran 6—Pusat Latihan dan Perumahan bagi Bakal Bekas Tentera, Sungai Buluh. Berkenaan hal ini saya ingat

pusat ini patut mengkaji masalah-masalah Persatuan Bekas-bekas Tentera oleh kerana kita selalu mendengar pihak swasta selalu mendapat surat dari Cawangan-cawangan Bekas Angkatan Tentera meminta donation dan mereka ada bercadang jikalau boleh Kementerian Pertahanan atau Persatuan Bekas-bekas Tentera di Headquarters membuat satu hari dalam setahun di mana derma-derma boleh dikumpulkan dan diberi kepada Headquarters atau diberi kepada Kementerian sendiri dan lepas itu Kementerian atau Headquarters Bekas-bekas Tentera boleh memberi allocation kepada cawangan-cawangan. Ini boleh mengurangkan lagi orang-orang yang ingin menggunakan nama bekas-bekas tentera dan mengambil peluang mengutip wang dan selalu ahli-ahli politik yang kurang siasat masalah inipun mereka ada menggunakan nama-nama Menteri dan lain-lain tokoh-tokoh politik mengutip wang. Oleh kerana itu kalau ada satu projek yang benar-benar dan di mana rakyat jelata mesti diberi sokongan pihak swasta sudah tidak percaya oleh kerana mereka telah diberi beberapa kali dan mereka ingat lagi sekali sama ada ini benar atau tidak benar dan imej Persatuan Bekas Tentera telah menjadi mangsa oleh kerana ada orang yang opportunists yang salahgunakan nama baik Angkatan Tentera untuk keuntungan mereka sendiri. Saya harap Kementerian boleh mengambil perhatian berkenaan hal ini dan mencari satu jalan mengatasi masalah-masalah ini.

Tuan Pengerusi: Ahli Yang Berhormat dari Balik Pulau.

6.10 ptg.

Tuan Shamsuri bin Md. Salleh (Balik Pulau): Tuan Pengerusi, bangun untuk bercakap sepatah dua dan memberi pendapat dan pandangan saya dalam perbelanjaan Kementerian Pertahanan yang berjumlah \$2,962,800,000. Saya ingin menyentuh Butiran 1300 muka surat 225—Tambahan Kos Kakitangan.

Tuan Pengerusi saya menyokong penuh cadangan pihak Kementerian Pertahanan untuk menambah, melipat gandakan lagi bilangan anggota-anggota pasukan tentera kita dalam semua angkatan iaitu Angkatan Tentera Darat, Laut dan Udara. Perkara yang patut diambil perhatian oleh pihak

Kementerian Pertahanan ialah selama ini anggota-anggota tentera kita terutama tentera darat yang bertugas di sempadan, masa mereka bertugas begitu lama, lebih dari tiga bulan di sempadan dan apabila mereka balik, kadang-kadang tidak sampai seminggu mereka boleh bersama-sama keluarga mereka dan lepas itu terpaksa kena bertugas balik di sempadan.

Apa yang saya hendak menarik perhatian Kementerian Pertahanan ialah timbulnya masalah sosial. Kita tahu angkatan tentera kita sebagai manusia biasa memerlukan berbagai-bagai keperluan dari segi rohani dan jasmani. Kalau dalam 3 bulan ia bertugas di hutan rimba dan balik hanya 5 hari kemudian terpaksa pergi balik ke dalam hutan, bagaimana sara hidup dari segi perhubungan dia dengan keluarga terutama mereka yang mempunyai isteri. Kita tahu askar kita ini terdiri daripada orang-orang muda, 20 tahun ke atas, ada yang belasan tahun yang sudah berumah tangga. Sara hidup dari segi batin, ini pun perkara yang perlu diberi perhatian. Sudah ada terjadi kes-kes di mana isteri-isteri keluarga tentera ini sudah keluar berjalan-jalan dengan orang lain. Ini saya dapat tahu sendiri daripada laporan yang saya dapati dari kem tentera, dari pegawai-pegawai tentera. Kita tidak boleh menyalahkan isteri-isteri tentera ini yang berbuat begitu, ini adalah didorong oleh nafsu muda, sebab suaminya lebih banyak bertugas di luar, 3 bulan di hutan cuma 5 hari di rumah. Dalam masa 5 hari itu kadang-kadang apabila balik minta maaf, Tuan Pengerusi, isterinya dalam keadaan uzur.

Kita terpaksa kena bercakap kerana ini perkara benar, perkara hakikat. Kemudian sebelum isterinya selesai masa uzur itu dia sudah balik bertugas di sempadan. Bagaimana keadaan ini? Kita yang sihat, kita yang selalu berada dengan keluarga ini pun kadang-kadang lebih dua minggu kita mempunyai perasaan yang berlainan, kalau kita tidak bersama dengan keluarga kita. Nafkah batin ini adalah satu perkara yang penting. Kalau kita berkehendakkan askar kita memberi tugasnya dengan sepenuh tenaga, ini patut diberi pertimbangan yang adil dan saksama, maka itulah tadi saya cadangkan dan saya menyokong penuh supaya keanggotaan tentera kita ini dilipatgandakan supaya memberi peluang kepada anggota-anggota tentera kita yang

bertugas di sempadan dapat sekurang-kurangnya sebulan mereka berada bersama keluarga mereka. Saya harap Yang Berhormat Setiausaha Parlimen akan mengambil perhatian yang berat dalam perkara ini, sebab kebahagiaan rumah tangga itu akan membawa semangat kepada askar kita supaya mereka boleh memberi tenaga yang lebih, boleh bertugas dengan sepenuh hati di sempadan nanti apabila mereka diberi tugas untuk menjaga ketenteraman negara ini.

Selain daripada itu, Tuan Pengerusi, masalah tentera kita yang terlibat dalam kemalangan. Kalau kita perhati dan kita kaji hari ini saguhati yang mereka dapat adalah tidak menasabah kalau kita nilai dengan keadaan pendapatan atau perbelanjaan hidup pada hari ini kalau kita bandingkan dengan kakitangan Kerajaan yang lain yang mendapat bantuan daripada segi kesihatan ini. Saya ambil contoh, pegawai diplomatik kita yang bertugas di luar negeri mendapat layanan hospital kalau kita bandingkan dengan tentera kita berpuluh kali ganda tingginya. Saya di sini bukanlah bermaksud hendak meminta lebih ataupun sama dengan pegawai-pegawai diplomat tetapi patut ditimbangkan kepada tentera-tentera kita yang terlibat dengan kemalangan yang terpaksa dipotong kakinya dan anggota-anggota lain yang cedera terpaksa dipotong. Seperti saya katakan tadi hendaklah diberi pertimbangan, dikaji balik sama ada saguhati yang kita beri sekarang ini sesuai dengan akibat yang mereka hadapi dari kemalangan dalam masa mereka bertugas. Berbalik kepada layanan hospital yang didapati oleh pegawai diplomat kita, semasa saya berada di luar negeri saya dapat tahu, perbelanjaan di hospital di Amerika sangat tinggi. Untuk hendak menukar kesemua gigi seorang itu berkehendakkan perbelanjaan sebanyak \$20,000 nilai wang Malaysia. Itu tukar gigi sahaja. Kalau kita bandingkan dengan saguhati yang dibayar kepada anggota tentera kita dengan gigi yang kita gantikan semuanya kepada pegawai diplomat maka saya harap Kementerian yang berkenaan mengkaji balik sama ada bayaran yang kita bayar itu sesuai atau tidak dan kalau boleh kita gantikan bayaran yang kita bayar itu kepada anggota-anggota tentera kita yang terlibat dalam kemalangan.

Tuan Pengerusi, saya juga menyentuh tentang P. 28 Butiran 9, muka surat 229—Pembelian Kapal terbang T.U.D.M.

Sepanjang yang saya tahu Angkatan Tentera Udara kita itu mempunyai kapal pengangkut askar-askar kita yang baru kita beli yang paling moden yang digunakan oleh banyak negara-negara moden di dunia ini iaitu C 130 Hercules itu kita dapati adalah kapal terbang yang jenis yang terbaik yang digunakan oleh angkatan tentera terutama kuasa-kuasa besar dari Barat. Negara Israel sendiri menggunakan C 130 ini untuk menyelamatkan beberapa perkara kecemasan seperti yang berlaku di Uganda iaitu menggunakan pesawat Hercules atau C 130 ini. Kalau saya tak silap negara kita sudah membeli C 130 ini 5-6 buah.

Saya suka mencadangkan supaya Kerajaan membeli lebih banyak lagi pesawat C 130 ini sebab kita dapati pesawat ini sangat sesuai untuk negara kita kerana negara kita ini mempunyai dua bahagian, satu Semenanjung Malaysia dan satu lagi Sabah dan Sarawak yang jaraknya antara keduanya beribu-ribu batu. Kalau kita tak ada kapal atau pesawat seperti yang saya katakan tadi maka ini akan menyebabkan askar kita lambat mendapat bantuan, lambat mendapat pertolongan apabila berlaku satu-satu kecemasan. Jadi sekali lagi saya cadangkan supaya kapal pengangkut jenis ini patut di tambah lagi memandangkan keadaan ataupun pertahanan ataupun ancaman negara kita hadapi sekarang ini.

Saya suka juga menyentuh Butiran 11 iaitu Pembelian Kapal TLDM. Saya tidak tahu berapa banyak atau berapa buahkah bot-bot TLDM yang sekarang bertugas meronda di perairan negara kita, tetapi kalau kita kaji daripada kedatangan pendatang-pendatang haram walaupun Yang Berhormat Menteri Pertahanan kita menyatakan bahawa rodan kita begitu ketat, kita jaga keselamatan negara kita ini betul-betul dan anggota tentera kita sepenuhnya bertugas untuk mengawal perairan pantai kita yang begitu panjang, tetapi dalam pada itu kita dapat tahu ada juga pendatang haram yang lepas masuk; dua hari yang lalu 100 orang telah masuk, tenggelam di Pantai Trengganu, mati 9 orang. Ini menunjukkan bahawa kawalan yang kita adakan itu tidak cukup, kita mesti mengakui ini barangkali kerana kita kekurangan kapal-kapal ronda. Jadi dalam hubungan ini saya mencadangkan dan saya menyokong sekiranya ada cadangan daripada pihak Kementerian untuk menambah lebih banyak lagi bot-bot ronda

terutama di Pantai Timur. Di Pantai Barat pula, Tuan Pengerusi, masalah nelayan-nelayan yang sentiasa bergaduh antara nelayan pantai dengan nelayan pukat tunda dan sekiranya ada bot-bot ronda itu lebih banyak lagi maka itu dapat kita mencegah daripada berlakunya kekacauan ataupun berlakunya pergaduhan antara nelayan-nelayan pantai dengan nelayan pukat tunda.

Tuan Pengerusi, itulah pandangan dan pendapat untuk Kementerian Pertahanan dan dengan itu saya menyokong sepenuhnya peruntukan yang diminta oleh Kementerian Pertahanan.

Tuan Pengerusi: Ahli Yang Berhormat dari Batang Lupar.

6.25 ptg.

Datuk Edwin Anak Tangkun (Batang Lupar): Tuan Pengerusi, saya bangun untuk menyokong wang yang diperuntukkan sebanyak berjumlah \$2,962 billion yang disebut oleh Setiausaha Parlimen di bawah Kementerian Pertahanan dan di samping itu, Tuan Pengerusi, ingin saya memberi pandangan sedikit supaya diambil perhatian. Walaupun sekarang komunis di negeri Sarawak sudah dapat dikawal akan tetapi Kerajaan tidak dapat membiarkan, Kerajaan perlulah berjaga-jaga dari satu masa ke satu masa dari ancaman komunis dari luar ataupun dari dalam negeri.

Tuan Pengerusi, saya berpendapat bahawa bila ahli-ahli daripada Barisan Nasional bercakap supaya peruntukan di bawah Kementerian ini digalakkan dan saya nampak pada petang ini cuma seorang sahaja wakil dari DAP dalam Dewan yang mulia ini dan ini sudah tentu parti DAP tidak mengambil berat di atas kerjasama mempertahankan negara ini.

Tuan Pengerusi: Ini apa kena-mengena dengan hal ini?

Datuk Edwin Anak Tangkun: Ini Belanjawan.

Tuan Pengerusi: Belanjawan tak ada kena mengena. Fasal berapa ini, di bawah Maksud berapa? Ahli Yang Berhormat, untuk Belanja Mengurusah atau Belanja Pembangunan?

Datuk Edwin Anak Tangkun: Belanja Mengurus.

Tuan Pengerusi: Aktiviti berapa?

Datuk Edwin Anak Tangkun: Aktiviti yang perlu untuk mempertahankan negara ini, aktiviti

Tuan Pengerusi: Saya tahu, saya kemukakan perkara ini tadi kepada Dewan.

Datuk Edwin Anak Tangkun: Perhubungan.

Tuan Pengerusi: Berapa nombornya?

Datuk Edwin Anak Tangkun: 2300 muka surat 226.

Tuan Pengerusi: Apa kena-mengena dengan DAP? Ya, teruskan.

Datuk Edwin Anak Tangkun: Peruntukan ini menyebabkan memang perlu sekali dan pandangan-pandangan saya patutlah tentera di negeri ini mestilah ditambah bukan sahaja tentera darat bahkan tentera laut. Ini memang perlu walaupun sekarang kita dengan perhubungan kita sudah berdekatan kerana dalam suratkhabar kita baca Menteri Luar Negeri tidak lama lagi akan pergi ke Hanoi untuk berhubung supaya kita dapat untuk mengadakan kerjasama dengan

Tuan Pengerusi: Masa sudah cukup. Ahli Yang Berhormat hendak sambung bercakap?

Datuk Edwin Anak Tangkun: Ya.

Majlis Mesyuarat bersidang semula

Tuan Yang di-Pertua: Dewan ditangguhkan sehingga jam 2.30 petang hari Isnin, 26hb November, 1979.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.